

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**PERANAN AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA
DALAM MEMBANTERAS KEGIATAN SALAH
PENYELUDUPAN ROKOK: SATU KAJIAN KES DI
PENGKALAN KUBOR, KELANTAN**



**SARJANA HUBUNGAN ANTARABANGSA
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2019**

**PERANAN AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA
DALAM MEMBANTERAS KEGIATAN SALAH
PENYELUDUPAN ROKOK: SATU KAJIAN KES DI
PENGKALAN KUBOR, KELANTAN**



**Tesis Ini dikemukakan ke Ghazali Shafie Graduate School of Government
Bagi memenuhi syarat Penganugerahan
Ijazah Sarjana Hubungan Antarabangsa
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

KHAIRULDIN BIN SULONG @ IBRAHIM (823759)

calon untuk Ijazah SARJANA
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**PERANAN AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA DALAM
MEMBANTERAS KEGIATAN SALAH PENYELUDUPAN ROKOK :
SATU KAJIAN KES DI PENGKALAN KUBOR, KELANTAN**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **28 Mac 2019**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **March 28, 2019***

Pengerusi Viva : **ASSOC. PROF. DR.
BADARIAH H.J. DIN**
Pemeriksa Luar : **DR. MOHD SABRI MD NOR**
(External Examiner)
Pemeriksa Dalam : **ASSOC. PROF. DR.
JAMALUDIN MUSTAFFA**
(Internal Examiner)

Tandatangan
(Signature)

Tandatangan
(Signature)

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **28 Mac 2019**
Date

Nama Pelajar : **KHAIRULDIN BIN SULONG @ IBRAHIM (823759)**
(Name of Student)

Tajuk Tesis : **PERANAN AGENSI KAWALAN SEMPADAN MALAYSIA DALAM**
(Title of the Thesis) **MEMBANTERAS KEGIATAN SALAH PENYELUDUPAN ROKOK :**
SATU KAJIAN KES DI PENGKALAN KUBOR, KELANTAN

Program Pengajian : **SARJANA**
(Programme of Study)


Penyelia Pertama : **ASSOC. PROF. DR. RUSDI**
(First Supervisor) **OMAR**

Penyelia Kedua : **DR. KAMARUL ZAMAN HJ.**
(Second Supervisor) **YUSOFF**

Tandatangan
(Signature)



Tandatangan
(Signature)




UUM
Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Hubungan Antarabangsa daripada Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak Perpustakaan Universiti mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis ini, atau Dekan *Ghazali Shafie Graduate School of Government*, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Juga pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang kegunaan secara ilmiah terhadap mana-mana bahan daripada tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara keseluruhan atau pun sebahagian daripadanya hendaklah dikemukakan kepada:



Dekan

Ghazali Shafie Graduate School of Government

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, disertasi ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dr Kamarul Zaman Haji Yusoff dan Prof Madya Dr Rusdi Omar selaku penyelia bagi kajian ini yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat, dan nasihat di dalam menjalankan kajian ini. Selain itu, tidak lupa juga kepada Dr. Nik Mawardi bin Mohamed yang telah banyak membantu memberikan nasihat, teguran, serta tunjuk ajar dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada *Ghazali Shafie Graduate School of Government* yang telah memberi bantuan sepanjang kajian ini dijalankan.

Setinggi penghargaan kepada AKSEM Pengkalan Kubor seterusnya AKSEM Negeri Kelantan atas bantuan tanpa berbelah bahagi sepanjang kajian ini dilakukan. Tidak lupa kepada penduduk di kawasan Pengkalan Kubor yang memberi kerjasama penuh kepada saya ketika proses mendapatkan data dilakukan.

Jutaan kalungan kasih kepada keluarga tercinta terutama isteri tersayang, Nur Azila Bt Wahab dan anakanda Nur Aleesya Safiya yang tidak jemu memberikan nasihat, semangat dan sokongan fizikal serta mental sepanjang tempoh penyediaan tesis ini. Tidak lupa juga buat bonda Siti Meriam Bt Dollah, nenek Halimah Bt Derahman dan kakak Siti Zaharah yang sentiasa memberi dorongan dan kekuatan dalam proses menyiapkan tesis ini. Sahabat-sahabat seperjuangan, terima kasih kerana memahami dan rakan-rakan sepengajian yang lain, terima kasih atas bantuan serta semangat yang telah dihulurkan.

ABSTRAK

Penyeludupan rokok pada hari ini sudah mencapai satu tahap yang serius sehingga mendapat perhatian pemimpin tertinggi negara kerana menyebabkan negara kehilangan hasil cukai bernilai RM5 bilion setiap tahun. Penyeludupan rokok juga didapati semakin meningkat walaupun setelah AKSEM dibentuk pada tahun 2015 sekali gus menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan AKSEM melaksanakan tugasnya. Pengkalan Kubor dipilih sebagai kawasan kajian kerana data AKSEM dari 2015 ke 2018 menunjukkan Kelantan adalah negeri yang paling banyak mencatatkan rampasan rokok seludup melalui sempadan darat Semenanjung Malaysia. Kajian ini melihat mengapa kadar penyeludupan rokok masih meningkat walaupun setelah AKSEM dibentuk pada 2015, khususnya bagi mengukur keupayaan AKSEM melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor, menganalisis cabaran dalaman dan luaran AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor, dan mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh AKSEM bagi menangani cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab membanteras penyeludupan rokok. Kajian ini dibuat menggunakan kaedah kualitatif membabitkan temu bual berstruktur dengan 7 anggota AKSEM Pengkalan Kubor dan 7 orang awam di sekitar Pengkalan Kubor. Hasil kajian mendapati bahawa AKSEM memang tidak berkesan dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor. Cabaran dalaman yang dihadapinya adalah kekurangan sumber manusia, masalah integriti anggota, kekurangan logistik, serta ketiadaan latihan khusus untuk anggota. Cabaran luarannya pula adalah faktor keadaan geografi di sempadan Pengkalan Kubor-Thailand, harga rokok seludup yang murah, akta sedia ada yang kurang berkesan serta kekurangan kerjasama penduduk tempatan. Kajian ini mendapati aktiviti penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor menepati Teori Pilihan Rasional. Kajian ini juga mengemukakan beberapa cadangan bagi membantu AKSEM dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor, sekali gus mengukuhkan kawalan sempadan darat negara.

Kata Kunci: Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, Penyeludupan Rokok, Kawalan Sempadan Darat, Sempadan Malaysia-Thailand

ABSTRACT

Cigarettes smuggling has become so serious these days that it gets the attention of the nation's top leader because it results in the loss of RM5 billion in tax revenue every year. Cigarettes smuggling also increases despite the setting up of AKSEM in 2015 hence raising question about AKSEM's effectiveness in handling its duties. Pengkalan Kubor is chosen as AKSEM's data from 2015 to 2018 shows that Kelantan is the state with the largest seizure of smuggled cigarettes among all land borders in Peninsular Malaysia. This study looks at why cigarettes smuggling still increases despite the setting up of AKSEM in 2015, especially to measure the effectiveness of AKSEM in playing its roles and responsibilities in dealing with the problem of cigarettes smuggling in Pengkalan Kubor, to analyse internal and external challenges that AKSEM has to face in dealing with the problem of cigarettes smuggling in Pengkalan Kubor, and to identify the methods used by AKSEM to solve the challenges that it faces in face in dealing with the problem of cigarettes smuggling. This study uses qualitative method involving structured interviews with 7 members of AKSEM Pengkalan Kubor and 7 members of the public around Pengkalan Kubor. This study finds that AKSEM is really not effective in dealing with the problem of cigarettes smuggling in Pengkalan Kubor. The internal challenges faced by AKSEM are the lack of human resources, the issues of staff integrity, lack of logistics, and lack of specialized training for the staff. The external challenges are the geographical situation at the Pengkalan Kubor-Thailand border, the low price of smuggled cigarettes, the ineffectiveness of existing act, as well as the lack of cooperation of the locals. This study finds that cigarettes smuggling activities in Pengkalan Kubor fits with the Ractional Choice Theory. This study also offers some suggestions to help AKSEM deal with the problem of cigarettes smuggling in Pengkalan Kubor, as well as strengthening land border control of the country.

Keywords: Agensi Kawalan Sempadan Malaysia, Cigarette Smuggling, Land Border Control, Malaysia-Thailand Border

ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Kawasan Kajian	5
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Skop Kajian	18
1.7 Batasan Kajian	21
1.8 Definisi Operasi	22
1.8.1 Cabaran Dalaman	22
1.8.2 Cabaran Luaran	22
1.8.3 Penyeludupan	23
1.8.4 Penyeludup	24
1.9 Kepentingan Kajian	25
1.10 Pembahagian Bab	27
BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	28
2.1 Pengenalan	28
2.2 Penyeludupan Rokok	28
2.3 Masalah Penyeludupan Rokok	29

2.4	Faktor Penyeludupan Rokok	31
2.5	Kes-kes Penyeludupan Rokok	34
2.6	Penguat kuasa Pencegahan Penyeludupan	35
2.6.1	Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017	37
2.6.2	Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976	38
2.6.3	Pelan Strategik JKDM 2015-2019	40
2.6.4	Pelan Strategik KDN 2015-2020	43
2.7	Agensi Kawalan Sempadan Malaysia	44
2.8	Sejarah Agensi Kawalan Sempadan Malaysia	48
2.9	Tugas dan Peranan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia	50
2.9.1	Corak dan Cara Kerja dalam Membanteras Penyeludupan Rokok	52
2.9.2	Kerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Lain	54
2.9.3	Cabaran Membanteras Penyeludupan Rokok	58
2.10	Kajian Lepas	64
2.10.1	Aktiviti Penyeludupan Secara Umum	64
2.10.2	Aktiviti Penyeludupan Di Malaysia	65
2.10.3	Teori Mengenai Aktiviti Penyeludupan	67
2.11	Kerangka Teori: Teori Pilihan Rasional (RCT)	68
2.12	Kesimpulan Bab	70
 BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		 71
3.1	Pengenalan	71
3.2	Kaedah penyelidikan	71
3.3	Reka bentuk Kajian	73
3.3.1	Kaedah Pengumpulan Data	75
3.3.2	Temu bual	76
3.3.3	Bahan Dokumen	77
3.3.4	Pensampelan	78
3.3.5	Kaedah Analisis Data	79
3.4	Responden	79
3.5	Temu bual	81
3.6	Kesimpulan Bab	84

BAB 4 : ANALISIS KAJIAN	85
4.1 Pengenalan	85
4.2 Analisis Latar Belakang Responden	86
4.3 Analisis AKSEM Pengkalan Kubor	86
4.3.1 Peranan dan Tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor	87
4.3.2 Langkah Pencegahan Penyeludupan AKSEM Pengkalan Kubor	96
4.3.3 Cabaran Dalaman AKSEM Pengkalan Kubor	98
4.3.4 Cabaran Luaran AKSEM Pengkalan Kubor	108
4.4 Analisis Orang Awam	115
4.4.1 Faktor Rokok di Seludup dan Dibeli oleh Orang Awam	116
4.4.2 Tahap Penguatkuasaan di Sempadan	120
4.4.3 Keyakinan Terhadap Integriti Pihak Berkuasa di Sempadan	122
4.4.4 Ancaman Penyeludupan Rokok Terhadap Keselamatan Penduduk Tempatan	123
4.4.5 Taktik Penyeludupan Rokok Seludup di Pengkalan Kubor	124
4.5 Ulasan dan Perbincangan	125
4.6 Kesimpulan Bab	130
BAB : LIMA RUMUSAN DAN CADANGAN	132
5.1 Pengenalan	132
5.2 Rumusan	132
5.3 Cadangan	138
5.3.1 Mengembangkan Kapasiti Sumber Manusia di AKSEM	140
5.3.2 Rasionalisasi Tarif Rokok	141
5.3.3 Mengadakan Program Bersama Orang Awam	141
5.3.4 Menambahbaik Akta Sedia Ada	143
5.3.5 Menggunakan Aset dan Peralatan Logistik Terkini	143
5.4 Kajian Akan Datang	144
5.5 Penutup	145
RUJUKAN	147
LAMPIRAN	154


SENARAI JADUAL

Jadual 1. 1 Keluasan Mukim Pengkalan Kubor	6
Jadual 1. 2 Jumlah Rampasan Rokok di Malaysia, 2014-2018	9
Jadual 1. 3 Senarai Pengkalan Haram Dan Lorong Tikus Di Pengkalan Kubor	10
Jadual 1. 4 Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur	20
Jadual 2. 1 Nilai Rampasan Sempadan Negeri Kelantan-Thailand Tahun 2012 Ke 2014	34
Jadual 3. 1 Responden Kajian	80
Jadual 4. 1 Perjawatan AKSEM 2015-2018	102
Jadual 4. 2 Perbandingan Perjawatan JKDM, JIM, Dan PDRM Bagi AKSEM Negeri Kelantan Untuk Tahun 2015	104
Jadual 4. 3 Perbandingan Harga Rokok Seludup Dan Bercukai	112



SENARAI RAJAH

Rajah 1. 1: Kawasan Operasi Seliaan AKSEM Pengkalan Kubor	6
Rajah 1. 2: Statistik Penggunaan Rokok Haram di Malaysia dari tahun 2012 hingga 2015	8
Rajah 1. 3: Lakaran Pengkalan Haram dan Lorong Tikus dalam Peta Pengkalan Kubor	11
Rajah 1. 4: Kedudukan Sempadan Malaysia-Thailand	19
Rajah 2. 1: Carta Alir Bidang Kuasa AKSEM	45
Rajah 3. 1: Proses Penyelidikan	74
Rajah 4. 1: Carta Organisasi Ibu Pejabat AKSEM	89
Rajah 4. 2: Keanggotaan AKSEM	90
Rajah 4. 3: Peranan dan Tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor	91
Rajah 4. 4: Kaedah Penguatkuasaan Dan Kawalan AKSEM	92
Rajah 4. 5: Cabaran Dalaman AKSEM Pengkalan Kubor	99
Rajah 4. 6: Cabaran Luaran AKSEM Pengkalan Kubor	108
Rajah 4. 7: Faktor Rokok Di seludup Masuk ke Negara Ini	117
Rajah 5. 1: Cadangan Penambahbaikan	139



SENARAI FOTO


Foto 1. 1: Sempadan Malaysia-Thailand yang Dipagari	5
Foto 1. 2: Sempadan Pengkalan Kubor-Thailand	7
Foto 1. 3: Sempadan Sungai Takbai Dan Sungai Golok	12
Foto 2. 1: Antara Rokok Haram Yang Dirampas Pihak Berkuasa	31
Foto 2. 2: Contoh Rokok Seludup Yang Dirampas	35
Foto 2. 3: Pemeriksaan oleh Anggota AKSEM	52
Foto 2. 4: Operasi Bersepadu AKSEM, PDRM Dan AADK	56



SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
AKS	Agensi Keselamatan Sempadan
AKSEM	Agensi Kawalan Sempadan Malaysia
Akta 799	Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017
APIS	Advance Passenger Information System
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BERNAS	Padiberas Nasional Negara
BPPH	Bahagian Pencegahan Penyeludupan Polis Hutan
CBP	Cukai Barang dan Perkhidmatan
CCTV	Kamera Litar Tertutup
CMTM	Persekutuan Pengilang Tembakau Malaysia
CSR	Corporate Social Responsibility
ECQ	Emotional Control Questionnaire
FATF	Financial Action Task Force
ICQS	Immigration, Customs, Quarantine and Security
ICS	Kajian Rokok Seludup Malaysia
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JTI	JT International Bhd
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKM-Farmasi	Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia
KPDNKK	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan
KTJ	Kawasan Tanggungjawab
LIMA	Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition
LKTN	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
LP	Lesson Person
MCPF	Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara

NBOS	National Blue Ocean Strategy
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis DiRaja Malaysia
PGA	Pasukan Gerakan Am
PPM	Pasukan Polis Marin
RCT	Rational Choice Theory
RM	Ringgit Malaysia
RUU	Rang Undang-Undang
SJR	Sekatan Jalan Raya
SOP	Standard Operating Procedure
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TI-M	Transparency International Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPP	Unit Pencegah Penyeludupan
WHO	Badan Kesihatan Dunia



UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1: Soalan Temubual AKSEM Pengkalan Kubor	157
Lampiran 2: Soalan Temubual Orang Awam di Pengkalan Kubor	162



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada 27 Mac 2019, Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, sewaktu berucap merasmikan Persidangan Maritim Kebangsaan bersempena LIMA 19, menyatakan keselamatan maritim kita sedang dicabar hebat oleh ancaman-ancaman bukan tradisi seperti penyeludupan barangan dan manusia. Aktiviti-aktiviti ini merencatkan dengan teruknya aktiviti-aktiviti ekonomi kita seterusnya menjejaskan jumlah keseluruhan hasil negara (Berita Harian, 2019). Kenyataan Perdana Menteri ini pasti sahaja menggambarkan masalah penyeludupan sudah mencapai satu tahap yang serius, khususnya dari segi impaknya kepada kutipan hasil negara kerana Perdana Menteri hanya bercakap soal besar sahaja.

Malah, kenyataan Perdana Menteri ini sangat selari dengan ucapan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, sewaktu membentangkan Bajet 2019 di Parlimen pada 2 November 2018. Menteri Kewangan lebih fokus lagi dengan menyebut Kastam akan meningkatkan penguatkuasaan ke atas penyeludupan rokok kerana pada masa ini Kerajaan mendapat hasil yang lebih rendah akibat wujudnya produk alternatif haram yang berleluasa atau produk yang mempunyai label duti kastam palsu.

Jelas beliau, Kerajaan berharap untuk mendapatkan semula sekurang-kurangnya RM1 bilion daripada usaha membanteras aktiviti penyeludupan dan penipuan, yang sebelum ini tidak dapat dikutip (Treasury, 2 November 2018).

Semua ini menggambarkan penyeludupan rokok pada hari ini begitu berleluasa dan ianya berlaku dalam skala yang besar serta menggunakan modus operandi yang teratur sehingga menimbulkan ancaman serius kepada perbendaharaan kerajaan, yang mana berbilion ringgit dalam hasil cukai hilang.

Turut mengakui ancaman serius penyeludupan rokok adalah Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Lee Lam Thye, yang menyebut penyeludupan dan penjualan arak serta rokok amat serius kerana, selain menyebabkan negara rugi, ada kemungkinan rokok atau arak tersebut menggunakan bahan yang boleh merosakkan kesihatan dan nyawa orang awam (Harian Metro, 30 November 2018).

Begitu juga dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr Mujahid Yusof Rawa, yang menyebut “penjualan rokok seludup sudah ada di mana-mana termasuk di tempat saya sendiri kerana orang ramai terutama remaja boleh beli di kedai tertentu” (Harian Metro, 30 November 2018).

Ancaman serius penyeludupan rokok ini juga terlihat bila Perbincangan Meja Bulat Mengenai Penyelidikan Perniagaan Rokok Seludup di Malaysia diadakan di Universiti Malaya (UM) pada 4 Oktober 2018. Perbincangan anjuran Pusat Kajian Polisi Awam

ini membariskan Ramon Navaratnam, Dr Nor Aryana Hassan, Dr Norashidah Mohamed Noor dan Dr Zariah Zain (Harian Metro, 4 Oktober 2018).

Presiden *Transparency International Malaysia* (TI-M), Akhbar Satar, pula mahu kegiatan kartel rokok ditangani secara bersungguh-sungguh seperti memerangi dadah kerana jika dibiarkan, kartel yang turut terbabit dengan jenayah keganasan ini mampu menggugat kestabilan dan keselamatan negara (Harian Metro, 16 November 2018).

Kenyataan Akhbar Satar ini sangat relevan kerana jika diganggu, tonto yang diupah sindiket penyeludupan rokok mampu bertindak di luar batas kemanusiaan termasuk membunuh selain membakar atau merosakkan kereta anggota dan pegawai kastam. Bukti jelas adalah kematian seorang pegawai Kastam, Anisah Ali, di Pasir Mas, Kelantan pada awal Oktober 2016 selepas kenderaan jabatan dinaikinya bersama beberapa anggota lain dirempuh tonto ketika mengejar sebuah kenderaan yang disyaki membawa rokok seludup dalam operasi membuktikan sindiket ini sanggup melakukan apa sahaja asalkan perniagaan haram mereka tidak diganggu (Harian Metro, 26 Julai 2018).

Ketua Pengarah Maritim Malaysia, Zulkifli Abu Bakar, pula berkata, “membendung penyeludupan rokok adalah sukar, apatah lagi ada yang menjadikan aktiviti itu sebagai mata pencarian khususnya mereka yang tinggal di perairan sempadan Malaysia” (Harian Metro, 5 April 2018).

Begitu juga dengan Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Bukit Aman, Abdul Rahim Abdullah, yang berkata, membanteras penyeludup rokok adalah satu tugas yang amat

mencabar dan perlu kerjasama semua sama ada pihak berkuasa atau masyarakat. Pihak PPM tidak mampu menangani masalah ini secara bersendirian, tambahan pula kerana penyeludup terbabit turut dilengkapi peralatan canggih termasuk bot pancung berkelajuan tinggi yang mampu bertindak cepat melarikan diri jika terserempak dengan pasukan keselamatan (Harian Metro, 5 April 2018).

Pada masa yang sama, sebuah agensi bernama Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) telah dibentuk pada tahun 2015 melalui pewartaan Akta 799 selaku agensi khusus yang dipertanggungjawabkan untuk mengawal sempadan darat negara daripada aktiviti penyeludupan, termasuk penyeludupan rokok (Berita Harian, 2 November 2015, dan Sinar Harian, 26 Disember 2017).

Semakin seriusnya penyeludupan rokok di Malaysia menimbulkan tanda tanya ke atas keberkesanan AKSEM melaksanakan tugasnya kerana di sebalik penubuhannya, kedudukan Malaysia dari segi penyeludupan rokok tidak juga bertambah baik.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perbatasan negara di Kelantan merupakan kawasan yang tidak dipagari sama ada oleh tembok mahupun pagar. Menurut Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara (2015), daripada 646.4 kilometer sempadan darat, hanya kawasan di pantai barat semenanjung sahaja yang dipagari (melibatkan kawasan sepanjang 111 kilometer) manakala di kawasan pantai timur tidak dipagari atas faktor geografi. Berikutan ini, Pengkalan Kubor yang terletak di bahagian pantai timur semenanjung tergolong di dalam kelompok sempadan negara yang tidak dipagari.



Foto 1. 1: Sempadan Malaysia-Thailand yang Dipagari

Sumber: Kosmo, 10 November 2015

Pencegahan penyeludupan yang berakar umbi dalam kegiatan harian masyarakat terutamanya yang tinggal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand adalah kian sukar dan direntang dengan pelbagai cabaran. Kesukaran membendung aktiviti penyeludupan yang disokong oleh kepesatan teknologi semasa yang memudahkan penyeludup berkomunikasi sesama sendiri sekali gus mengaburi pihak berkuasa. Pengkalan Kubor antara kawasan penyeludupan yang popular di Kelantan selain daripada Rantau Panjang dan Pasir Mas.

1.2.1 Kawasan Kajian


Kawasan kajian meliputi kawasan operasi seliaan AKSEM Pengkalan Kubor. Kawasan ini meliputi kawasan seluas 25.9 kilometer persegi yang meliputi empat buah mukim iaitu Ketil, Geting, Simpangan, dan Kuala Tabal. Selain daripada empat mukim, terdapat 49 buah kampung yang berada di Pengkalan Kubor.

Jadual 1. 1
 Keluasan Mukim Pengkalan Kubor

Mukim	Keluasan Kawasan (Kilometer Persegi)
Ketil	0.8
Geting	4.6
Simpangan	17.9
Kuala Tabal	2.6
Jumlah	25.9

Sumber: AKSEM, 2016

Jajahan Tumpat merupakan satu daripada sepuluh jajahan yang ada di negeri Kelantan. Pengkalan Kubor bersempadan dengan bandar Tumpat di sebelah timur, Laut China Selatan di utara, di sebelah selatan ialah Jalan Besar dan di sebelah barat ialah Sungai Golok, Thailand.



Rajah 1. 1: Kawasan Operasi Seliaan AKSEM Pengkalan Kubor
 Sumber: AKSEM, 2016

Pengkalan Kubor ialah sebuah bandar sempadan Malaysia-Thailand yang terletak di utara negeri Kelantan. Pengkalan Kubor terletak di Jajahan Tumpat iaitu di sebelah barat bandar Tumpat.



Foto 1. 2: Sempadan Pengkalan Kubor-Thailand
Sumber: Utusan, 6 Julai 2017

Pemilihan Pengkalan Kubor sebagai kawasan kajian dibuat kerana Pengkalan Kubor terletak di Kelantan. Dalam aspek penyeludupan rokok, data AKSEM dari 2015 ke 2018 menunjukkan Kelantan adalah negeri paling banyak mencatatkan rampasan rokok seludup melalui sempadan darat Semenanjung Malaysia berbanding tiga negeri lain, iaitu Perlis, Kedah dan Perak. Nilai rampasan rokok seludup di Kelantan dari 2015 ke 2018 adalah RM48.2 juta berbanding Perlis RM10.7 juta, Kedah RM5.0 juta dan Perak RM0.3 juta (Kawalan Sempadan Negara Dari Perspektif AKSEM, 2019).


1.3 Permasalahan Kajian

Bila dilihat dari sudut statistik, maka akan didapati bahawa penyeludupan rokok semakin meningkat walaupun setelah AKSEM dibentuk pada tahun 2015. Beberapa rampasan mutakhir rokok seludup adalah:

- i. Kejayaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merampas rokok seludup dan minuman keras melalui bot dengan nilai rampasan sebanyak RM12.9 juta di perairan Kuala Selangor sepanjang tahun 2018 (Bernama, 8 Februari 2019).

- ii. Kejayaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 9.7 juta batang rokok seludup melibatkan nilai dianggarkan RM776,000 di Lapangan Pemeriksaan Kontena Penguatkuasa Pelabuhan Klang pada 4 Januari 2019 (Astro Awani, 14 Januari 2019).
- iii. Kejayaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 13.03 juta batang rokok seludup melibatkan nilai dianggarkan RM8.67 juta di Pelabuhan Baram pada 22 Februari 2019 (Berita Harian, 25 Februari 2019).

Pada tahun 2010, Malaysia berada di kedudukan kedua terbesar di dunia dalam jenayah rokok seludup yang membawa kepada kerugian sebanyak RM1.9 bilion setahun kepada negara (Laporan Tembakau Dunia, 2010). Pada tahun 2014, kira-kira 33.7 peratus daripada semua rokok yang digunakan di Malaysia adalah produk haram (Philip Morris International, 2016).



Rajah 1. 2: Statistik Penggunaan Rokok Haram di Malaysia dari tahun 2012 hingga 2015

Sumber: Philip Morris International, 2016

Paling mutakhir, berdasarkan Kajian Rokok Seludup Malaysia (ICS) 2018 yang dibentangkan oleh Pengarah Urusan JT International Bhd (JTI), Cormac O ‘Rourke, pada 3 April 2019, didapati bahawa:

- i. Malaysia kini menduduki carta teratas pasaran rokok seludup dunia membabitkan 58.9 peratus penguasaan pasaran tempatan atau kira-kira 12 bilion batang rokok seludup dijual di negara ini.
- ii. Malaysia akan kehilangan sehingga RM5 bilion pendapatan cukai yang tidak dikutip setahun daripada rokok seludup.
- iii. Penjualan rokok seludup berlaku paling meluas di Sabah dan Sarawak serta negeri Pantai Timur Semenanjung dengan senario terkini mencapai tahap tertinggi masing-masing 80 peratus dan 70 peratus.

(Harian Metro, 3 April 2019)

Data ICS 2018 ini tidak berbeza dengan pendedahan eksklusif Harian Metro sebelumnya bahawa kegiatan penyeludupan rokok yang kini menguasai 60 peratus pasaran tempatan didalangi sindiket terancang yang dikesan mengaut keuntungan dianggarkan RM5 bilion setiap tahun dengan rampasan rokok yang dijalankan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 2016 adalah sebanyak 1.6 bilion batang dan meningkat menjadi 2.5 bilion batang pada 2017 (Harian Metro, 26 Julai 2018).

Jadual 1. 2

Jumlah Rampasan Rokok di Malaysia, 2014-2018

Tahun	Rampasan (RM)	Duti (RM)
2014	38.7 juta	283.7 juta
2015	48.3 juta	315.4 juta
2016	82.7 juta	648.9 juta
2017	120.7 juta	992 juta
Januari 2018	4.4 juta	33.2 juta

Sumber: Berita Harian, 29 Mac 2018

Melihat kepada jumlah rampasan yang meningkat saban tahun ternyata pihak berkuasa perlu mempergiatkan usaha membanteras gejala penyeludupan dengan merentasi rangkaian agensi penguatkuasaan dan jabatan.

Peranan AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di pantai timur Semenanjung menjadi penting kerana, berbanding dengan kawasan yang bersempadanan yang berada di pantai barat Semenanjung Malaysia, bahagian sempadan yang terletak di pantai timur tidak memiliki tembok mahupun pagar sempadan (Mstar, 26 Mei 2015). Hal ini berikutan keadaan geografi di sempadan tersebut di mana jarak sungai daripada Sungai Takbai ke Sungai Golok serta sempadan sungai Kelantan-Thailand yang begitu sempit. Faktor geografi ini telah membuatkan perairan Sungai Golok dieksploitasi dengan begitu profesional sehinggakan ianya memberi pulangan berganda kepada penyeludup (Abdullah, Norehan, Selamah, & Fauzi, 2015).

Jadual 1. 3
Senarai Pengkalan Haram Dan Lorong Tikus Di Pengkalan Kubor



SENARAI NAMA PENGKALAN-PENKALAN HARAM


1. TUMPAT - 28

KUALA JAMBU - 7		SIMPANGAN - 12	
1	PENKALAN POHON SAGU	1	PENKALAN SIMPANGAN
2	PENKALAN POHON TAR	2	PENKALAN POHON NIBONG
3	PENKALAN PISAU RAUT (1)	3	PENKALAN PAR
4	PENKALAN PISAU RAUT (2)	4	PENKALAN CIK ROMOH
5	PENKALAN POHON NAGA ISU	5	PENKALAN HAMIS JABAL
6	PENKALAN POK NGOH	6	PENKALAN KODIR
7	PENKALAN POHON NIBONG	7	PENKALAN TUALANG
		8	PENKALAN RONI
		9	PENKALAN MOK DHE
		10	PENKALAN OMAR
		11	PENKALAN AWANG MUDA
		12	PENKALAN YUNUS
PENKALAN KUBOR - 9			
1	PENKALAN PA K MAT BEDO		
2	PENKALAN KUBOR 2		
3	PENKALAN BOTOL POKOK KETAPANG		
4	PENKALAN MOK SU MEK		
5	PENKALAN BATU		
6	PENKALAN BATU 1		
7	PENKALAN TIECINA		
8	PENKALAN TANJUNG KUBOR 1		
9	PENKALAN STOR CIKGU PILAU ULAR		

Nota : PENGKALAN HARAM BERWARNA HIJAU ADALAH AKTIF

Sumber: Polis DiRaja Malaysia, 2017

Tidak terkecuali juga kawasan tebing sungai di sempadan tersebut adalah hak milik penduduk di situ sekali gus mereka dengan berani membina sendiri pengkalan-pengkalan haram yang didefinisikan sebagai “lorong-lorong tikus.” Hal ini menyukarkan pihak berkuasa AKSEM untuk bertindak seterusnya mengekang penyeludupan ini.



Rajah 1. 3: Lakaran Pengkalan Haram dan Lorong Tikus dalam Peta Pengkalan Kubor
Sumber: Polis DiRaja Malaysia, 2017

Faktor geografi tersebut menyebabkan timbulnya masalah dalam mengawal aktiviti di sempadan di mana pihak berkuasa tempatan seakan-akan membenarkan pembinaan penempatan berhampiran sempadan (Abdullah, 2015). Penempatan yang dibina di kawasan sempadan memberi kesan kepada agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab melaksanakan agenda membanteras penyeludupan. Hal ini memudahkan penyeludupan dilakukan dengan membawa masuk bahan seludupan ke kawasan penempatan terlebih dahulu sebelum barangan tersebut dijual (Abdullah, 2015).

Perkara ini terbukti bila wartawan Berita Harian mendedahkan betapa dengan hanya bermodalkan RM4 untuk tambang bot, sesiapa sahaja boleh keluar masuk sempadan Malaysia-Thailand di Pengkalan Kubor dengan mudah, menggunakan pangkalan haram tanpa pasport atau pemantauan pihak berkuasa. Seperti dijangka, mercun atau bunga api pelbagai jenis bernilai lebih RM200 yang dibeli wartawan dapat di seludup dengan selamat tanpa pemeriksaan pihak berkuasa melalui pangkalan haram berkenaan. Malah, kenderaan dinaiki wartawan juga tidak melalui sekatan AKSEM di Pengkalan Kubor, sebaliknya melalui jalan alternatif lain sehingga selamat tiba di Kota Bharu (Berita Harian, 29 Jun 2017).



Foto 1. 3: Sempadan Sungai Takbai Dan Sungai Golok

Cabaran timbul apabila wujud konflik dalaman dalam AKSEM sendiri di mana wujud kelemahan dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia. Abdullah, et., al. (2015) mengatakan bahawa anggota penguatkuasaan dalam AKSEM adalah tidak mencukupi untuk mengawal sempadan negara. Kekurangan anggota mengakibatkan sistem jadual tugas dalaman menjadi lemah. Menurut Sinar Harian (22 Jun 2017), AKSEM mengalami kekurangan anggota untuk melangsungkan operasi pencegahan bersepadu. Sinar Harian (22 Jun 2017) menyatakan bahawa AKSEM hanya

mempunyai 909 anggota yang beroperasi untuk 24 jam di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, AKSEM memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 tenaga kerja baharu bagi memastikan operasi pencegahan dapat dilaksanakan dengan berkesan (Sinar Harian, 22 Jun 2017). Perkara ini menjadi kelemahan kepada AKSEM untuk menangani kes penyeludupan.

Akibatnya ia membuka ruang kepada perlakuan rasuah serta salah guna kuasa yang mana menimbulkan tanda tanya terhadap integriti agensi yang mengawal di sempadan (Abdullah et., al., 2015).

Kejayaan sindiket penyeludupan membawa masuk pelbagai barangan secara haram ke negara ini mencerminkan bahawa sempadan negara tidak mempunyai kawalan yang efektif dan berkesan (Othman et. al., 2017). Integriti di sempadan negara menjadi bualan ketika meledaknya isu penemuan kem pemerdagangan manusia di Wang Kelian, Perlis. Kes itu menjadi topik hangat di mana integriti pasukan keselamatan negara diragui apabila pelbagai pihak mempersoalkan tindakan pihak berkuasa. Dalam AKSEM, integriti anggota di mana anggota berada di gred sedia ada pada tempoh yang lama serta tahap produktiviti dan motivasi turut berkurangan selain dari kurangnya jawatan-jawatan naik pangkat yang mana ianya antara faktor yang memberi pengaruh kepada integriti pegawai dan anggota. Ketua Jabatan juga tidak mempunyai kuasa penuh bagi menangani isu-isu integriti dan tatatertib serta kurangnya anggota yang dinaikkan pangkat bagi perluasan peluang kemajuan kerjaya. Selain itu, tiadanya latihan khas kawalan sempadan di kalangan anggota. Anggota daripada pembekal berbeza menerima latihan berbeza, serta tiadanya latihan indoktrinasi pengurusan dan kawalan secara bersepadu dalam memperkasakan integriti antara anggota agensi.

Masalah salah laku atau disiplin di kalangan anggota penguat kuasa, termasuk AKSEM, ini pernah dibangkitkan oleh beberapa buah media massa.

Mengikut pendedahan eksklusif Harian Metro, kegiatan penyeludupan rokok di negara ini dikesan didalangi 10 nama besar atau taiko daripada kumpulan besar yang dikenali sebagai Pak Su, Mat Siam, Firdaus, Botak Chuan, Harun, Chandra, MD, Haron, Mat Yeh dan Pok Jusoh @ Yusof. Senarai 10 Raja Penyeludup yang berjaya ‘melarikan’ berbilion ringgit cukai kerajaan itu memiliki kawasan dan negeri tertentu dengan dibantu ‘orang dalam’. Semua mereka ini terbabit sama dalam aktiviti penyeludupan lain termasuk dadah, senjata api dan pemerdagangan manusia. Kumpulan ‘taiko’ ini sanggup melabur jutaan ringgit untuk merasuah sesiapa sahaja termasuk pihak berkuasa sama ada di sempadan atau yang berada di bilik berhawa dingin di pejabat (Harian Metro, 26 Julai 2018).

Hasil temu bual wartawan Skuad Khas Harian Metro dengan seorang Raja Seludup warga Thailand yang hanya mahu dikenali sebagai Mr Sam mendedahkan bahawa ‘orang dalam’ terdiri daripada bekas anggota pasukan keselamatan dan yang masih bertugas berperanan melepaskan barangan di seludup di sempadan selain melaporkan pergerakan jika ada operasi agensi penguatkuasaan (Harian Metro, 26 Julai 2018).

Bagi memastikan aktiviti berjalan lancar tanpa gangguan, penyeludup rokok akan menugaskan seseorang yang ada kenalan dalam kalangan pegawai tertinggi atau ketua dalam sesuatu organisasi agensi penguatkuasaan untuk melakukan ‘*kawtim*’ atau ‘tutup sebelah mata’ terhadap kegiatan yang mereka lakukan. *Kawtim* yang dimaksudkan adalah bayaran tetap wang tunai secara bulanan mencecah ratusan ribu


ringgit setiap bulan selagi operasi mereka berjalan, bermaksud selagi ada bulan dan bintang, selagi itu bayaran akan dibuat sekalipun pegawai tertentu itu sudah bertugas ke negeri lain atau bersara. Bayaran ini dibuat secara tunai atau kredit terus ke dalam akaun. Jumlah bayaran bergantung kepada pangkat atau senioriti. Jika pangkat tinggi, habuan lebih tinggi. Selain itu, terdapat juga pakej 'enjoy' disediakan kepada mereka. Pakej 'enjoy' atau berhibur itu berlaku setiap kali kunjungan anggota penguat kuasa ke Thailand (Danok/Hatyai), segala minuman, bilik karaoke dan wanita disediakan sindiket untuk mereka berhibur (Harian Metro, 26 Julai 2018).

Tohmahan lain mengenai masalah salah laku atau disiplin di kalangan anggota penguatkuasa, termasuk AKSEM, ini pernah dibuat oleh portal berita Malaysia Kini yang menceritakan mengenai dakwaan 'bantuan' pegawai-pegawai tertinggi dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam pendaftaran syarikat baru untuk mendapatkan lesen import baru.

Mengikut dakwaan ini, banyak syarikat baru yang tidak mempunyai sebarang modal yang mencukupi dan hanya diwujudkan pada nama sahaja tanpa premis yang beroperasi secara sah boleh mengimport rokok dan minuman keras dengan nilai puluhan juta ringgit. Selepas mendapat lesen, syarikat-syarikat ini menyeludup rokok dan minuman keras dari luar negara ke zon bebas negara kita kononnya akan diimport ke negara lain. Tetapi, barang itu di seludup masuk ke pasaran kita tanpa membayar sebarang duti dengan 'bantuan' beberapa pegawai kastam. Selepas membuat keuntungan puluhan jutaan ringgit, syarikat-syarikat ini akan hilang sekelip mata dan kembali semula dengan nama pengarah serta entiti lain. Syarikat seperti ini akan

berterusan bermaharajalela melakukan aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras (Malaysia Kini, 22 Mac 2019).

Ekoran dakwaan penyeludupan rokok dan minuman keras yang turut melibatkan pegawai tertinggi Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan ke atas jabatan itu dengan meminta jabatan itu menyerahkan senarai nama syarikat yang mempunyai lesen import sejak tahun 2017. Pemangku Ketua Pengarah Kastam, Paddy Abd Halim, bagaimanapun menyangkal tuduhan yang menyatakan bahawa ahli panel pemberian lesen import bersekongkol dan membuta tuli meluluskan lesen atau menerima sogokan rasuah. Beliau turut menyatakan bahawa Unit Siasatan Dalaman Kastam sedang menjalankan siasatan terperinci bagi mengenal pasti jika berlaku sebarang salah laku atau rasuah terhadap mana-mana sindiket atau pegawai kastam sendiri (Malaysia Kini, 26 Mac 2019).



Bagi memastikan penyeludupan rokok dapat ditangani dengan lebih berkesan maka perlulah dikenal pasti masalah sebenar yang menjadi punca kepada peningkatannya walaupun setelah AKSEM dibentuk pada tahun 2015 dan setakat mana ia berpunca daripada ketidakberkesanan AKSEM melaksanakan tugasnya maka masalah yang dihadapi oleh AKSEM ini mestilah segera diatasi bagi menyelesaikan masalah ini.

Kajian ini melihat sejauh mana berkesannya AKSEM dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor memandangkan tiada kajian pernah dibuat mengenai perkara ini secara spesifik sebelum ini.


1.4 Persoalan Kajian

Selepas perbincangan permasalahan kajian, beberapa persoalan kajian dibentuk.

Persoalan bagi kajian ini adalah:

- i. Sejauh manakah AKSEM telah melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor?
- ii. Apakah cabaran dalaman dan luaran AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor?
- iii. Apakah kaedah yang digunakan oleh AKSEM bagi menangani cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab membanteras penyeludupan rokok.

Dapat dilihat di sini bahawa tumpuan kajian adalah kepada tahap keberkesanan AKSEM dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor.



1.5 Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, beberapa objektif kajian telah dibentuk. Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk melihat mengapa kadar penyeludupan rokok masih meningkat walaupun setelah AKSEM dibentuk pada 2015. Objektif khusus bagi kajian ini adalah:

- i. Mengukur keupayaan AKSEM melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor.
- ii. Menganalisis cabaran dalaman dan luaran AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor.

- iii. Mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh AKSEM bagi menangani cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab membanteras penyeludupan rokok.

1.6 Skop Kajian

Fokus utama kajian ini adalah menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam menangani penyeludupan rokok selaras dengan kedudukan AKSEM selaku baris hadapan dalam membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan darat negara.


Penyeludupan rokok menjadi fokus bagi kajian ini memandangkan penyeludupan rokok merupakan isu yang tidak pernah habis di negara ini dan kawasan Pengkalan Kubor juga adalah kawasan dikatakan yang menjadi tumpuan kemasukan rokok seludup dari Thailand. Bagi penyeludupan barangan komoditi lain, penyeludup biasanya lebih memilih untuk menggunakan laluan Rantau Panjang berbanding laluan Pengkalan Kubor.

AKSEM Pengkalan Kubor dipilih sebagai kawasan kajian ekoran lokasi sempadannya yang unik di mana ianya disempadani dengan Sungai Golok dan pesisiran Pantai Seri Tujuh dan Pantai Geting. Oleh demikian, ianya pasti memberi cabaran yang berbeza kepada AKSEM Pengkalan Kubor dalam mencegah penyeludupan di kawasan tersebut.

Kajian ini akan turut mengenal pasti fungsi dan peranan utama AKSEM sebagai agensi kawalan sempadan. Selain itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada kaedah yang

digunakan oleh AKSEM dalam menangani cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab membanteras jenayah penyeludupan rokok. Kajian juga akan melihat kepada cabaran dalaman dan juga cabaran luaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam mencegah penyeludupan rokok.

Kajian ini memilih anggota-anggota AKSEM yang terlibat secara langsung dalam penguatkuasaan di Pengkalan Kubor menjadi responden bagi kajian ini. Selain daripada anggota-anggota AKSEM Pengkalan Kubor, kajian ini turut memilih responden yang terdiri daripada orang awam di sekitar Pengkalan Kubor. Pemilihan sampel menggunakan kaedah pensampelan bertujuan untuk memastikan ketulenan maklumat yang diperolehi. Keadaan ini disebabkan oleh jarak Sungai Golok ke Sungai Takbai yang begitu sempit jaraknya iaitu kira-kira 1 kilometer. Berikutan kawasan sempadan yang dipisahkan dengan sungai, ia menyebabkan bahagian sempadan ini tidak dipagari dengan sebarang tembok mahupun pagar sempadan (Mstar, 26 Mei 2015).



Rajah 1. 4: Kedudukan Sempadan Malaysia-Thailand
Sumber: Diolah dari Google Map, 2018

Populasi penduduk di Pengkalan Kubor adalah 22,014 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Mengikut populasi umur penduduk di daerah tersebut, majoriti penduduk di Pengkalan Kubor ialah golongan belia iaitu sekitar umur 18 tahun hingga 40 tahun. Golongan dewasa juga ramai yang menetap di sini, diikuti kanak-kanak yang berusia kurang dari 12 tahun.

Jadual 1. 4
Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Umur

Kumpulan	Umur (Tahun)	Peratusan
Warga Emas	>58	9.6
Dewasa	41-58	25.2
Belia	18-40	41.8
Remaja	12-17	10.9
Kanak-Kanak	<12	22.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

Setiap tahun, bilangan bayi yang baru dilahirkan meningkat menjadikan 22.5% penduduk tempatan ialah kanak-kanak. Sebilangan kecil sahaja golongan warga emas ada di kawasan ini. Terdapat juga warga Thailand yang menetap dan bekerja di sini. Ada di antara mereka telah berkahwin dengan penduduk tempatan. Majoriti penduduk di Pengkalan Kubor adalah terdiri daripada etnik Melayu dan minoriti penduduk di sini adalah terdiri daripada kaum Cina.

Data mengenai populasi penduduk di Pengkalan Kubor ini penting kerana ia dijadikan panduan untuk pemilihan responden kajian yang representatif.

1.7 Batasan Kajian

Seperti dimaklumkan, fokus utama kajian ini adalah menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam menangani jenayah rentas sempadan penyeludupan rokok selaras dengan kedudukan AKSEM selaku baris hadapan dalam membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan darat negara.

Sementara pemilihan AKSEM Pengkalan Kubor adalah tepat kerana ia merupakan antara kawasan penyeludupan rokok utama melalui sempadan darat negara, batasan utama kajian ini adalah kerana ia hanya mencakupi aktiviti penyeludupan di sempadan darat negara sedangkan penyeludupan rokok juga turut berlaku dengan meluas melalui sempadan air negara.

Batasan lain kajian adalah ia juga tidak memasukkan sebarang data yang berada di bawah kategori 'rahsia' yang boleh menjejaskan keselamatan sempadan negara. Tohmahan terhadap salah laku rasuah atau terlibat dengan penyeludupan oleh anggota AKSEM yang dibuat oleh media massa umpamanya mudah dibuat kerana ia tidak memerlukan kepada pembuktian. Begitu pun, selaku agensi kerajaan, AKSEM tertakluk kepada prosedur pentadbiran tertentu membabitkan siasatan dalaman mahupun siasatan luaran.

Faktor kerahsiaan ini menyebabkan statistik tindakan salah laku atau disiplin yang dibuat ke atas anggota AKSEM tidak dapat dimasukkan ke dalam hasil kajian dan hanya disentuh secara umum sahaja. Begitu juga dengan kertas arahan kerajaan dan minit mesyuarat yang tidak dapat dimasukkan ke dalam hasil kajian kerana faktor kerahsiaan.

1.8 Definisi Operasi

Bahagian ini akan memberi definisi penyeludupan, penyeludup, dan rokok seludup. Dengan membincangkan perihal definisi yang berkaitan, maka kajian ini dapat melihat maksud dari pelbagai sudut pandang.

1.8.1 Cabaran Dalaman

Cabaran dalaman yang dimaksudkan di sini datangnya daripada dalam organisasi AKSEM sendiri. Ariffin dan Ahmad (2017) menyebut bahawa cabaran dalaman yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan adalah integriti di dalam organisasi tersebut. Ianya melibatkan isu rasuah, salah guna kuasa dan tidak profesional dalam mengendalikan tugas. Harian Metro (25 Mac 2015) mengatakan bahawa modal insan merupakan antara cabaran dalaman yang dihadapi oleh kebanyakan agensi penguatkuasaan. Dalam memastikan agensi penguatkuasaan berfungsi dengan baik, anggota penguatkuasaan perlulah mencukupi dan seimbang dengan keadaan semasa. Cabaran dalaman turut melibatkan permasalahan dari segi logistik juga menjadi kekangan utama kepada agensi penguatkuasaan sempadan dalam melaksanakan tanggungjawab berikutan tindakan kerajaan merasionalisasikan perbelanjaan negara (Harian Metro, 25 Mac 2015).

1.8.2 Cabaran Luaran

Cabaran luaran itu datangnya dari ancaman anasir-anasir luar yang berusaha memberi kekangan kepada AKSEM dalam membanteras penyeludupan rokok. Harian Metro (25 Mac 2015) mengatakan bahawa antara cabaran luaran yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam membanteras penyeludupan adalah perubahan trend penyeludupan itu sendiri di mana penjenayah seringkali mengubah modus operandi mereka hingga

menyebabkan kesukaran kepada pihak berkuasa untuk menghidunya. Perkara ini antaranya disebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat, globalisasi, serta perubahan corak ekonomi. Keadaan geografi seperti lautan, sungai, daratan, serta bukit-bukau antara cabaran luaran yang dihadapi oleh pihak AKSEM dalam memantau aktiviti keluar masuk rakyat kedua-dua negara kerana ada di antara mereka mengambil kesempatan dengan melakukan pelbagai jenayah seperti penyeludupan barangan, manusia, dadah, dan senjata. (Utusan Malaysia, 25 Mac 2015).

1.8.3 Penyeludupan

Pelbagai definisi telah diberikan untuk mentakrifkan penyeludupan barangan penyeludupan barangan. Majid & Mohammad (2016) menganggap penyeludupan sebagai pembelian dan penjualan barangan dengan cara yang menyalahi undang-undang. Bagi menentukan penyeludupan barangan, ia boleh menganggap penyeludupan barangan sebagai komoditi import ke negara atau eksport komoditi dari negara secara haram tanpa memfailkan pemulangan cukai dan pembayaran kastam serta keuntungan komersial. Menurut definisi Organisasi Kastam Dunia, penyeludupan komoditi dipanggil sebagai penipuan kastam yang merangkumi penghapusan komoditi di sepanjang sempadan yang dikawal kastam dengan cara rahsia yang melewati pemantauan kastam (Majid & Mohammad, 2016).

Setiap negara mempunyai beberapa peraturan mengenai larangan masuk dan keluar barang-barang dan produk khusus dan hal ini yang mengakibatkan penyeludupan komoditi di mana berlaku kes ketidakpatuhan peraturan yang telah ditetapkan (Khan, 1999). Apa yang boleh disaksikan dalam definisi yang disebutkan di atas terletak pada fakta bahawa penyeludupan barangan merupakan suatu fenomena haram dan dilarang.

WHO (2003) mendefinisikan perdagangan haram sebagai perbuatan atau apa sahaja amalan yang melanggar undang-undang yang berkaitan dengan pengeluaran, penghantaran, penerimaan, pemilikan, pengedaran, jualan atau pembelian, termasuk apa-apa amalan atau kelakuan yang bertujuan untuk memudahkan aktiviti sedemikian. Mengikut definisi oleh Deflem dan Henry (2001) penyeludupan dijelaskan sebagai import haram barang dari satu bidang kuasa kepada yang lain.

Merriman (2003) menyatakan penyeludupan merangkumi aktiviti haram yang melibatkan penghindaran dan pengelakan cukai dengan cara mengelak kawalan sempadan. Menurut Merriman (2003) lagi, ahli ekonomi secara amnya menggunakan aktiviti yang menjejaskan cukai sebagai “pengelakan” cukai manakala undang-undang memanggilnya sebagai “mengelakkan” cukai. Walau apa pun istilah yang digunakan, kedua-duanya merupakan pemalsuan haram dan undang-undang yang boleh menjejaskan hasil cukai negara.

1.8.4 Penyeludup

Penyeludup adalah sesiapa sahaja yang membawa masuk atau keluar barangan dari sesebuah negara ke negara yang lain secara tidak sah atas tujuan untuk mengelak cukai (Jubit & Kanyo, 2014). Naim (2010) pula memberi definisi bahawa penyeludup adalah individu atau organisasi yang membawa masuk atau keluar barangan dari sesebuah negara dengan cara tidak sah. Nalebuff (1987) mengatakan penyeludup adalah mereka yang tahu akan ‘laluhan tikus’ yang mana ianya tidak boleh dikesan oleh pihak berkuasa.

Strik (2012) menuduh bahawa penyeludup adalah individu mahupun kumpulan yang mencuri kesempatan terhadap sesuatu keadaan yang terdesak. Strik (2012) menjalankan kajian terhadap penyeludupan migran yang menyaksikan penduduk bandar Tripoli, Libya lari ke negara-negara Eropah kesan daripada politik yang tidak stabil di Tripoli. Akibat itu, terdapat pihak yang menggunakan situasi tersebut untuk menjana pendapatan dengan ‘mengatur’ perjalanan dari Tripoli ke negara-negara Eropah melalui laluan laut (Strik, 2012). Achilli (2015) menyatakan bahawa penyeludup yang dikenali sebagai *scafisti* (tukang bot) merupakan mereka yang jahat dan tidak bermoral serta menipu yang mana mereka tidak akan teragak-agak untuk membuang migran ke laut.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini tertumpu kepada cabaran AKSEM dalam menangani isu-isu penyeludupan rokok. Kajian ini memberi tumpuan kepada sempadan darat Malaysia-Thailand iaitu Pengkalan Kubor, Kelantan.

Secara umumnya, kajian ini memberi tambahan kepada pengetahuan ilmiah berkaitan kawalan sempadan darat yang melibatkan kes-kes penyeludupan memandangkan tiada kajian pernah dibuat mengenai sejauh mana berkesannya AKSEM dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor sebelum ini. Lebih penting lagi ialah kerana kajian ini membekalkan teori bagi menjelaskan aktiviti penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor ini.

Selain itu, kajian ini dapat melihat dan mencari dengan lebih dekat kaedah bersesuaian untuk menghadapi cabaran di dalam pengawalan negara dalam menangani isu yang berkaitan dengan agensi-agensi yang terlibat di dalam menjaga keselamatan negara. Seterusnya melalui kajian ini, keberkesanan AKSEM sebagai salah satu agensi penguatkuasaan dalam bekerjasama dengan agensi sokongan yang lain dalam menangani cabaran dengan hal-hal di sempadan dapat dikenal pasti. Dengan itu, gerak cara kerja AKSEM dan agensi-agensi lain dapat dilihat sama ada ianya memberikan kesan baik ataupun tidak untuk negeri-negeri sempadan tersebut terutamanya di negeri Kelantan. Keamanan sempadan antara Malaysia-Thailand terutamanya di Kelantan amatlah penting kerana terdapat pelbagai jenis penyeludupan yang sering berlaku. Kes-kes penyeludupan di sini menjadi isu yang tidak lekang daripada terus dibahaskan pelbagai pihak kerana ianya membabitkan ancaman kepada negara.

Selain itu, kajian ini menilai bagaimana AKSEM menjalankan tugas-tugas mereka. Ini memandangkan tiada banyak kajian yang berkaitan dengan cabaran isu penyeludupan di sempadan yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan dilaksanakan di negara ini. Kajian ini dapat menjadi perintis kepada kajian terhadap AKSEM sekali gus dapat membantu pengkaji lain pada masa mendatang mendapatkan maklumat mengenai AKSEM dan kawalan sempadan darat Malaysia-Thailand terutamanya di Kelantan. Akhir sekali, kajian ini diharap akan dapat membuka mata masyarakat bahawa pengurusan pada kawalan sempadan adalah penting dan setanding juga setaraf dengan agensi-agensi lain.

1.10 Pembahagian Bab

Tesis ini dipecahkan kepada lima bab di mana Bab 1 mengandungi perincian tentang permasalahan kajian seterusnya persoalan kajian dibentuk bagi menjawab permasalahan yang dinyatakan. Selain daripada pernyataan masalah, Bab 1 juga turut mengandungi objektif, skop, kepentingan kajian. Bab 2 di dalam tesis ini membincangkan kajian literatur. Selain itu, bab ini turut mengandungi sejarah, tugas, dan peranan AKSEM dalam mencegah penyeludupan rokok. Bab 2 juga turut membicarakan kaedah semasa yang diguna pakai dalam penguatkuasaan. seterusnya Bab 3 membincangkan tentang metodologi dan kaedah kajian. Bab 3 juga membincangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian seperti kawasan kajian, fungsi AKSEM, dan kes-kes penyeludupan rokok yang berlaku di sempadan. Seterusnya Bab 4 melihat kepada dapatan kajian ini di mana Bab 4 memberi fokus terhadap analisis temu bual yang dijalankan bersama responden yang dipilih. Analisis kajian akan menghasilkan dapatan mengenai faktor dalaman dan luaran yang memberi cabaran kepada AKSEM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya selaku agensi penguatkuasaan yang membanteras penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor. Bab ini juga mengandungi perbincangan dapatan berkaitan cabaran yang dihadapi dan seterusnya membawa kepada penemuan yang akan menjawab persoalan kajian selaras dengan objektif yang ditetapkan.

Akhir sekali, Bab 5 membincangkan kesimpulan kajian dan cadangan. Bab terakhir ini membincangkan mengenai capaian objektif kajian, penemuan kajian, dan kesimpulan berdasarkan kepada hasil penemuan kajian. Selain itu, ia juga menerangkan implikasi penemuan kajian dan memberi cadangan-cadangan yang sesuai bagi menambahbaik sistem kawalan sempadan dalam membanteras jenayah rentas sempadan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bagi melihat kepada sejarah, tugas, dan peranan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) dalam pencegahan penyeludupan rokok bab ini akan merungkai kandungan tersebut. Selain itu, bab ini turut melihat kepada kaedah dan corak kerja semasa yang dilaksanakan oleh AKSEM dalam pencegahan penyeludupan rokok. Bab Dua juga turut melihat kepada kerjasama AKSEM dengan agensi lain dalam membanteras penyeludupan rokok.

2.2 Penyeludupan Rokok

Peningkatan harga rokok di dalam negara telah memberi kesan kepada permintaan rokok seludup. Harga rokok yang semakin mahal menyebabkan aktiviti penyeludupan rokok semakin berleluasa. Portal berita *Free Malaysia Today* (10 Januari 2017) menyatakan bahawa kerajaan hilang RM4 bilion setahun daripada hasil cukai jualan rokok disebabkan pasaran rokok yang kini dimonopoli oleh rokok seludup. Perbezaan harga yang ketara antara rokok sah dan seludup dilihat menjadi faktor utama yang menjadikan rokok seludup menjadi pilihan. Walaupun serbuan dan rampasan yang telah dan giat dilaksanakan oleh agensi penguat kuasa, rokok seludup tetap dijual walaupun dengan risiko tindakan undang-undang berikutan permintaan yang tinggi. Penjualan rokok seludup didefinisikan oleh *Financial Action Task Force* (FATF)

sebagai “*pengeluaran, import, pembelian, jualan atau pemilikan hasil tembakau yang gagal mematuhi perundangan*” (FATF, 2012).

Penyeludupan rokok didorong oleh permintaan yang tinggi serta bekalan yang tersedia di negara jiran. Permintaan ke atas rokok seludup antaranya adalah didorong untuk mengelak cukai di mana pembekal mencuri peluang terhadap akses mudah serta kelonggaran penguatkuasaan yang wujud di sempadan, margin keuntungan yang tinggi, dan tindakan yang lemah sekiranya tertangkap. Menurut Alen (2011), kos yang rendah dan permintaan yang tinggi menjadikan rokok antara barangan yang paling banyak di seludup di dunia.

Kebanyakan rokok yang di seludup masuk ke negara ini adalah dari jenama Gudang Garam, John, Luffman, dan Canyon yang dikilangkan di Indonesia (Berita Harian, 12 Oktober 2017).

2.3 Masalah Penyeludupan Rokok

Akhbar dalam talian, *Free Malaysia Today* (23 Ogos 2017) melaporkan bahawa negara mengalami kerugian berbilion ringgit angkara masalah kemasukan rokok seludup. Laporan yang sama menyebut bahawa sejak 13 tahun dahulu, pasaran rokok sah dilihat mengalami penguncupan sebanyak lebih 50%.

Pihak yang memiliki kuasa terbesar dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang berkaitan rokok sama ada menyeludup, mahupun memiliki, atau menjual rokok seludup, di negara ini adalah penguat kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (Harian Metro, 8 April 2018). Namun begitu, penguatkuasaan undang-undang

oleh KKM dilihat dijalankan secara bermusim. Laporan akhbar tersebut menyatakan bahawa tiada penguat kuasa KKM yang menjalankan pemeriksaan mahupun menjalankan operasi secara mengejut di premis-premis yang menyimpan dan menjual rokok seludup.

Penyeludupan rokok telah memacu ke arah kumpulan-kumpulan jenayah terancang (*Reuters*, 18 April 2013). Laporan *Reuters* tersebut menyebut bahawa penyeludupan rokok telah membentuk kumpulan-kumpulan penjenayah di mana ianya berkembang di United Kingdom, Greece, Itali, dan Estonia. Penyeludupan rokok telah merosakkan ekonomi Eropah kerana ianya merosakkan perniagaan yang sah dan menghalang inovasi serta meletakkan banyak pekerjaan berisiko (*Reuters*, 18 April 2013). Hal ini menunjukkan bahawa penyeludupan rokok menjadi masalah global di mana ianya mampu merosakkan ekonomi di serata negara.

“...Kita sedar Malaysia mempunyai kawasan sempadan yang luas, merangkumi jalan air dan darat, sekali gus meningkatkan risiko penyeludupan...”

Sumber: Berita Harian, 29 Mac 2018

Jumlah rampasan rokok daripada tahun 2014 hingga Januari 2018 adalah berjumlah RM294.8 juta (Berita Harian, 29 Mac 2018). Laporan dari Parlimen tersebut menyatakan bahawa kegiatan penyeludupan adalah tertumpu di kesemua pintu masuk negara sama ada perairan mahupun darat di mana negara kerugian jumlah cukai yang menjangkau RM2.27 bilion. Berikut merupakan pecahan jumlah rampasan rokok oleh pihak berkuasa sepanjang 2014 hingga Januari 2018.

2.4 Faktor Penyeludupan Rokok

Industri tembakau berpendapat bahawa penyeludupan rokok disebabkan oleh kuasa pasaran oleh perbezaan harga antara setiap negara. Ini menimbulkan insentif untuk menyeludup rokok dari negara-negara yang 'lebih murah' untuk menjadikannya 'lebih mahal' (Joossens & Martin, 2000). Merriman (2003) menyatakan bahawa penyeludupan barangan sering dilakukan disebabkan oleh; (i) untuk mengelakkan cukai eksais, dan; (ii) mengelakkan peraturan yang melarang penjualan barang tersebut.



Foto 2. 1: Antara Rokok Haram Yang Dirampas Pihak Berkuasa
Sumber: Free Malaysia Today, 23 Ogos 2017

Sebagai contoh, walaupun penjualan kebanyakan rokok asing dilarang di Malaysia, rokok-rokok ini mudah dijumpai, dan dijual dengan meluas di Malaysia. Apabila produk yang sama dijual pada harga yang sangat berbeza di lokasi yang berlainan, terdapat insentif untuk mengangkut produk dari harga yang lebih rendah ke pasaran harga yang lebih tinggi. Atas faktor tersebut, penyeludupan ditakrifkan sebagai penghindaran cukai eksais ke atas barangan dengan mengelakkan kawalan sempadan (Merriman, 2003)

Menurut Farzanegan (2009), dengan adanya permintaan pasaran dalam negara maka aktiviti penyeludupan menjadi pilihan. Amirullah, Fazira, dan Salman (2017) berpendapat bahawa melalui penguatkuasaan undang-undang, kerajaan biasanya membendung bekalan bagi menstabilkan pasaran. Walau bagaimanapun, membendung bekalan tanpa menangani permintaan hanya akan memikat pembekal baru ke dalam pasaran gelap kerana di mana sahaja terdapat pasaran, ada keuntungan yang akan dibuat dan membolehkan perniagaan berkembang. Kewujudan perdagangan haram di Malaysia membuktikan bahawa adanya permintaan untuk barangan yang di seludup. Pasaran ini didorong kebanyakannya oleh mereka yang dari kategori berpendapatan rendah dan pertengahan. Lebih kecil pendapatan, semakin tinggi permintaan itu adalah untuk barangan inferior, dalam kes ini, produk yang di seludup yang merupakan kualiti rendah seperti rokok, alkohol, dan beras yang merupakan antara komoditi kegemaran yang tidak sah diperdagangkan di sempadan (Amirullah, Fazira, & Salman, 2017).

Cukai tinggi yang dikenakan oleh kerajaan dalam usahanya untuk mengelakkan permintaan untuk sesuatu produk tertentu menggalakkan penyeludupan rokok masuk ke Malaysia. Sebagai contoh, di Malaysia, kawalan tembakau adalah dikawal selia di bawah Akta Makanan 1983 yang menyekat pengiklanan tembakau, promosi dan penajaan, dan mentadbir pembungkusan dan pelabelannya (Amirullah, Fazira, & Salman, 2017).

Free Malaysia Today (23 Ogos 2017) melaporkan bahawa kajian daripada ‘*The Malaysian Reserve*’ menunjukkan pada tahun 2016, daripada 18 bilion batang rokok yang dihisap di negara ini, sebanyak 57.1%, atau 10 bilion batang rokok merupakan

rokok seludup. Hal ini didorong oleh faktor kenaikan harga rokok. Selain itu, kenaikan tahunan duti eksais ke atas rokok dilihat sebagai satu cara untuk mengurangkan bilangan perokok telah jelas gagal (Amirullah, Fazira, & Salman, 2017).

“...Tidak guna kerajaan naikkan cukai rokok dan akhirnya, perokok ini beralih ke rokok seludup...”

Sumber: Harian Metro, 3 April 2013

Astro Awani (23 Oktober 2017) melaporkan bahawa penyeludupan rokok berlaku berikutan dengan tindakan kerajaan menaikkan duti import rokok. Laporan tersebut turut memetik kajian daripada Persekutuan Pengilang Tembakau Malaysia (CMTM) di mana pada 2015, didapati bahawa daripada setiap dua kotak rokok yang dijual, satu daripadanya adalah rokok seludup. Ini menunjukkan kenaikan duti import adalah antara faktor utama penyebab aktiviti penyeludupan rokok.

Satu lagi faktor yang menyebabkan perdagangan haram berkembang adalah kekurangan penguatkuasaan yang ketat oleh pihak berkuasa. Pihak berkuasa memainkan peranan penting menerusi mandat yang diberikan iaitu memudahkan urusan perdagangan formal dan mengekang aktiviti perdagangan haram (Kassim, 2017). Kurangnya ketelusan dan wujudnya rasuah di sempadan juga merupakan antara isu yang berkaitan dengan penguatkuasaan yang lemah oleh pihak berkuasa. Peraturan undang-undang yang lemah mendorong penyeludupan kerana ia menjadi lebih menguntungkan untuk diperdagangkan secara haram apabila biaya yang diharapkan seperti denda yang dikenakan adalah kecil jika dibandingkan dengan keuntungan yang diharapkan.

2.5 Kes-kes Penyeludupan Rokok

Sempadan Malaysia-Thailand dilihat tidak pernah sunyi daripada aktiviti penyeludupan pelbagai barangan keperluan asas mahupun barang terlarang. Jenayah ini dilihat semakin membimbangkan di mana penyeludup dilihat sentiasa mengubah modus operandi mereka bagi mengelakkan daripada dihidu pihak berkuasa. Jika dilihat kepada data rampasan bagi tahun 2012 hingga 2014 yang dikeluarkan oleh pihak AKSEM, nilai rampasan rokok untuk tiga tahun tersebut menunjukkan penurunan yang mendadak. Statistik yang diperoleh menunjukkan pada tahun 2012, nilai rampasan bagi arak/rokok/tembakau adalah RM6,600,114.19 manakala pada tahun 2014 nilai rampasan menurun kepada RM1,971,907.00. Walaupun statistik tahun 2012 dan 2014 menunjukkan nilai rampasan berkurangan sebanyak 940%, ianya tidak memberikan gambaran yang aktiviti penyeludupan berkurangan.

Jadual 2. 1
Nilai Rampasan Sempadan Negeri Kelantan-Thailand Tahun 2012 Ke 2014

Jenis Barang	Nilai Rampasan (RM) 2012	Nilai Rampasan (RM) 2013	Nilai Rampasan (RM) 2014
Arak/Rokok/Tembakau	6,600,114.19	1, 214,55 4.00	1,971,907.00

Sumber: AKSEM, 2016

Laporan akhbar Berita Harian (7 Januari 2018) melaporkan sepanjang tahun 2017, Jabatan Kastam Negeri Kelantan telah mencatatkan tangkapan dan rampasan terhadap 42 kes di mana ianya melibatkan pelbagai barangan dengan nilai RM602,948.83 bersama cukai RM6.3 juta dan kompaun dikenakan sebanyak RM16,656.



Foto 2. 2: Contoh Rokok Seludup Yang Dirampas
Sumber: Berita Harian, 12 Oktober 2017

Laporan akhbar yang sama bertarikh 12 Oktober 2017 pula melaporkan bahawa AKSEM Kelantan telah menggagalkan usaha membawa masuk rokok seludup dari Thailand sebanyak 8,250 karton bernilai RM1.1 juta termasuk cukai (Berita Harian, 12 Oktober 2017).

2.6 Penguat kuasa Pencegahan Penyeludupan

Pelbagai kaedah dan modus operandi telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam usaha mengekang dan membanteras penyeludupan rokok. Beberapa agensi antaranya AKSEM, JKDM, JIM, Pasukan Gerakan Am (PGA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta PDRM merupakan antara agensi penguat kuasa yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga sempadan darat negara. Untuk memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan, pelbagai akta dan pelan strategik diwartakan dan dibentuk. Antaranya adalah Akta 799, Akta Kastam 1967, dan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau 2015-2020.

Aktiviti penyeludupan yang kian mengganas mendorong kerajaan Malaysia membentuk pelbagai agensi penguatkuasaan dan undang-undang untuk membanteras aktiviti penyeludupan. Menurut Berita Harian (19 Mac 2015), terdapat tujuh agensi kerajaan telah secara bersama berbincang untuk mencari jalan mengekang penyeludupan dan ianya di selaras oleh SPRM. Agensi yang terlibat dalam perbincangan tersebut adalah PDRM, JIM, JKSM, MKN, dan Maritim Malaysia dan perbincangan tersebut bertujuan mencari idea dan kaedah yang terbaik untuk menghalang tindakan beberapa pihak yang membiarkan penjualan bahan larangan dan kawalan dan melindungi jenayah penyeludupan di sempadan negara. Berita Harian (19 Mac 2015) melaporkan bahawa bagi kawalan sempadan, lebih satu agensi kerajaan yang mengawal dan bertanggungjawab membanteras penyeludupan.

UPP sebagai salah satu agensi kawalan sempadan telah dinaiktaraf kepada AKSEM atas tujuan memantapkan agensi penguatkuasaan serta meningkatkan integriti penguat kuasa di sempadan. Akta 799 telah memberi kuasa kepada AKSEM untuk menerajui kawalan di sempadan darat Malaysia. Sebelum pewartaan Akta 799 dapat dilihat yang bidang kuasa AKSEM begitu terhad di mana terdapat kekangan untuk menjalankan siasatan dan dakwaan terhadap kes-kes akibat tidak diperuntukkan sebarang akta (Utusan Malaysia, 23 Ogos 2017). Setelah diwartakan Akta 799, AKSEM dijadikan agensi tunggal untuk mengetuai kawalan di sempadan yang mana perintah dan kawalan adalah tertakluk di bawah kuasa Ketua Pengarah AKSEM (Akta 766, 2017).

“...Keanggotaan AKSEM membabitkan lima agensi sedia ada, iaitu PDRM, JIM, JKDM, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) serta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)...”

Sumber: Berita Harian, 26 Disember 2017

JKDM juga merupakan agensi penguatkuasaan berkuasa di sempadan negara. JKDM mempunyai lebih daripada satu akta yang menjadi sumber kuasa kepada penguatkuasaan. Antara akta yang memberi punca kuasa kepada JKDM adalah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976, Akta Zon Bebas 1990, Akta Cukai Jualan 1972 (sehingga 31 Mac 2015), Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (sehingga 31 Mac 2015), Akta Levi Kenderaan 1983, Akta Keuntungan Luar Biasa 1998, dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (JKDM, Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015-2019, 2014). Selain itu, JKDM adalah tertakluk kepada beberapa peraturan dan perintah undang-undang dalam bidang penguatkuasaannya antaranya adalah *Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Barang-barang Berasal Dari Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1988* dan *Perintah Duti Kastam (Pengecualian) (Barang-barang Berasal Dari Negeri ASEAN) 1988* (JKDM, Bahagian Penguatkuasaan, 2018).

PDRM dan JIM juga adalah antara agensi lain selain AKSEM dan JKDM dalam mengawal sempadan darat manakala Maritim Malaysia mengawal dan mencegah sebarang kejadian jenayah di sempadan laut. Bagi membendung gejala penyeludupan rokok, LKTN juga adalah agensi yang terlibat sebagai agensi penguatkuasaan. Dengan adanya pelbagai agensi penguatkuasaan, Malaysia dilihat serius dalam memperkasakan pengurusan dan keselamatan sempadannya.

2.6.1 Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017

AKSEM dibentuk pada tahun 2015 dengan menjenamakan semula UPP dalam kawalan darat sempadan Malaysia. Berita Harian (2 November 2015) menyatakan tujuan penubuhan AKSEM antaranya untuk membentuk perpaduan antara agensi

penguatkuasaan dan KDN dalam memerangi penyeludupan rokok di sempadan darat negara. Akta 799 diwartakan bagi tujuan memberi punca kuasa kepada AKSEM yang mana sebelum ini terbatas. Sinar Harian (26 Disember 2017) melaporkan bahawa penggubalan Akta 799 bertujuan untuk menubuhkan sebuah agensi khusus yang dipertanggungjawabkan mengawal sempadan darat negara daripada aktiviti penyeludupan mahupun apa-apa kegiatan yang menyalahi undang-undang negara. Akta 799 menggariskan bahawa AKSEM perlulah menurut semua peruntukan yang ada di dalam Akta 799 dalam mengawal setiap aktiviti penguatkuasaan.

Oleh demikian, Akta 799 merupakan nadi dalam memperkasakan penguatkuasaan di sempadan negara di mana kes-kes pembolosan, penyeludupan, serta rasuah dapat diminimumkan. Walaubagaimanapun, Akta 799 tidak mempunyai peruntukkan bagi AKSEM untuk menjalankan siasatan dan pendakwaan bagi kes-kes serbuan dan rampasan yang dilakukan mereka. Namun begitu dengan adanya Akta 799, walaupun AKSEM masih tidak mempunyai kuasa dalam pendakwaan, namun AKSEM telah diberikan kuasa melaksanakan apa yang sebelum ini terhalang. Perkara ini sekali gus dapat menjernihkan kekacauan dalam penguatkuasaan sempadan di mana menurut Nordin (2001) berlaku ketidakselarasan penguatkuasaan undang-undang antara agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan sempadan.

2.6.2 Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976

Pada Disember 2018, Dewan Rakyat telah meluluskan pindaan terhadap Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976 dan ianya telah dilaksanakan bermula 2 Januari 2019. Pindaan terhadap akta terbabit melibatkan pindaan pada Seksyen 135 Akta Kastam

1967 iaitu kesalahan membabitkan penyeludupan, pengelakan duti dan frod (Utusan Malaysia, 11 Disember 2018).

Sebelum pindaan akta-akta tersebut dilakukan, pesalah yang didapati bersalah di bawah kedua-dua akta ini dikenakan hukuman yang sangat rendah iaitu penjara minimum sehari atau minimum denda sebanyak RM1,000 atau kedua-duanya sekali (Sinar Harian, 7 Januari 2019). Dengan pindaan kedua-dua akta tersebut pesalah berhadapan dengan hukuman yang lebih berat di mana mereka yang ingkar boleh dikenakan penjara minimum enam bulan atau denda RM100,000 (Sinar Harian, 7 Januari 2019). Pindaan akta ini adalah bertujuan bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan pengelakan duti rokok dan minuman memabukkan (Utusan Malaysia, 11 Disember 2018).

Sinar Harian (7 Januari 2019) melaporkan yang JKDM telah mengheret dua orang pesalah warganegara Pakistan yang berjaya ditangkap ke Mahkamah Majistret Kota Bahru, Kelantan pada 7 Januari 2019 dan dituduh di atas kesalahan memiliki barangan larangan import di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dengan nilai barang kes RM152 dan cukai yang terlibat RM1,010.04. Kedua-dua tertuduh mengaku bersalah dan dikenakan denda RM100,000 dan sekiranya gagal membayar denda akan dikenakan penjara 12 bulan (Sinar Harian, 7 Januari 2019). Kes ini menjadikannya sebagai kes pertama yang dihukum setelah pindaan akta dilakukan.

Berikutan pindaan Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976, pihak JKDM tidak lagi membenarkan kes-kes di bawah Seksyen 135 Akta Kastam 1967 seperti kes pemilikan barangan larangan import di kompaun, sebaliknya ia akan terus dihadapkan ke

mahkamah (Malaysia Kini, 11 Januari 2019). Dalam laporan yang sama, Malaysia Kini melaporkan yang Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri T. Subromaniam memberi amaran kepada penyeludup dan penjual rokok seludup yang pihak JKDM akan berusaha keras membendung keberadaan rokok seludup di dalam negara ini. Beliau menyatakan bahawa JKDM memandang serius dan akan mengambil tindakan tegas kepada sesiapa sahaja yang memiliki rokok seludup walaupun dalam kuantiti yang kecil.

“Kedai-kedai dan peniaga kecil-kecilan tidak perlulah mengambil risiko kerana sama ada ia hanya satu pek atau satu karton rokok tidak sah, denda minimum yang dikenakan akan menjadi RM100,000!”

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri T. Subromaniam

Sumber: Malaysia Kini, 11 Januari 2019

2.6.3 Pelan Strategik JKDM 2015-2019

JKDM merupakan satu agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan menghimpunkan hasil negara dalam bentuk duti atau cukai import. Selain itu, JKDM perlu memastikan kelengkapan segala fasiliti perindustrian dan perdagangan negara. Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang sinonim dengan sempadan negara, JKDM adalah antara agensi yang mempunyai peranan dalam menghalang penyeludupan serta memastikan undang-undang yang ditetapkan dipenuhi oleh semua pihak (JKDM, Bahagian Penguatkuasaan, 2018). Pelan Strategik JKDM 2015-2019 diperkenalkan pada tahun 2014 di mana ianya meneruskan pelan strategik terdahulu. Pelan strategik yang diguna pakai adalah menjadi panduan JKDM untuk lebih produktif dan strategik dalam melunaskan tanggungjawab dan penguatkuasaan mereka.

“Misi JKDM adalah untuk memungut hasil dan memberi fasilitasi perdagangan melalui penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang bagi memacu pertumbuhan ekonomi, memelihara keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.”

*JKDM, Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia
2015-2019, 2014*

Pelan Strategik JKDM 2015-2019 telah membentuk beberapa teras sebagai panduan kepada JKDM dalam menunaikan tanggungjawabnya. Bagi membendung penyeludupan, Pelan Strategik JKDM 2015-2019 menerusi Teras Strategik 4: Penguasaan telah menyasarkan untuk *“Peningkatan Pematuhan dan Penguatkuasaan Undang-undang Sejajar Dengan Landskap Perdagangan Antarabangsa dan Ancaman Jenayah Rentas Sempadan.”* Ianya menggariskan lima strategi asas yakni:

- i. Memantapkan kawalan di pintu keluar masuk negara bagi mencegah penyeludupan barang dan orang;
- ii. Mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani penyeludupan dan pengedaran barang tidak lulus kastam (*uncustomed goods*).
- iii. Meningkatkan jalinan kerjasama antara pentadbiran kastam Malaysia dan kastam luar negara untuk menangani jenayah rentas sempadan.
- iv. Meningkatkan usaha untuk menangani frod di bawah Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) atau GST.
- v. Meningkatkan komitmen jabatan untuk memenuhi kehendak perjanjian atau konvensyen di bawah program kerjasama antarabangsa dalam menangani jenayah rentas sempadan.

*Sumber: JKDM, Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia
2015-2019, 2014*

Bagi memastikan kawalan di pintu sempadan berlangsung dengan lancar, beberapa tindakan dan program telah dibentuk berdasarkan kepada beberapa strategi khusus. Strategi 1 Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015-2019 adalah melalui pemantapan kawalan pintu sempadan dan dengan jelas Strategi 1 menyebut '*memantapkan kawalan di pintu keluar masuk negara bagi mencegah penyeludupan barang dan orang.*' Strategi ini memfokuskan kepada kawalan yang ketat di sempadan kepada setiap perjalanan keluar masuk barang dan juga orang. Sehubungan itu, JKDM menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi dalam juga luar negara bagi memastikan kelangsungan strategi ini berjalan. JKDM juga mengguna pakai sistem '*Advance Passenger Information System*' (APIS) dan '*Sistem Rovers*' bagi merekod aktiviti keluar masuk di pintu sempadan (JKDM, Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015-2019, 2014). Strategi 2 pelan strategik ini adalah '*mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani penyeludupan dan pengedaran barang tidak lulus kastam (uncustomed goods).*' JKDM juga melaksanakan operasi pemutihan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai lubang penyeludupan di samping mewujudkan profil kawasan potensi penyeludupan.

Program yang melibatkan pihak lain seperti orang awam dan swasta turut dilakukan oleh JKDM melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR). Melalui program CSR, pihak JKDM melaksanakan kempen-kempen dan program-program pencegahan penyeludupan. Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015-2019 menunjukkan secara jelas bahawa pihak JKDM dan agensi penguatkuasaan sempadan lain serius dalam usaha mengekang jenayah penyeludupan di sempadan tanahair.

2.6.4 Pelan Strategik KDN 2015-2020

Media dan agensi dalam dan luar negara sering melaporkan bahawa Malaysia adalah negara yang sentiasa menjadi fokus dan terdedah kepada sindiket-sindiket penyeludupan antarabangsa. KDN (2015) menyatakan bahawa Malaysia merupakan lokasi yang dikenal pasti sebagai “*transit point*” khususnya untuk jenayah penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Sempadan negara yang begitu sinonim dengan penyeludupan membuatkan KDN mengambil langkah yang agresif dalam mengekang jenayah penyeludupan. Oleh demikian, seperti JKDM, KDN juga mempunyai pelan strategik dalam memacu perkhidmatannya demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam bagi mengekang sindiket-sindiket penyeludupan. Pelan Strategik KDN 2015-2020 juga membentuk teras sebagai panduan. Menurut KDN (2015), globalisasi adalah punca di mana jenayah seperti penyeludupan rokok, penyeludupan dadah, penyeludupan barangan, penyeludupan senjata api, penyeludupan migran, pemerdagangan orang, pengubahan wang haram, keganasan, jenayah siber, jenayah ekonomi, dan pelanunan terbuka begitu luas dan menjadi sukar dibendung. Keselamatan sempadan telah disebut dalam Teras 3 Pelan Strategik KDN 2015-2020 di mana ianya telah memberi fokus dalam menghasilkan tiga matlamat iaitu:

- i. Menguatkuasakan undang-undang imigresen dengan tegas;
- ii. Mengukuhkan keselamatan sempadan;
- iii. Membanteras jenayah rentas sempadan dan memerangi penyeludupan.

Bagi memastikan pelan strategik ini berhasil, kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain sama ada di bawah KDN mahupun agensi lain akan terus dipereratkan. Antara agensi yang menjalin kerjasama dengan KDN adalah ATM,

JKDM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Jabatan Laut, dan lain-lain pihak yang memiliki kepentingan di sempadan negara. Oleh demikian, Pelan Strategik 2015-2020 ini adalah menyasarkan kerjasama rapat antara agensi penguatkuasaan. KDN juga meletakkan sasaran kawalan yang ketat di setiap pintu masuk sempadan negara. Kawalan ketat meliputi ketelitian dan ketegasan terhadap setiap pergerakan keluar masuk negara. Oleh demikian, KDN tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak bagi memastikan kawalan keselamatan yang tinggi di sepanjang sempadan negara (KDN, 2015).


2.7 Agensi Kawalan Sempadan Malaysia

Gabungan PDRM, JIM, JKDM, dan BERNAS yang membentuk UPP yang merupakan satu unit khusus yang bertujuan untuk mencegah penyeludupan di kawasan sempadan darat Malaysia-Thailand. Setelah dinaiktaraf kepada AKSEM, agensi ini mempunyai keanggotaan daripada lima agensi sedia ada iaitu PDRM, JIM, JKDM, AADK dan LKTN (Berita Harian, 2 November 2015). Penubuhan AKSEM adalah tertakluk kepada Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017. Bahagian II 3 (2) Akta AKSEM menyebut bahawa peranan AKSEM di sempadan darat Malaysia adalah untuk mengawal apa sahaja aktiviti penyeludupan atau apa-apa kegiatan lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia.

AKSEM dahulunya dikenali sebagai Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) telah dijenamakan sebagai Agensi Kawalan Sempadan Malaysia pada tahun 2015. Pada tahun 2017, Rang Undang-undang (RUU) AKSEM telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri pada ketika itu. Seterusnya RUU terbabit diluluskan oleh parlimen dan membawa kepada Akta

Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 (Akta 799) yang berkuat kuasa pada 29 Disember 2017 (Astro Awani, 26 Disember 2017).

Menurut laporan yang sama, pelaksanaan Akta 799 pada tarikh tersebut dilakukan berdasarkan kepada subseksyen 1(2) Akta 799. Setelah Akta 799 digazetkan, maka AKSEM sebagai agensi keselamatan sempadan yang mempunyai kelebihan daripada segi fungsi yang lebih efektif yang melebihi kepada isu-isu penyeludupan sempadan darat bukan sahaja di Semenanjung Malaysia malahan juga Sabah dan Sarawak. Ini bermaksud penggubalan akta ini juga memberi punca kuasa bagi penubuhan sebuah agensi khusus yang bertanggungjawab dalam mengawal kegiatan penyeludupan serta aktiviti-aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat negara. Pengoperasian AKSEM tidak membabitkan dengan penambahan jawatan baru sebaliknya ia mengguna pakai jawatan daripada beberapa agensi yang sedia ada (Kosmo Online, 28 Disember 2017). Penubuhan AKSEM merupakan salah satu kaedah yang digunakan kerajaan bagi mengekang isu di sempadan yang tidak pernah lekang. Ia juga antara cara untuk membina sistem kawalan sempadan yang dilihat mudah dicerobohi dengan kes-kes penyeludupan.



Rajah 2. 1: Carta Alir Bidang Kuasa AKSEM

AKSEM merupakan satu agensi menyatupadukan agensi kerajaan yang mengawal sempadan negara dalam mengekang pencerobohan, pembolosan mahupun penyeludupan. Bahagian III Akta 799 menyebut bahawa AKSEM diketuai oleh Jawatankuasa Peringkat Tertinggi terdiri daripada Jemaah Menteri, Panglima Angkatan Tentera, dan Ketua Polis Negara. Jawatankuasa Peringkat Tertinggi berfungsi untuk menimbang dan meneliti, serta memutuskan cadangan yang diusulkan oleh Jawatankuasa Penyelaras dan agensi atau apa sahaja hal-hal yang melibatkan keselamatan sempadan darat negara.

Seterusnya Jawatankuasa Penyelaras merupakan mereka yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaan Akta 799. Selain itu, mereka hendaklah membuat cadangan, merumuskan dasar atau program, memantau, mempertimbangkan langkah-langkah, dan melaksanakan segala perkara yang melibatkan keselamatan sempadan darat Malaysia seperti diperuntukkan di bawah Akta 799. Jawatankuasa Penyelaras juga diberi kuasa untuk menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau sesuai yang mana manfaat diperoleh Jawatankuasa Penyelaras dalam membantu Jawatankuasa Penyelaras menjalankan peranannya.

Di peringkat agensi, AKSEM diketuai oleh Komisioner Jeneral yang dilantik oleh Yang diPertuan Agong. Komisioner Jeneral hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi dan Jawatankuasa Penyelaras bagi arahan, perintah, kawalan, dan pengawasan bagi setiap hal yang berkaitan dengan agensi. Selain itu, Komisioner Jeneral diberi kuasa untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan di dalam Akta 799 atau menjadikan pelaksanaan peruntukan akta menjadi lebih mudah. Komisioner Jeneral juga boleh mengeluarkan apa sahaja perintah, arahan, atau

keputusan sebagaimana yang difikirkan perlu atau memberi manfaat kepada keselamatan sempadan tanah air.

Pelantikan pegawai lain bagi agensi adalah dibuat oleh Menteri sebagaimana yang disebut di Bahagian V subseksyen 13 (1) yang mengatakan bahawa '*Menteri hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai Agensi dalam kalangan pegawai awam sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan akta.*' Pegawai lain yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai polis, pegawai kastam, pegawai imigresen, pegawai AADK, pegawai LKTN, dan mana-mana pegawai awam lain sebagaimana yang difikirkan perlu. Seseorang pegawai yang dilantik adalah tertakluk kepada arahan, perintah, kawalan dan pengawasan Komisioner Jeneral atau mana-mana pegawai lain agensi yang lebih tinggi pangkatnya daripada pegawai itu (Akta 799, 2017). Bagi urusan pentadbiran, AKSEM ditadbir secara terus dan langsung oleh bahagian pentadbiran di Putrajaya. Bagi organisasi pentadbiran AKSEM, pegawai atasan memainkan peranan sebagai Ketua Pengarah AKSEM Malaysia.

AKSEM memainkan peranan sebagai agensi penguatkuasaan di sempadan darat negara termasuk Sabah dan Sarawak. Akta 799 mendefinisikan 'sempadan darat Malaysia' sebagai sempadan darat antara Malaysia-Thailand, Malaysia-Indonesia, dan Malaysia-Brunei. Negara jiran yang bersempadanan ini dipercayai menjadi tumpuan sindiket penyeludupan sama ada membawa barang ke luar mahupun membawa masuk barangan terlarang ke dalam negara. Bagi negeri Kelantan, AKSEM mempunyai kawalan di tiga lokasi pengkalan utama iaitu Pengkalan Kubor, Rantau Panjang, dan Bukit Bunga. Setiap pengkalan mempunyai seorang Komandan Kawasan yang

merupakan ketua bagi pengkalan di mana beliau dibantu oleh Timbalan Komandan Kawasan yang terdiri daripada Pegawai Imigresen dan Pegawai Kastam.

2.8 Sejarah Agensi Kawalan Sempadan Malaysia

Pada 28 Jun 1976, UPP telah ditubuhkan bagi membantu Polis Hutan pada ketika itu mengawal sempadan negara yang semakin dihujani masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin serta penyeludupan seperti beras, dadah, dan senjata api. Di awal penubuhannya, UPP dikenali sebagai Bahagian Pencegahan Penyeludupan Polis Hutan (BPPH) yang mana ianya terdiri daripada tiga agensi penguatkuasaan utama di sempadan iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dan Padiberas Nasional Negara (BERNAS). UPP diletakkan dibawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan objektif utamanya adalah untuk mencegah serta membanteras kesemua aktiviti penyeludupan di sempadan Malaysia-Thailand. Pada ketika itu, anggota UPP diperkasakan di empat negeri iaitu Kelantan, Perak, Kedah, dan Perlis. Pembentukan UPP dalam melaksanakan peranan dan tugas di sempadan adalah sebagai sebuah pasukan khas yang bertindak sebagai sokongan kepada agensi penguatkuasaan lain dalam membuat tangkapan atau rampasan terhadap kes-kes jenayah rentas sempadan (Harian Metro, 8 April 2018). UPP ditempatkan di kawasan-kawasan yang menjadi sarang kepada kegiatan penyeludupan di sepanjang sempadan darat dan perairan Malaysia-Thailand.

Pada 2 November 2015, pentadbiran UPP telah dinaiktaraf kepada Agensi Keselamatan Sempadan (AKS) bagi memastikan tahap keselamatan di sempadan negara dipertingkatkan (Utusan Malaysia, 2 November 2015). Ini adalah penjenamaan semula UPP dalam proses menaiktaraf serta menguatkan peranannya mengawal

sempadan negara. Menurut Harian Metro (8 April 2018) idea untuk menjenamakan semula UPP dicetuskan oleh mantan Menteri Dalam Negeri yang juga Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu. Idea ini berikutan penemuan kubur besar di Wang Kelian di mana beliau berpandangan perlunya ada agensi khas yang memantau di kawasan sempadan negara. Penubuhan AKSEM adalah di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) yang mana ianya melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kawalan sempadan.

Penubuhan AKSEM dilihat sebagai satu langkah positif dalam memperkemaskan kawalan dan penguatkuasaan di sempadan darat negara. Setelah pengiktirafan UPP kepada AKSEM pada tahun 2015, AKSEM diperkasakan lagi melalui penggubalan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 yang mana ianya dikuatkuasakan pada Disember 2017. Penggubalan akta ini adalah bagi memperluaskan kuasa AKSEM dalam mengawal aktiviti di sempadan darat negara serta membenarkan agensi ini melakukan operasi hingga ke garis akhir persempadanan negara. Sebelum penguatkuasaan Akta 799, AKSEM beroperasi secara pentadbiran berlandaskan punca kuasa Arahan Majlis Keselamatan Negara dan selepas penguatkuasaan Akta 799, AKSEM bergerak sendiri dengan lebih menyeluruh dan kawalan sempadan akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan berdasarkan punca kuasa yang diberikan Akta 799 (Mstar, 24 Mei 2016).

Menaiktarafkan UPP kepada AKSEM mencerminkan keseriusan kerajaan dalam menyelaraskan agensi-agensi penguatkuasaan di sempadan sekali gus membendung jenayah rentas sempadan. Dengan tertubuhnya AKSEM, pertindihan kuasa dan tugas agensi penguatkuasaan dapat dielakkan selain kerjasama antara agensi serta

perkongsian maklumat dapat dipertingkatkan. Hal ini dapat membentuk satu langkah ke depan dalam memastikan keberkesanan dalam pengawalan dan pencegahan penyeludupan di perbatasan negara.

2.9 Tugas dan Peranan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia

AKSEM merupakan agensi penguatkuasaan di sempadan darat negara yang ditubuhkan khas untuk mengawal selia sempadan darat negara dari dicerobohi. Penubuhan AKSEM adalah mengikut Akta 799 (2017) yang mana ianya telah menggariskan fungsi AKSEM sebagai agensi kawalan sempadan. Bahagian II seksyen 4 Akta 799 (2017) telah menyatakan dengan nyata fungsi AKSEM dan ianya terpakai di seluruh negara. Pewartaan Akta 799 ini menunjukkan usaha keras pihak kerajaan dalam menjamin pentadbiran serta pengurusan di sempadan berlangsung dengan baik. Sehubungan itu, Akta 799 digunakan secara komprehensif untuk memberi jaminan kepada keselamatan di sempadan negara.

Berdasarkan kepada fungsi yang dinyatakan di dalam Akta 799, secara jelas ianya dapat menyusun corak kerja AKSEM dalam membanteras jenayah penyeludupan khususnya di perbatasan Malaysia-Thailand. Melalui Akta 799 yang diwartakan pada Disember 2017, maka AKSEM telah menjadi agensi penguatkuasaan utama di sempadan darat yang dipertanggungjawabkan menguruskan pencegahan penyeludupan. Antara tugas yang ditunjangi oleh AKSEM adalah membataskan keberadaan laluan haram yang ada di sempadan membanteras kegiatan penyeludupan barangan, serta menghalang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

AKSEM menjalankan peranannya berdasarkan apa yang digariskan di dalam Akta Agensi Kawalan Sempadan 2017 (Akta 799) yang dikuatkuasakan pada Disember 2017. Bahagian II, Akta 799 menggariskan bahawa AKSEM hendaklah tertakluk kepada Akta 799 dalam menjalankan peranannya mengawal sempadan darat Malaysia. Terdapat lapan fungsi AKSEM yang digariskan secara jelas di dalam Akta 799. Fungsi pertama adalah untuk menjalankan kawalan di sempadan darat Malaysia. Seterusnya, agensi ini ditubuhkan bagi membuat saranan kepada pihak kerajaan berhubung keselamatan sempadan darat negara seperti yang di bawah Akta 799 kepada Jawatankuasa Peringkat Tertinggi serta Jawatankuasa Penyelaras.

Seterusnya, Akta 799 menetapkan bahawa AKSEM hendaklah menerima semua laporan yang diberikan berhubung dengan segala perbuatan, aktiviti, dan kegiatan penyeludupan yang menjadi kesalahan pada undang-undang yang telah diwartakan di sempadan darat Malaysia. Selaras dengan menerima apa-apa laporan, pihak agensi perlu bertindak menyekat dan mencegah sebarang aktiviti yang menjadi kesalahan berkaitan dengan perbuatan penyeludupan atau kegiatan lain yang menjadi kesalahan undang-undang di sempadan darat Malaysia. Bagi mencapai matlamat penubuhan AKSEM, Akta 799 turut mewartakan di Bahagian II subseksyen 4 (f) yang mana AKSEM hendaklah memantau segala aktiviti dan kegiatan penyeludupan yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia.

AKSEM hendaklah merumus dasar dan program bagi mencegah segala bentuk aktiviti dan kegiatan penyeludupan yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia. Dalam pada itu, AKSEM turut diwartakan sebagai satu agensi yang menjadi penyelaras dalam melaksanakan penguatkuasaan antara AKSEM dengan agensi

penguatkuasaan sempadan darat Malaysia. Secara amnya AKSEM dibolehkan untuk melakukan apa sahaja fungsi dan peranan lain dalam menjamin keselamatan dan kesejahteraan di sempadan darat Malaysia atau melaksanakan semua hal-hal yang berdampingan dengan perannya.

2.9.1 Corak dan Cara Kerja dalam Membanteras Penyeludupan Rokok

AKSEM merupakan satu pasukan khas yang sinonim dengan sekatan jalan di pintu masuk sempadan negara. Menurut Ketua Pengarah AKSEM, Datuk Mohamad Ismail dalam temu bual bersama Harian Metro (8 April 2018) AKSEM memainkan banyak peranan di sempadan negara. Menurut beliau, selain daripada melakukan sekatan jalan raya, AKSEM turut mempunyai unit rondaan serta pasukan khas yang akan bertindak melakukan serbuan apabila mendapat maklumat serta risikan berhubung penyeludupan.



Foto 2. 3: Pemeriksaan oleh Anggota AKSEM
Sumber: Berita Harian, 12 Ogos 2016

Harian Metro (8 April 2018) mengatakan bahawa dalam sekatan jalanraya, tumpuan diberikan kepada kenderaan yang keluar daripada negara jiran. Untuk kes serbuan, pasukan khas akan menjalankan risikan terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil.

“... banyak tugas yang kita buat. Salah satunya adalah sekatan jalan raya dan kita ada unit rondaan, pasukan khas yang bertindak bila mendapat maklumat. Kemudian kita juga harus ingat, macam kamu kata, tengok orang, terus bagi jalan, kamu kena faham, orang itu macam mana. Takkan kita hendak periksa semua kenderaan. Pertama sekali yang nak masuk ke utara, jalanlah. Orang tempatan, jalanlah. Tapi perhatian akan diberi kepada orang yang balik, orang dari negara jiran kita, itu kita akan bagi perhatian, kenderaan suspek dan sebagainya...”

Datuk Mohamad Ismail

Sumber: Harian Metro, 8 April 2018

Bagi cara kerja, anggota pasukan disusun mengikut keutamaan di mana setiap anggota memainkan peranan masing-masing. Menurut Datuk Mohamad Ismail (Harian Metro, 8 April 2018) anggota disusun mengikut keperluan sama ada bahagian hadapan untuk buat pemerhatian, bahagian tengah untuk pemeriksaan, ataupun tambahan bahagian lain mengikut keperluan keadaan.

“... Kalau kamu tengok, ada dua di tengah, dua di depan dan belakang, setiap sisi ada empat orang dan masing-masing ada peranan, buat kerja... saya pernah menyamar, lalu di situ dan ada yang tak kenal saya. Memang mereka periksa dan tanya, encik nak ke mana... OK jalan...”

Datuk Mohamad Ismail

Sumber: Harian Metro, 8 April 2018

Oleh demikian, susun cara atau prosedur adalah berdasarkan keperluan ketika operasi, namun setiap anggota memainkan peranan masing-masing (Harian Metro, 8 April 2018). Menurut Mstar (24 Mei 2016), anggota dan pegawai akan ditukar dan dipindahkan di setiap tiga hingga enam bulan sekali bagi memastikan tidak berlaku sebarang masalah khususnya kawalan keselamatan yang longgar di kawasan sempadan. AKSEM berperanan melakukan rampasan dan tangkapan, dan kemudiannya menyerahkan kepada agensi penguatkuasaan lain untuk tujuan pendakwaan. Ini menunjukkan bahawa AKSEM tidak melakukan pendakwaan terhadap kes-kes. Bahagian VI Akta 799 dengan jelas menetapkan bahawa;

“Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah akta ini boleh dimulakan kecuali oleh, atau dengan keizinan bertulis, Pendakwa Raya.”

Sumber: Akta 799 2017

Sehubungan itu, AKSEM menjalin hubungan kerjasama erat dengan agensi lain bagi memastikan kes-kes yang dihadapi dapat ditangani. Setiap tangkapan dan rampasan akan dirujuk dan diserahkan kepada agensi yang berkaitan.

2.9.2 Kerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Lain

Kerjasama antara AKSEM dan agensi penguatkuasaan lain adalah selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang mana walaupun setiap agensi mempunyai pasukan bertindak sendiri, kerjasama dan operasi secara bersepadu amatlah penting. Isu penyeludupan di sempadan Kelantan Thailand merupakan satu isu yang bukan sahaja menjadi kebimbangan dan tanggungjawab AKSEM sahaja

bahkan ianya merupakan satu permasalahan bersama antara pelbagai agensi penguatkuasaan lain.

Sekiranya ada tangkapan yang dilakukan oleh pihak AKSEM, AKSEM akan merujuk kes berkenaan kepada agensi penguat kuasa lain untuk tindakan selanjutnya. Sebagai contoh, sekiranya berlaku tangkapan terhadap kes membawa masuk barangan kosmetik yang tidak dibenarkan oleh KKM, maka kes terbabit akan dirujuk kepada KKM. Bagi kes-kes yang membabitkan dadah dan racun, kes akan dirujuk kepada PDRM. Pada 1 September 2018, pasukan AKSEM Negeri Kedah telah melakukan serbuan dan merampas sejumlah RM1.749 juta pelbagai jenis rokok seludup yang disyaki tidak bercukai (Utusan Malaysia, 2 September 2018). Serbuan dan rampasan tersebut adalah berdasarkan maklumat daripada pihak awam dan risikan tentang sebuah rumah yang dijadikan stor bagi menyimpan rokok secara haram (*The Star*, 2 September 2018). Bagi kes-kes penyeludupan untuk mengelak cukai, pihak AKSEM akan menyerahkan kes terbabit kepada pihak JKDM manakala bagi kes tangkapan pendatang asing tanpa izin, kes akan diberikan kepada JIM. Sekiranya barangan yang dirampas dalam kategori barangan kawalan, maka kes akan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Hussin, Norehan, Hussin, dan Selamah (2013) telah menyenaraikan beberapa bentuk kerjasama yang telah dilakukan oleh AKSEM (disebut UPP) dengan agensi lain dalam mengawal keselamatan di sempadan Malaysia-Selatan Thailand yang antaranya adalah kerjasama dengan PGA di bawah 'operasi wawasan' yang mana ianya melibatkan kawasan Pengkalan Kubor hinggalah ke Rantau Panjang. Kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut diadakan di mana operasi yang

dinamakan ‘operasi merpati’ tersebut melibatkan kawasan dari Rantau Panjang hinggalah ke Jeli (Hussin et. al., 2013). Selain dari ATM dan PGA, pihak agensi turut menjalin kerjasama erat dengan PDRM, JKDM, JIM, AADK, dan KPDKK dalam melaksanakan operasi bersepadu. Setiap agensi memberi kerjasama dalam melakukan operasi bagi memastikan aktiviti penyeludupan dibanteras (Hussin et. al., 2013). Laman Facebook Rasmi AKSEM (23 Ogos 2017) telah memaparkan operasi bersepadu yang dijalankan oleh AKSEM, PDRM, dan AADK di Rantau Panjang di mana ketiga-tiga agensi terbabit melakukan sekatan jalan raya secara bersama dan ianya mensasarkan kepada pengguna jalan raya bagi memastikan mereka mematuhi undang-undang negara yang telah ditetapkan.



Foto 2. 4: Operasi Bersepadu AKSEM, PDRM Dan AADK
Sumber: Laman Facebook Rasmi AKSEM, 23 Ogos 2017

Datuk Mohamad Ismail dalam temu bual bersama Harian Metro (8 April 2018) mengatakan bahawa walaupun dilihat seperti adanya pertindihan antara kawasan operasi dan kuasa dengan agensi penguatkuasaan lain namun kebenarannya adalah tidak berlaku sebarang pertindihan kuasa oleh AKSEM dengan mana-mana agensi yang ada di sempadan. AKSEM bertindak menyelaras sesuatu perkara sekiranya wujudnya masalah di mana ia akan memantau serta mencari penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi. Oleh demikian, tidak perlu timbulnya isu pertindihan peranan memandangkan setiap agensi penguatkuasaan di sempadan memiliki dan memainkan peranan masing-masing (Harian Metro, 8 April 2018).

“Kalau ada operasi, rakan-rakan agensi lain beritahu kita, kita akan selaraskan siapakah yang mereka perlukan, agensi mana yang diperlukan. Kalau JIM, kita akan berhubung dengan JIM. Begitu juga dengan PGA. Jadi tidak berlaku pertindihan kuasa di situ... Tapi kamu perlu ingat juga, bila kita ada di situ kita jangan lupa kita ada ketua polis negeri, keselamatan di bawah dia. Keselamatan sesebuah negeri adalah di bawah dia. Jadi saya di sana, saya perlu bersama dia membantu dia walaupun persoalan kita adalah di sempadan, tapi dia banyak lagi masalah lain yang dia kena tengok, jenayah lain...”

Datuk Mohamad Ismail

Sumber: Harian Metro, 8 April 2018

Kerjasama AKSEM dan agensi lain amatlah peting bagi menjaga dan mengawal keselamatan di sempadan darat negara. Ini memandangkan ianya bukanlah satu tugas yang boleh dipandang enteng kerana anggota penguatkuasaan berhadapan dengan pelbagai individu dan sindiket yang sudah pasti sanggup melakukan apa sahaja bagi melunaskan aktiviti mereka.

“...kata orang-orang tua, lidi kalau sebatang, senang dipatahkan, tetapi bila jadi penyapu, nak patah memang susah. Ini konsep yang saya dan agensi pegang...”

Datuk Mohamad Ismail

Sumber: Harian Metro, 8 April 2018

Menurut Datuk Mohamad Ismail (Harian Metro, 8 April 2018) AKSEM akan bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan lain dalam mengatasi dan menyelesaikan masalah dalam kawalan sempadan. Oleh demikian, tidak akan berlaku sebarang pertindihan kuasa dalam menjalankan peranan masing-masing di mana tidak ada kuasa mutlak yang diberikan kepada AKSEM malahan AKSEM bertindak sebagai agensi penyelarasan bagi membanteras pembolosan di sempadan.

2.9.3 Cabaran Membanteras Penyeludupan Rokok

AKSEM merupakan barisan hadapan yang diletakkan di pintu-pintu utama perbatasan negara sebagai agen dalam membanteras sebarang bentuk aktiviti penyeludupan. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan dalam menghalang kemasukan rokok seludup, masih terdapat lagi kes-kes rampasan yang melibatkan nilai jutaan ringgit. Ia seperti yang dikatakan oleh Muhamed dan Herman (1997) iaitu aktiviti penyeludupan hampir setiap hari berlaku di sempadan negara. Astro Awani (5 September 2018) melaporkan bahawa kemasukan rokok seludup ke negara ini semakin tidak terkawal. Menurut Nielsen Malaysia dalam kajian terhadap Rokok Seludup Malaysia (ICS) ianya menunjukkan peningkatan dalam pasaran rokok seludup sebanyak 57.1 peratus pada 2016 dan ini adalah antara peratusan tertinggi di dunia (Astro Awani, 31 Ogos 2018).

Laporan Astro Awani (31 Ogos 2018) turut memetik kenyataan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng bahawa kerajaan mengalami kerugian RM5 bilion setahun kerana gagal mengutip cukai dan duti rokok disebabkan sindiket haram ini. Sekiranya perkara ini berterusan ianya akan memudaratkan serta menjejaskan ekonomi negara. Memandangkan penyeludupan rokok semakin berleluasa dan meningkat, ianya memberi pelbagai cabaran kepada anggota penguat kuasa sempadan terutamanya AKSEM. Agensi ini dilihat menghadapi cabaran yang meliputi dua faktor iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran.

Cabaran dalaman melibatkan masalah yang ada di dalam agensi sendiri. Integriti merupakan satu cabaran yang besar yang perlu dihadapi oleh mana-mana agensi penguatkuasaan di mana-mana negara. Oleh demikian, integriti menjadi antara cabaran dalaman dalam setiap agensi penguatkuasaan (Ariffin & Ahmad, 2017). Penemuan kem pemerdagangan manusia di Wang Kelian, Perlis menjadikan isu integriti di sempadan negara sebagai topik utama di mana integriti anggota kawalan keselamatan sempadan diragui dan dipersoalkan pelbagai pihak. Othman, Idris, dan Druis (2017) berkata bahawa sindiket penyeludupan yang kian bermaharajalela jelas menunjukkan bahawa sempadan negara tidak dikawal secara efektif dan berkesan.

Presiden Persatuan *Transparency International Malaysia* (Ti-M), Datuk Akhbar Satar di dalam laporan Astro Awani (5 September 2018) mendedahkan bahawa penyeludupan rokok menjadi tidak terkawal kesan daripada ada pegawai daripada agensi penguat kuasa yang tidak amanah. Laporan yang sama memetik bahawa pegawai penguatkuasaan yang menerima wang daripada sindiket seterusnya rokok-rokok seludup ini dibiarkan membolos masuk ke dalam negara. Ti-M turut

mendedahkan bahawa rokok di seludup secara terbuka di pintu-pintu masuk utama negara (Astro Awani, 5 September 2018). Hal ini menunjukkan bahawa integriti anggota penguat kuasa sempadan merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi dalam menghalang kegiatan penyeludupan.

Laman portal berita atas talian Benarnews (5 Ogos 2016) melaporkan bahawa pada tahun 2015, agensi perisikan polis mendedahkan laporan yang menunjukkan bahawa dalam tempoh 10 tahun, sekitar 80 peratus daripada pegawai penguat kuasa undang-undang di sempadan Malaysia terbabit di dalam rasuah. Lebih memeranjatkan adalah ada di kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penyeludupan dadah, senjata api, rokok, manusia, dan komoditi (Benarnews, 5 Ogos 2016). Berita Harian (22 Julai 2017) mengatakan bahawa masalah integriti anggota dan pegawai di semua pintu masuk sempadan negara haruslah ditangani. Perkara ini telah menimbulkan prasangka negatif sekali gus menjejaskan imej seluruh agensi penguatkuasaan sempadan.

"...Kebanyakan sindiket penyeludupan atau pemerdagangan, dalam usaha menjalankan kegiatan haram mereka, akan memberi rasuah kepada pegawai-pegawai ... hanya mereka yang mempunyai disiplin dan integriti yang tinggi boleh menjalankan tugas di sempadan tanpa rasa takut atau pilih kasih..."

Sumber: Benarnews, 5 Ogos 2016

Produktiviti dan motivasi memberi pengaruh kepada integriti anggota. Apa yang berlaku dalam AKSEM adalah di mana anggota berada di gred sedia ada pada tempoh yang lama dan kurangnya jawatan-jawatan naik pangkat. Perkara ini antara faktor yang mendorong kecurangan para pegawai dan anggota. Masalah integriti seperti isu rasuah,

salah guna kuasa serta tidak profesional dalam mengendalikan tugas mengakibatkan isu penyeludupan di sempadan negara tidak pernah surut. Abdullah, Norehan, Selamah, dan Fauzi (2015) mengatakan bahawa perlakuan rasuah dan salah guna kuasa berlaku antaranya disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja dalam agensi penguatkuasaan. Harian Metro (25 Mac 2015) turut melaporkan bahawa antara cabaran dalaman yang dihadapi oleh agensi penguatkuasaan adalah modal insan. Ketidakseimbangan jumlah anggota penguatkuasaan seimbang dengan keadaan semasa menjadikan agensi tidak berfungsi dengan baik. Kekangan anggota AKSEM menjayakan kawalan di pintu-pintu sempadan sekali gus berlakunya ketirisan termasuk wujudnya lorong tikus. Menurut Abdullah, et., al. (2015), anggota penguatkuasaan di sempadan adalah tidak mencukupi bagi mengawal sempadan negara. Kesan daripada kekurangan anggota adalah wujudnya sistem jadual tugas yang lemah di mana anggota terpaksa bekerja melebihi tempoh kerja yang sepatutnya. Menurut Sinar Harian (22 Jun 2017), AKSEM mengalami kekurangan anggota untuk melancarkan operasi pencegahan bersepadu. Sinar Harian (22 Jun 2017) menyatakan bahawa AKSEM hanya mempunyai 909 anggota yang beroperasi untuk 24 jam di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, AKSEM memerlukan sekurang-kurangnya 1,000 tenaga kerja baharu bagi memastikan operasi pencegahan dapat dilaksanakan dengan berkesan (Sinar Harian, 22 Jun 2017). Isu kekurangan anggota menjadi kekangan kepada AKSEM dalam menangani kes penyeludupan secara efektif dan berkesan.

Kekurangan logistik turut memberi cabaran kepada penguat kuasa di sempadan menjalankan tanggungjawab mereka. Tindakan pihak kerajaan merasionalisasikan perbelanjaan negara secara langsung memberi kesan kepada logistik agensi penguat

kuasa (Harian Metro, 25 Mac 2015). Berita Harian (26 Ogos 2016) menyatakan bahawa kekurangan logistik di sempadan menjadi antara punca berleluasanya jenayah penyeludupan. Berikutan modus operandi yang digunakan oleh penyeludup semakin berteknologi tinggi, maka pihak berkuasa haruslah sentiasa lebih ke depan. Aktiviti penyeludupan yang begitu berleluasa dan ianya berlaku dalam skala yang besar serta menggunakan modus operandi yang teratur sehingga menimbulkan ancaman serius kepada kesihatan awam dan perbendaharaan kerajaan, yang mana berjuta-juta ringgit dalam hasil cukai yang hilang. Namun jika dilihat kepada logistik dan sistem yang digunakan oleh agensi pada hari ini adalah tidak seimbang dengan teknologi. Menurut Berita Harian (30 Mei 2015), pihak berkuasa perlu meneruskan projek memagar kawasan sempadan darat dan melakukan pertambahan pada penggunaan alat teknologi seperti pemasangan CCTV (kamera litar tertutup) serta melakukan kawalan pemerhatian dengan menggunakan peralatan *drone*.

Cabaran luaran dalam membanteras jenayah penyeludupan adalah dengan adanya anasir-anasir luar yang menjadi faktor kepada AKSEM dalam membanteras penyeludupan rentas sempadan. Keadaan geografi di kawasan sempadan antara cabaran luaran yang menjadi kekangan kepada AKSEM dalam memantau aktiviti di sempadan kerana keadaan fizikal kawasan menyebabkan penyeludup mengambil kesempatan dengan melakukan jenayah penyeludupan (Utusan Malaysia, 25 Mac 2015).

Menurut Abdullah et. al. (2015) faktor geografi telah menyebabkan berlaku eksploitasi secara profesional terhadap perairan Sungai Golok sehinggakan ianya memberi keuntungan berlipat ganda kepada penyeludup. Keadaan geografi menimbulkan

cabaran kepada pihak berkuasa untuk mengawal aktiviti di sempadan di mana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seakan-akan membenarkan dan tidak mengendahkan pembinaan penempatan dan rumah yang berhampiran sempadan dan di pesisiran Sungai Golok (Abdullah et. al., 2015). Keberadaan penempatan di pinggir Sungai Golok menyebabkan agensi penguatkuasaan penyeludupan menghadapi kesukaran di mana menurut Abdullah et. al. (2015) penyeludup menjadikan kedai runcit dan penempatan berhampiran sungai sebagai tempat menyimpan barang seludup.

Penempatan yang dibina di kawasan sempadan memberi kesan kepada agensi penguat kuasa yang bertanggungjawab melaksanakan tugas membanteras penyeludupan. Ini memudahkan penyeludupan dilakukan dengan membawa masuk bahan seludupan ke kawasan penempatan terlebih dahulu sebelum barangan tersebut dijual atau diedarkan (Abdullah et. al., 2015). Dengan pembinaan penempatan di pinggir sungai, maka penyeludup tanpa segan silu dan takut membuka pengkalan-pengkalan haram yang didefinisikan sebagai “lorong-lorong tikus.” Hal ini memberi cabaran kepada AKSEM untuk bertindak. Harian Metro (25 Mac 2015) mengatakan bahawa antara cabaran luaran yang dihadapi oleh AKSEM dalam membanteras penyeludupan adalah apabila berlaku perubahan trend penyeludupan itu sendiri di mana penjenayah seringkali mengubah modus operandi mereka hingga menyebabkan kesukaran kepada pihak berkuasa untuk menghidunya. Perkara ini antaranya disebabkan oleh perkembangan teknologi maklumat, globalisasi, serta perubahan corak ekonomi.

2.10 Kajian Lepas

Kebanyakan kajian yang dilakukan terhadap penyeludupan adalah dengan mengambil kira kesan penyeludupan terhadap ekonomi.

2.10.1 Aktiviti Penyeludupan Secara Umum

Bruns, Miggelbrink, dan Muller (2011) telah menjelaskan bahawa kegiatan aktiviti ekonomi di sempadan telah diterima oleh masyarakat sekitar walaupun ianya menyalahi undang-undang negara. Pavlakovich-Kochi, Morehouse, dan Wastl-Walter (2004) menganggap undang-undang kebiasaannya tidak menunjukkan keadaan sebenar yang terjadi di sempadan, bahkan budaya dan zon wilayah sempadan juga digambarkan melalui dimensi yang berbeza. Di sempadan, identiti dan budayanya dibentuk hasil daripada komunikasi urus niaga penduduk di sempadan kedua-dua negara. Masyarakat di sempadan acapkali melihat kepada kaedah praktikal dan realistik dalam komunikasi dengan masyarakat di negara yang bersempadanan (Pavlakovich-Kochi, Morehouse, & Wastl-Walter, 2004). Ini menunjukkan bahawa ikhtiar pihak kerajaan dalam memperkenalkan dasar-dasar di sempadan tidak dapat mengehendakan amalan yang berlaku setiap hari secara mutlak.

Dalam isu penyeludupan barangan dari Indonesia, Pitt (1981) telah melakukan kajian terhadap barangan seludup dari Indonesia. Menurut kajian beliau, terdapat lebihan harga yang tinggi antara barangan seludup dengan barangan sah walaupun telah ditolak cukai eksport. Martin dan Panagariya (1983) menemui bahawa jika undang-undang menentang penyeludupan diperketatkan, kos bagi setiap komoditi yang di seludup akan meningkat sekali gus mengurangkan permintaan terhadap barangan seludup. Penguatkuasaan undang-undang dalam mengekang penyeludupan akan

menaikkan kos barangan yang di seludup dan mengurangkan jumlah barang yang diseludup (Martin & Panagariya, 1983).

Merriman, Yurekli, dan Chaloupk (2000) mendapati kawalan sempadan yang longgar telah mengakibatkan barangan dibawa masuk tanpa dikenakan cukai. Ini didorong oleh ketidaktelusan dan ketidakcekapan kawalan di sempadan. Guzman, Haslag, dan Orrenius (2008) telah menguji faktor amalan seludup manusia dan mendapati bahawa pihak penguasaan hanya akan memberi tumpuan kepada penguatkuasaan jika penyeludupan tersebut memberi kesan yang besar. Sekiranya ia tidak memberi kesan yang besar, maka penguatkuasaannya dianggap tidak berbaloi kepada hasil cukai.

2.10.2 Aktiviti Penyeludupan Di Malaysia

Tajul, Afizar, dan Haslindar (2011) telah menjalankan kajian terhadap ekonomi bawah tanah di Malaysia, dengan rujukan khas untuk aktiviti penyeludupan di Pulau Pinang. Menurut kajian mereka, walaupun impak ekonomi bawah tanah ini kecil, namun ianya mempunyai implikasi yang serius terhadap negara-negara membangun.

Kajian terhadap isu dan cabaran berkaitan aktiviti ekonomi sempadan di perairan Sungai Golok-Rantau Panjang telah dilakukan oleh Hussin, Norehan, Hussin, dan Selamah (2013). Kajian tersebut mendapati bahawa Sungai Golok sekian lama telah dijadikan laluan bagi aktiviti membawa masuk dan keluar barangan dengan cara tidak sah dan penduduk setempat telah pun sebatikan dengan aktiviti penyeludupan malahan menganggap ianya tidak menyalahi peraturan.

Kajian Hussin et. al. (2013) turut menyatakan bahawa jika kegiatan menyeludup barangan melalui pengkalan haram di Sungai Golok dilakukan pada skala kecil, ianya tidak memberikan kesan yang besar kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, menurut mereka lagi, akan timbul masalah yang lebih besar sekiranya aktiviti penyeludupan melibatkan kuantiti yang besar atas tujuan untuk mendapat keuntungan.

Yusuf (2016) mengatakan bahawa jenayah rentas sempadan merupakan satu ancaman kepada negara yang mana menurut beliau jenayah rentas sempadan merupakan isu keselamatan yang bukan tradisional dan merupakan senario serius yang melanda dunia secara global. Berlaku perubahan yang ketara terhadap sifat dan aktiviti jenayah rentas sempadan di mana sebahagian besarnya adalah berpunca daripada globalisasi serta kemajuan teknologi (Yusuf, 2016). Sempadan negara bukan sahaja dilalui oleh objek material, malahan matawang dan juga manusia dapat bergerak dengan mudah merentasi sempadan. Keadaan ini menjadi sangat dinamik dan terus berkembang serta bakal memberi ancaman besar kepada kestabilan politik dan integriti sesebuah negara jika tidak diatasi (Yusuf, 2016).

Menurut Charun (2011) dalam kajian sarjana beliau, aktiviti penyeludupan pelbagai barangan keperluan harian termasuk barangan kawalan seperti minyak masak dan gula di kawasan sempadan bergiat aktif kerana penguatkuasaan yang kurang oleh pihak berkuasa. Tinjauan di sempadan Malaysia-Thailand mendapati penyeludup aktif membawa keluar pelbagai barangan kawalan seperti keperluan harian (minyak masak dan gula) di mana kebanyakannya adalah barangan bersubsidi kerajaan tanpa takut ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia (Charun, 2011). Tinjauan di Pekan Sungai Golok turut dilakukan oleh Charun (2011) yang mana didapati berkotak-kotak

barangan keperluan harian terutama minyak masak yang di seludup dari Malaysia dijual di sekitar stesen kereta api (Thailand) untuk dipasarkan ke daerah lain di selatan Thailand.

Husin (2001) telah menjalankan kajian terhadap jenayah rasuah di agensi penguatkuasaan undang-undang di sempadan di mana kajian beliau menumpukan kepada agensi di negeri Kelantan. Dapatan kajian Husin (2001) merumuskan bahawa keinginan untuk hidup mewah menjadi pendorong kepada kakitangan agensi penguatkuasaan terlibat dalam rasuah di sempadan. Kebanyakan anggota agensi penguatkuasaan di sempadan didapati mengamalkan teori Machiavelli iaitu ‘matlamat menghalalkan cara’ dalam mencapai keinginan dan matlamat mereka (Husin, 2001). Oleh demikian, gejala penyeludupan didapati sukar dibendung disebabkan wujudnya perbuatan rasuah di kalangan anggota penguatkuasaan.

2.10.3 Teori Mengenai Aktiviti Penyeludupan

Tidak banyak tulisan yang pernah mengaitkan aktiviti penyeludupan dengan teori tertentu. Salah satu daripadanya ialah tulisan Melissa Dell (2011) dari *Massachusetts Institute of Technology* bertajuk “*Trafficking Networks and the Mexican Drug War*” yang mengaitkan perlakuan kartel dadah di Mexico dengan Teori Pilihan Rasional (*Rational Choice Theory* atau RCT).

Mengikut Melissa Dell, organisasi penyeludupan dadah yang aktif di Mexico boleh dilihat sebagai aktor yang rasional yang mahu memaksimumkan keuntungan. Ini kerana bila sahaja Kerajaan Mexico meningkatkan kehadiran tenteranya dan membanteras penyeludupan dadah dalam sesuatu kawasan, kartel akan memberi maklum-balas dengan mengubah rangkaian penyeludupan mereka dengan cara yang

boleh dijangka melalui kawasan berhampiran yang dianggap kurang berisiko. Dengan menggunakan simulasi kompleks yang membandingkan bandar-bandar di mana datuk bandarnya ada hubung kait dengan agenda keselamatan parti pemerintah berbanding datuk bandar dari parti lain, beliau berjaya membuat jangkaan tepat mengenai perubahan dalam jejak penyeludupan yang digunakan oleh kartel sebagai tindak balas kepada gerakan membanteras penyeludupan yang dibuat oleh kerajaan.

Satu lagi tulisan yang mengaitkan aktiviti penyeludupan dengan RCT adalah tulisan Jana Arsovska dan Panos A. Kostakos (2008) bertajuk "*Illicit Arms Trafficking And The Limits Of Rational Choice Theory: The Case Of The Balkans*" yang mengaitkan aktiviti penyeludupan senjata api di negara-negara Balkan dengan RCT. Kata mereka, aktiviti penyeludupan senjata api di negara-negara Balkan banyak dicirikan oleh motivasi mendapatkan keuntungan. Begitu pun, isu-isu kebudayaan, sosial dan politik lain juga memainkan peranan dalam perkara ini.

2.11 Kerangka Teori: Teori Pilihan Rasional (RCT)

Pada asalnya RCT diperkenalkan oleh seorang ahli ekonomi Amerika Syarikat, Anthony Downs (1957), dalam karyanya "*An Economic Theory of Democracy*". Teori ini berakar-umbi dalam ekonomi dan memberikan penjelasan mengenai penglibatan politik seseorang individu. Idea yang diberikan adalah bahawa manusia bertindak secara rasional, oleh itu sebelum mereka membuat sesuatu keputusan mereka akan menimbang lebih dahulu untung dan ruginya. Pertimbangan ini boleh diguna bagi menjelaskan tindakan pengundi keluar mengundi di mana mereka akan mengira lebih dahulu untung dan rugi dari perbuatan keluar mengundi. Dengan menggunakan RCT,

manusia bertindak dalam cara yang memaksimumkan keuntungan mereka dan meminimumkan kerugian mereka.

Dalam konteks jenayah atau aktiviti penyeludupan pula, RCT menegaskan bahawa penglibatan seseorang dalam perlakuan jenayah atau aktiviti penyeludupan adalah diasaskan kepada pilihan rasional individu tersebut. Individu tersebut tidak akan melakukan jenayah atau aktiviti penyeludupan jika ia tidak membawa keuntungan kepada mereka. Pilihan untuk melakukan jenayah atau aktiviti penyeludupan ini dibuat berdasarkan kepada perkiraan untung rugi iaitu untuk mencapai kepuasan atau faedah pada diri mereka dan mengelakkan diri mereka dari sebarang kesusahan. Perlakuan jenayah atau aktiviti penyeludupan dianggap sebagai satu persamaan matematik, jika keuntungan melebihi kos yang diperlukan untuk melakukannya maka ia akan dilakukan bagi membolehkan apa yang dihajati tercapai.

Dalam konteks aktiviti penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor, keuntungan besar yang dicapai oleh penyeludup berserta peluang ditangkap yang rendah serta kemungkinan untuk dikenakan hukuman berat jika ditangkap juga rendah menjadikan ia sebagai satu perlakuan yang menarik kepada pelakunya.

Mengikut teori ini, penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, termasuk mengenakan hukuman yang lebih berat, mampu membendung aktiviti penyeludupan rokok.

2.12 Kesimpulan Bab

Bab Dua ini telah membincangkan perkara dasar dan sejarah AKSEM. Tugas dan peranan AKSEM yang meliputi corak dan cara kerja serta kerjasama AKSEM dengan agensi penguatkuasaan sempadan lain turut menjadi topik perbincangan. Dapatan daripada perbincangan mendapati bahawa AKSEM memainkan peranan sebagai barisan hadapan dalam membanteras penyeludupan di samping bertindak sebagai agensi penyelaras penguatkuasaan di sempadan. AKSEM menghadapi cabaran dalam bentuk dalaman dan juga luaran dalam menjalankan tanggungjawab mengekang penyeludupan. Kefahaman awal tentang cabaran dan masalah yang menjadi kekangan kepada AKSEM perlulah diteliti dan diketahui sebelum perincian kajian dilaksanakan. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh AKSEM meliputi isu integriti, kekurangan anggota, serta masalah logistik. Bagi cabaran luaran pula, AKSEM berhadapan dengan kesukaran geografi kawasan kawalan di mana ianya terletak di sempadan. AKSEM juga menghadapi masalah apabila PBT tidak mengambil tindakan sewajarnya terhadap penempatan yang didirikan secara haram di tebing Sungai Golok.

Pelbagai dasar dan undang-undang telah digubal oleh pihak kerajaan bagi mencegah kegiatan penyeludupan yang memberi kerugian kepada negara. Walau bagaimanapun aktiviti penyeludupan dilihat tidak pernah surut di mana saban hari negara sentiasa disajikan dengan rampasan barangan seludup yang bernilai jutaan ringgit walaupun pelbagai agensi kerajaan bertungkus lumus untuk menumpaskan jenayah rentas di sempadan. Secara umumnya, bab ini memberi pengetahuan, pengertian, dan kefahaman berkaitan latar belakang kajian serta hal-hal yang ingin diketahui dalam kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab 3 ini mengandungi penerangan mengenai kaedah kajian ini dilakukan. Sehubungan itu, bab ini mengandungi perbincangan mengenai rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data, prosedur kajian dijalankan, pensampelan responden, dan kaedah analisis data. Selain itu, Bab 3 turut membincangkan tentang Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) yang mana ianya melibatkan sejarah serta tugas dan peranan agensi ini. Kes-kes penyeludupan rokok turut disertakan di dalam bab ini. Akhir sekali, bab ini turut mengandungi latar belakang kajian dan kawasan kajian.

3.2 Kaedah penyelidikan

Bahagian ini menjelaskan proses kajian dilaksanakan, iaitu tentang jenis kajian, metode kajian, sumber data, prosedur pengumpulan data, dan analisis data. Bahagian ini turut membincangkan prosedur kajian yang dilaksanakan. Prosedur kajian merangkumi pendekatan dokumentasi, temu bual, dan pemerhatian.


Pemilihan metode adalah penting dalam sesuatu kajian dan ianya perlu dinilai secara sistematik supaya kajian yang dilakukan tersusun serta mempunyai kaitan yang jelas. Bennet dan Elman (2006) mengatakan bahawa metode kajian merupakan satu asas yang memimpin penyelidik untuk memilih kaedah dan teknik yang paling sesuai untuk digunakan dalam sebuah kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa kajian telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, namun acapkali sempadan negara tidak sunyi dari dibolosi. Kajian adalah satu metode yang penting untuk mendapatkan pengetahuan dan pengalaman yang baharu dalam bidang kawalan sempadan. Ini terutamanya apabila kajian yang dilaksanakan tersebut memberi faedah dan kesan dalam meningkatkan serta memberi perubahan positif dalam sama ada penguatkuasaan mahupun pengurusan organisasi. Untuk meneliti serta meneroka cabaran yang dihadapi oleh AKSEM dalam membanteras penyeludupan rokok, metode yang sesuai digunakan adalah dengan melakukan kajian kes. Kajian kes membolehkan penerokaan terhadap pengetahuan baru ataupun topik yang tidak banyak kajian ke atasnya. Yin (1994) menyatakan bahawa kajian kes adalah strategi utama di mana soalan seperti 'mengapa' dan 'bagaimana' digunakan. Dengan menggunakan soalan tersebut, penyelidik mempunyai fokus ke atas kajian.

Kajian ini memberi fokus terhadap cabaran AKSEM dalam menangani isu penyeludupan di mana tumpuan diberikan kepada AKSEM yang beroperasi di Pengkalan Kubor, Kelantan. Kajian ini juga ingin melihat bagaimana anggota-anggota AKSEM mengendalikan cabaran dalam isu penyeludupan yang sedia ada di dalam agensi dan bagaimana mereka menangani permasalahan yang timbul di dalam agensi mahupun di sempadan.

3.3 Reka bentuk Kajian

Dalam metodologi kajian, reka bentuk kajian adalah penting bagi memastikan kajian yang berkesan. Bagi kajian ini, kajian berbentuk kajian kes dilihat bersesuaian dengan kajian di mana menurut Creswell (1994) kajian kes sesuai digunakan apabila memerlukan pengumpulan maklumat yang mewakili populasi untuk menjawab persoalan kajian seterusnya mencapai objektif kajian. Selain itu, Kerlinger dan Pedhazur (1973) menegaskan bahawa kajian kes adalah satu pendekatan bagi berkongsi penemuan kajian. Kajian kes membenarkan pertimbangan yang bersistematik terhadap sesuatu perkara, pengumpulan data, analisis maklumat, dan akhirnya melaporkan hasil kajian.

Beberapa elemen penting dalam proses penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Proses penting dalam kajian ini ialah mengenal pasti masalah, membentuk objektif kajian, pengumpulan data, mengolah serta menganalisis data, dan akhir sekali menyingkap dapatan kajian. Secara prinsipnya, kaedah yang digunakan ini adalah bertujuan untuk mencapai matlamat dan objektif kajian, dan akhirnya memberi jawapan kepada persoalan kajian. Rajah 3.1 menunjukkan rangka kerja bagi kajian ini. Kajian ini bermula dengan menentukan teknik dan skop kajian. Kajian awalan akan dijalankan bagi mengenal pasti permasalahan kajian serta menentukan objektif kajian.



Rajah 3. 1: Proses Penyelidikan

Pembinaan dan pengesahan skala bertajuk *Emotional Control Questionnaire* (ECQ) seperti yang dicadangkan oleh Roger dan Nesshoever (1987) tidak digunakan dalam kajian ini kerana, berdasarkan maklum balas responden dalam kaji selidik awal kajian, soalan yang dikemukakan kepada responden tidak mempunyai sebarang kecenderungan untuk menyekat pengeluaran maklum balas bercorak emosi.

Kajian ini akan menumpukan kepada cabaran yang dihadapi oleh AKSEM sebagai agensi kawalan sempadan di Pengkalan Kubor dalam memainkan peranannya mencegah jenayah penyeludupan rokok. Selain daripada itu, peranan, tanggungjawab, dan corak kerja yang digunakan oleh pihak AKSEM juga akan dicungkil dalam kajian ini. Bagi mendapatkan huraian yang lebih terbuka dan penjelasannya juga menunjukkan aliran turutan peristiwa serta menyediakan penemuan yang lebih baik, kaedah kualitatif dilihat sebagai kaedah yang paling sesuai digunakan (Yin, 2002). Kaedah kualitatif memuatkan kualiti yang ‘tidak boleh ditidakkkan’ kerana ianya mengandungi kata-kata tegas yang tidak hanya satu malahan ianya dinyatakan secara

jasas dan dapat meyakinkan audiens berbanding dapatan berbentuk kuantitatif (Miles & Huberman, 1994).

Melalui reka bentuk kajian yang telah dirangka, jelaslah menunjukkan bahawa kajian ini melalui proses pemilihan data yang standard. Proses mendapatkan data dengan kaedah kualitatif bagi memberi jawapan kepada persoalan kajian dilihat memberi kesinambungan antara fakta dan data untuk kajian ini. Pendekatan kualitatif juga disebut sebagai 'penelitian neutralistik.' Hal ini kerana perlunya penelitian yang berhati-hati terhadap kejadian-kejadian dan data-data deskriptif yang berupa kata-kata tertulis atau lisan dari orang-orang dan perilaku yang dapat diamati. Oleh demikian, kaedah kualitatif berbentuk deskriptif berdasarkan pendekatan teknik temu bual, dokumentasi, dan pemerhatian ini dilihat bertepatan dengan matlamat kajian dan metod ini akan menghasilkan satu kajian yang menepati objektif kajian.

3.3.1 Kaedah Pengumpulan Data

Data yang diperolehi dalam kajian ini adalah melalui dua sumber utama iaitu primer dan sekunder. Bagi pengumpulan data primer teknik yang dipilih untuk digunakan adalah secara temu bual. Melalui kutipan data ini, seluruh sesi temu bual yang dilakukan akan ditulis dan dianalisis melalui penggunaan teknik perbandingan/persamaan yang di perkenalkan oleh Boeijie (2002). Temu bual dilaksanakan secara berdepan dengan responden yang dipilih. Temu bual dijalankan dengan agensi kawalan yang terlibat iaitu AKSEM Pengkalan Kubor dan orang awam.

Data-data sekunder diperolehi bagi data primer yang didapati dari temu bual. Bogdan dan Taylor (1975) melabelkan temu bual sebagai satu teknik pengumpulan data

berbentuk interaktif sementara analisis dokumen dan pemerhatian di lapangan adalah merupakan teknik bukan interaktif. Punch (2005) melontarkan pandangan beliau berkenaan kajian kualitatif sebagai;

“...Penyelidikan kualitatif lebih menumpukan pada meneroka topik dan menghasilkan hipotesis dan teori yang induktif. Walaupun ianya selalunya benar, stereotaip ini boleh berlebihan...”

Sumber: Punch, 2005

Berdasarkan pernyataan dari Punch (2005), maka kajian ini akan disokong oleh data bukan sahaja dari sumber temu bual malahan dari sumber sekunder yang lain. Data sekunder di kumpul dengan melibatkan proses meneliti, meneroka, serta menganalisis kandungan data yang diperoleh dalam bentuk bahan dokumen yang bertulis. Data-data sokongan tersebut diperoleh dari sumber-sumber seperti jurnal, artikel, buku, laporan penyelidikan, laporan tahunan, majalah, juga internet. Data sekunder adalah perlu bagi memahami teori dan konsep serta pembentukan permasalahan kajian yang berkait rapat dengan topik yang dikaji.

Termasuk dalam kaedah yang digunakan ialah kaedah pemerhatian sendiri yang dijalankan oleh pengkaji yang melihat sendiri kaedah sekatan jalan raya yang dibuat oleh anggota AKSEM, peralatan dan kenderaan yang mereka gunakan sewaktu membuat operasi serta lorong-lorong tikus yang ada di kawasan kajian.

3.3.2 Temu bual

Proses temu bual merangkumi proses perbualan dua hala dan terbahagi kepada dua cara, iaitu temu bual yang berstruktur dan temu bual yang tidak berstruktur. Temu bual berstruktur lebih bersifat formal dan ianya digunakan untuk mendapatkan penjelasan

yang sistematik tetapi kesannya terhad. Manakala temu bual yang tidak berstruktur digambarkan sebagai satu proses temu bual yang lebih santai ataupun tidak rasmi tetapi kesan kepada temu bual itu lebih mendalam dan merangkumi gambaran sesuatu idea serta pemikiran yang lebih jelas dan tepat.

Kaedah temu bual yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual berstruktur secara bergilir-gilir yang dipilih secara penggunaan rawak pensampelan.

3.3.3 Bahan Dokumen

Bagi menyokong data yang diperoleh menerusi temu bual, pengumpulan data berbentuk dokumen adalah penting bagi kajian ini. Bahan dokumen dikategorikan sebagai sumber sekunder yang mana ianya dapat menguatkan ataupun menjelaskan secara lebih terperinci tentang kekurangan yang terdapat dalam sumber primer ini merangkumi semua jenis dokumen sama ada ianya dokumen yang telah dikumpulkan, diasingkan, diproses ataupun apa saja data yang belum diproses dan ianya boleh dipertimbangkan sebagai data yang mempunyai asas kepada sesuatu kajian. Prosedur sumber sekunder amat berkesan dalam kajian yang mengimplicasikan teknik kualitatif.

Kaedah ini diguna pakai dalam kajian ini kerana dokumen tersebut dapat membantu pengkaji dalam menghasilkan maklumat yang padat serta menepati kriteria kajian yang diinginkan. Di dalam kajian ini, bahan dokumen seperti keratan akhbar dan laporan rasmi dianalisis untuk dijadikan bukti rujukan kepada AKSEM Pengkalan Kubor secara keseluruhannya.

Tujuan kajian di perpustakaan ini bertujuan untuk menghuraikan latar belakang kajian. Sementara itu, bagi melihat kepada fungsi, struktur, corak kerja, cabaran, masalah, serta isu semasa yang di hadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam mengekang jenayah penyeludupan rokok, pengkaji menganalisis bahan dokumen tersebut daripada pegawai AKSEM itu sendiri semasa sesi temu bual diadakan. Bahan dokumen ini amat relevan untuk dianalisis bagi mendapatkan input-input tersebut.

3.3.4 Pensampelan

Pensampelan adalah teknik dalam memilih individu mahupun kumpulan tertentu di dalam sesuatu populasi. Ayob (2005) pula menyatakan bahawa pensampelan dilakukan bagi menjamin kebolehan dan kecekapan sampel yang dipilih mewakili populasi selari dengan kajian. Sampel kajian ini terdiri daripada anggota-anggota AKSEM Pengkalan Kubor yang terlibat secara langsung dengan operasi penguatkuasaan selain orang awam.

Dalam menentukan responden untuk ditemu bual, kajian ini akan memulakan sesi dengan pegawai atasan AKSEM Pengkalan Kubor sebagai responden pertama. Responden seterusnya di kalangan anggota AKSEM Pengkalan Kubor adalah berdasarkan cadangan oleh responden terdahulu berdasarkan pengetahuan dan keterlibatan mereka dalam tugas serta kesediaan untuk turut serta dalam kajian. Pemilihan responden dilakukan secara rawak dari segi kriteria umur, jantina, bangsa selain kesediaan untuk turut serta, khususnya yang membabitkan penyeludup dan pembeli rokok seludup. Dengan menggunakan kaedah ini, data dan maklumat yang diperolehi akan lebih tepat selaras dengan kehendak kajian.

Pensampelan ini dijalankan selama lebih kurang dua (2) bulan ke atas sampel di kawasan kajian. Tempoh masa ini dilihat bersesuaian bagi dilaksanakan sesi temu bual ke atas anggota-anggota yang terlibat. Temu bual yang dilakukan dapat melihat dengan jelas cabaran yang dihadapi oleh anggota-anggota penguat kuasa ini.

3.3.5 Kaedah Analisis Data

Kajian ini melihat kepada cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh pihak AKSEM dalam mengekang penyeludupan rokok. Melalui kajian ini, data yang diperoleh dari aktiviti pengumpulan data akan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Kajian ini menggunakan analisis kandungan dengan berusaha untuk memahami data bukan sebagai kumpulan peristiwa fizikal tetapi sebagai gejala simbolik untuk mengungkap makna yang terkandung dalam sebuah teks. Dengan analisis yang dilakukan, pemahaman mendalam terhadap mesej yang disampaikan diperoleh.

Metode ini dilaksanakan dengan memperincikan setiap maklum balas responden. Ianya bagi jawapan yang diberikan oleh responden diperincikan bagi menjamin ianya memenuhi kehendak persoalan, permasalahan, serta objektif kajian. Analisis data ini selaras dengan matlamat kajian iaitu mengetahui cabaran yang dihadapi oleh AKSEM dalam membanteras penyeludupan rokok.

3.4 Responden

AKSEM Pengkalan Kubor dan orang awam di sekitar Pengkalan Kubor merupakan responden yang terlibat di dalam kajian ini. Responden untuk AKSEM Pengkalan Kubor melibatkan tujuh (7) orang yang mana mereka terdiri daripada seorang Komandan, empat (4) orang anggota Bahagian Operasi, dan dua (2) orang anggota

Bahagian Sekatan Jalan Raya. Komandan adalah pegawai PDRM, anggota Bahagian Operasi terdiri daripada 2 pegawai PDRM, 1 pegawai JKDM dan 1 pegawai JIM, manakala anggota Bahagian Sekatan Jalan Raya terdiri daripada 2 pegawai PDRM.

Orang awam yang terlibat sebagai responden terdiri daripada dua (2) orang penyeludup, dua (2) orang pembeli, dua (2) orang penduduk tempatan, dan seorang ketua kampung. Bagi kajian bercorak kualitatif ini, kaedah temu bual digunakan bagi pengumpulan data primer. Jadual 3.1 mengandungi pecahan responden bagi kajian ini.

Jadual 3. 1
Responden Kajian

Sampel	Variabel	Kategori Responden	Lokasi	Jumlah
AKSEM Pengkalan Kubor	AKSEM Pengkalan Kubor	1. Komandan (1 PDRM)	Pengkalan Kubor	1 Orang
	Bahagian Operasi	2. Anggota, (2 PDRM, 1 JKDM, 1 JIM)	Pengkalan Kubor	4 Orang
	Bahagian Sekatan Jalan Raya	3. Anggota (2 PDRM)	Pengkalan Kubor	2 Orang
Orang Awam	Masyarakat Tempatan	1. Penyeludup	Pengkalan Kubor	2 Orang
		2. Pembeli	Pengkalan Kubor	2 Orang
		3. Ketua Komuniti	Pengkalan Kubor	1 Orang
		4. Penduduk Tempatan	Pengkalan Kubor	2 Orang
Jumlah				14 Orang

Menurut Patton (1990) tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan saiz peserta kajian. Menurutnya lagi, dalam kajian kualitatif, peserta kajian dipilih dalam jumlah yang kecil bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan jawapan yang berfokus.

Mengikut Patton (2002) juga, pensampelan berfokus adalah satu teknik yang digunakan dengan meluas dalam kajian kualitatif bagi mengenal pasti dan memilih

kes-kes kaya pengetahuan (*information-rich cases*) bagi penggunaan paling efektif sumber-sumber terhad. Ini melibatkan mengenal pasti dan memilih individu-individu atau kumpulan-kumpulan individu yang sangat berpengetahuan atau berpengalaman mengenai perkara yang dikaji (Cresswell & Plano Clark, 2011). Selain itu, mengikut Bernard (2002) dan Spradley (1979), turut penting adalah kesediaan dan kesanggupan untuk melibatkan diri serta kemampuan untuk menyampaikan pengalaman dan pandangan mereka.

Oleh itu, berdasarkan kepada semua pertimbangan ini, pemilihan 7 responden dari kalangan anggota AKSEM dan 7 responden dari kalangan orang awam adalah bertepatan bagi memenuhi kehendak kajian ini.

3.5 Temu bual

Proses temu bual ini dilakukan mengikut pensampelan teratur yang mana ianya dijalankan berdasarkan bidang kuasa, peranan, dan fungsi responden. Seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 3.1, responden bagi kajian ini melibatkan tujuh (7) orang pegawai dan anggota dari AKSEM Pengkalan Kubor. Responden yang terlibat ini adalah berperanan sebagai Komandan AKSEM Pengkalan Kubor, Bahagian Operasi, dan Bahagian Sekatan Jalan Raya. Bagi menambahkan lagi data berkaitan kajian, kajian ini turut menemubual tujuh (7) orang awam yang mana mereka terdiri daripada penyeludup, pembeli, dan penduduk tempatan. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 14 orang.

Sesi temu bual bersama setiap responden adalah dilakukan secara berasingan, secara berperingkat dan secara tertutup. Semasa sesi temu bual berlangsung, setiap responden diberi masa yang secukupnya untuk mereka memahami soalan yang diajukan dan

menjawab soalan berkaitan kajian. Sekitar satu jam setengah (1 jam 1/2) masa yang diperuntukkan untuk memenuhi setiap sesi temu bual. Tempoh kutipan data bagi keseluruhan responden adalah mengambil masa kira-kira dua (2) bulan. Temu bual yang dijalankan berlangsung seperti yang dirancang dan kesemua responden memberi kerjasama dengan amat baik.

Untuk responden daripada AKSEM Pengkalan Kubor, soalan temu bual yang dikemukakan adalah sebanyak 24 soalan. Soalan yang dikemukakan dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A merupakan soalan berkaitan peranan dan tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor, Bahagian B pula adalah soalan mengenai masalah dalaman yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor. Bagi Bahagian C, responden disoal mengenai masalah luaran manakala untuk Bahagian D, soalan umum berkaitan topik kajian seperti pendapat responden turut disoal. Bahagian akhir iaitu Bahagian E mengandungi soalan berkaitan dengan latar belakang responden.

Soalan temu bual bagi penyeludup rokok yang terlibat dengan kajian ini adalah sebanyak keseluruhan 12 soalan. Bagi responden ini, temu bual adalah berkisar dengan aktiviti penyeludupan rokok yang dilakukan dan latar belakang mereka. Seterusnya temu bual bersama penduduk tempatan adalah mengenai pendapat mereka berkaitan topik kajian.

Walaupun penduduk tempatan tidak terlibat secara langsung dengan tugas anggota AKSEM menangani aktiviti penyeludupan rokok tetapi mereka tetap ditemu bual kerana mereka mengetahui dan terkesan dengan aktiviti penyeludupan rokok, apatah lagi bila mereka yang ditemu bual adalah penyeludup dan pembeli rokok seludup.

Perakam suara digunakan bagi merekod setiap sesi temu bual yang dilangsungkan. Ianya membantu mempermudah pengkaji melakukan temu bual dan dapat merekod setiap isi yang diperkatakan oleh responden sekali gus memastikan setiap data yang penting tidak tertinggal. Seterusnya transkripsi ke atas audio yang mengandungi data yang di rekod dilakukan yang mana ianya dipindahkan dari format audio ke dalam bentuk teks.

Mengikut Babbie (2002), terdapat empat garis panduan yang perlu digunakan dalam membentuk soalan-soalan temu bual, iaitu:

- i. Soalan-soalan pendek adalah paling baik kerana responden cepat penat dengan soalan-soalan panjang.
- ii. Selalu menguji soalan-soalan kepada kumpulan kecil responden bagi menangkap masalah dan kesilapan sebelum menggunakannya kepada kumpulan yang lebih besar.
- iii. Elakkan soalan-soalan yang dinyatakan secara negatif.
- iv. Elakkan soalan-soalan yang berbentuk bias.

Berdasarkan kepada empat garis panduan yang diberikan oleh Babbie (2002), dan dengan persetujuan penyelia, soalan-soalan kaji selidik ini dibentuk sendiri bagi memenuhi persoalan dan objektif kajian yang dinyatakan.

Dari segi prosedur dan etika temu bual pula, mengikut Fowler (1991), penemu bual dikehendaki mengikut empat garis panduan ini, iaitu:

- i. Baca soalan-soalan betul-betul seperti yang tertulis.

- ii. Jika responden tidak menjawab soalan sepenuhnya, gunakan soalan-soalan susulan untuk mendapatkan jawapan yang lebih baik.
- iii. Rekodkan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan tanpa penginterpretasian atau pengeditan.
- iv. Kekalkan hubungan profesional dan neutral dengan responden tanpa memberi maklumat peribadi, menyatakan pandangan mengenai perkara yang menjadi bahan temu bual atau memberi maklum balas yang berbentuk penghakiman ke atas kandungan jawapan.

Berdasarkan kepada empat garis panduan yang diberikan oleh Fowler (1991), temu bual ini telah dijalankan mengikut prosedur dan etika yang ditentukan seterusnya menghasilkan dapatan yang tidak bias.

3.6 Kesimpulan Bab

Reka bentuk yang dibincangkan di dalam bab ini dilihat bersesuaian bagi mencapai objektif kajian. Kaedah pengumpulan data yang digunakan untuk kajian ini adalah menepati kehendak kajian dan responden-responden yang dicadangkan turut boleh dipercayai dan sahih. Seterusnya, Bab Empat membincangkan hasil data yang telah di kumpul dan diterjemahkan melalui analisis yang dijalankan. Bab Empat turut mengulas secara terperinci dapatan-dapatan kajian hasil daripada analisis yang dilakukan.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi perbincangan berkaitan analisis kajian. Hasil kajian di dalam bab ini melibatkan penemuan berkaitan peranan dan tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor dalam membanteras penyeludupan rokok. Seterusnya Bab 4 ini turut mengandungi analisis terhadap cabaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor. Analisis yang dilakukan di dalam bab ini dipecahkan kepada dua responden utama iaitu AKSEM Pengkalan Kubor dan orang awam. Analisis terhadap AKSEM Pengkalan Kubor menumpukan kepada tanggungjawab yang dimainkan oleh pihak mereka dalam membanteras penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor.

Analisis turut melihat kepada cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor yang mengekang mereka menyempurnakan penugasan yang dipertanggungjawabkan. Bagi analisis orang awam, responden diklasifikasikan kepada dua kelompok iaitu penyeludup dan penjual, dan pembeli dan penduduk tempatan. Analisis bagi penyeludup dan penjual rokok seludup melihat kepada kaedah penyeludupan dan penjualan manakala untuk pembeli dan penduduk tempatan penumpuan adalah kepada pendapat mereka tentang penyeludupan dan pengoperasian AKSEM.

4.2 Analisis Latar Belakang Responden

Analisis terhadap keseluruhan responden dalam kajian ini dilaksanakan di dalam bahagian ini. Seperti yang dimaklumkan di awal tesis ini, kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan ianya melibatkan responden-responden yang berkaitan dan di dalam bidang kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data diperoleh hasil temu bual dengan responden yang dipilih.

Sebanyak 7 responden adalah bekerja sebagai anggota AKSEM, 4 bekerja sendiri, dan selebihnya (3) merupakan penganggur. Keseimbangan pekerjaan responden memberikan keseimbangan kepada data-data bagi kajian ini. Keseluruhan responden yang ditemu bual adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Perkara ini disebabkan oleh kerana Melayu merupakan bangsa yang mendominasi kawasan Pengkalan Kubor.

Seterusnya, daripada keseluruhan 14 orang responden untuk kajian ini, 12 daripadanya adalah berjantina lelaki manakala selebihnya (2) adalah perempuan. Majoriti responden yang ditemu bual mempunyai pendidikan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (7), 3 responden berpendidikan diploma, dan masing-masing 2 responden memiliki Sarjana Muda dan lain-lain peringkat pendidikan.

4.3 Analisis AKSEM Pengkalan Kubor

Dapatan bagi analisis AKSEM Pengkalan Kubor dibincangkan di bahagian ini. Bagi anggota AKSEM yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 24 soalan yang berkaitan dengan topik kajian telah disoal dan analisis dijalankan berdasarkan kepada topik-topik yang bersesuaian dengan kajian ini. Topik-topik perbincangan di bahagian ini

adalah peranan dan tanggungjawab, cabaran dalaman, serta cabaran luaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor.


Anggota AKSEM yang ditemu bual menjawab setiap pertanyaan dengan baik dan jelas dan mereka turut menyumbangkan idea yang bersesuaian dengan kajian. Setiap maklumat yang diperolehi daripada responden adalah daripada fakta kes yang telah selesai dan daripada pengalaman semasa anggota. Oleh demikian, setiap data yang diberikan adalah tidak mempengaruhi sebarang siasatan mahupun risikan pihak berkuasa. Kajian ini juga tidak memasukkan sebarang data yang berada di bawah kategori 'rahsia' yang boleh menjejaskan keselamatan sempadan negara.

4.3.1 Peranan dan Tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor

AKSEM yang diperkenalkan pada tahun 2015 menjalankan fungsinya berdasarkan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 (Akta 799). Menurut Responden 2, dalam memainkan peranannya mengawal sempadan darat negara, terdapat enam objektif utama yang diikuti oleh pihak AKSEM. Responden 2 menjelaskan bahawa peranan dan tanggungjawab AKSEM yang dijalankan dalam erti kata sebenar adalah fungsi-fungsi agensi itu sendiri seperti agensi ini hanya menjalankan kawalan sempadan darat Malaysia sahaja. Kedua, agensi ini membuat syor mengenai perkara yang berhubung dengan keselamatan darat Malaysia. Ketiga, agensi ini sedia menerima apa-apa laporan berhubung kegiatan penyeludup atau aktiviti-aktiviti lain yang menyalahi undang-undang di sempadan darat Malaysia. Keempat adalah untuk menyelaraskan pelaksanaan penguatkuasaan oleh agensi-agensi lain. Kelimanya adalah untuk mencegah apa-apa kegiatan penyeludupan. Keenam adalah untuk merumus


dasar dan program untuk mencegah aktiviti penyeludupan yang menyalahi undang-undang darat di Malaysia (R2).

Dapatan kajian mendapati bahawa AKSEM bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan risikan di sempadan negara (R1-R7). Selain daripada melakukan tugas penguatkuasaan dan risikan, AKSEM Pengkalan Kubor turut mempunyai tanggungjawab dalam pengurusan (R4). Melalui dapatan kajian yang diperolehi, secara dasarnya, AKSEM mempunyai tiga fungsi utama iaitu penguatkuasaan, risikan, dan pengurusan dan diketuai oleh seorang Ketua Pengarah. Seterusnya, dapatan kajian turut mendapati bahawa Bahagian Penguatkuasaan di dalam organisasi ini diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah yang turut bertindak sebagai Komander AKSEM Negeri. Bahagian Risikan pula diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah dan Bahagian Pengurusan diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah. Untuk tujuan penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan menjadi koordinator dalam menyelaras keseluruhan agensi yang mengawal sempadan darat negara.



Rajah 4. 1: Carta Organisasi Ibu Pejabat AKSEM
 Sumber: *Dapatan Kajian, 2018*

Pada tahun 2015, Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dinaiktarafkan kepada Agensi Keselamatan Sempadan (AKS) seterusnya kepada AKSEM sekali gus segala bebanan tugas UPP dipertanggungjawabkan kepada AKSEM (Dapatan Kajian, 2018). Demi mengukuhkan kawalan sempadan darat negara, AKSEM berperanan mengkoordinasikan kesemua agensi yang menjalankan penguatkuasaan di sempadan negara seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Pasukan Gerakan Am (PGA), dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK).




Rajah 4. 2: Keanggotaan AKSEM
 Sumber: *Dapatan Kajian, 2018*

Dapatan kajian mendapati bahawa penubuhan AKSEM adalah di bawah *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) di mana ianya dianggotai oleh beberapa agensi penguatkuasaan sempadan (Rajah 4.2). Penubuhan AKSEM turut melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kawalan sempadan. Walaupun sempadan negara dikoordinasi oleh AKSEM, agensi-agensi penguatkuasaan tetap menjalankan segala operasi dan penguatkuasaan berdasarkan bidang kuasa dan peranan mengikut peruntukan yang ditetapkan dan hanya pengoperasian yang dikawal selia oleh AKSEM.

Hasil temu bual yang telah dijalankan, Responden 1 hingga Responden 7 mengatakan bahawa peranan utama yang dimainkan oleh AKSEM Pengkalan Kubor adalah mengawal sempadan darat Kelantan-Thailand dari Pengkalan Kubor hingga Rantau Panjang. AKSEM Pengkalan Kubor juga berperanan mengenal pasti setiap bentuk pencerobohan yang berlaku di sempadan seliaan mereka (R1, R3). AKSEM juga bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan di sempadan darat negara berdasarkan punca kuasa yang diberi dan digariskan di dalam Akta 799 (R2). Antara penguatkuasaan yang dilakukan adalah dengan melakukan operasi secara bersendirian

mahupun secara bersepadu bersama agensi lain (R1, R2, R3, R4, R6, R7) dan melakukan sekatan jalan raya (SJR) (R1-R7). AKSEM Pengkalan Kubor bertanggungjawab mengenal pasti setiap bentuk pencerobohan dan mereka menjalankan tanggungjawab tersebut dengan melakukan risikan (R1-R7).



Rajah 4. 3: Peranan dan Tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor
 Sumber: *Dapatan Kajian*, 2018

Daripada Rajah 4.3 jelas menunjukkan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor memainkan peranan yang jelas dalam pencegahan penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor. AKSEM Pengkalan Kubor menggunakan beberapa kaedah dan corak kerja dalam melaksanakan penguatkuasaan dan mengawal sempadan darat negara.

Tanggungjawab dan peranan pihak AKSEM Pengkalan Kubor dalam menangani isu penyeludupan rokok adalah mengawal, mengenal pasti, serta menjalankan risikan secara terperinci untuk mendapatkan maklumat tentang penyeludupan rokok.

Responden 1

4.3.1.1 Melaksanakan Penguatkuasaan dan Mengawal Sempadan Darat Negara

Responden 1, Responden 2, Responden 3, Responden 4, Responden 6, dan Responden 7 menerangkan bahawa pihak mereka melakukan operasi dalam tempoh yang ditetapkan bagi menangani isu penyeludupan rokok secara sendiri mahupun bersama agensi-agensi yang berada di sempadan. Selain itu, AKSEM turut melaksanakan sekatan jalan raya (R1-R7). Menurut Responden 6 dan Responden 7, AKSEM Pengkalan Kubor melakukan operasi di sekitar kawasan pengairan sempadan serta mengawal pintu masuk dari dicerobohi oleh aktiviti penyeludupan barang salah di sisi undang-undang.

Kita ada beberapa cara dalam penguatkuasaan. Antaranya pihak kita akan membuat operasi sendiri atau bersepadu dengan beberapa agensi lain seperti pihak AADK, KPDNKK, JKDM, JIM, PDRM dan sebagainya.

Responden 2

Responden 1 menegaskan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor sering mengubah modus operandi mereka dalam penguatkuasaan dan kawalan keselamatan sempadan.



Rajah 4. 4: Kaedah Penguatkuasaan Dan Kawalan AKSEM
Sumber: Dapatan Kajian, 2018

Responden 2, Responden 3, dan Responden 4 mengatakan bahawa operasi bersepadu di kawasan Pengkalan Kubor sering dilakukan bersama dengan beberapa agensi antaranya AADK, Polis Marin, JKDM, JIM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Perhilitan, dan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM-Farmasi). Responden 6 dan Responden 7 mengatakan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor bekerjasama dengan agensi-agensi lain adalah untuk memperketatkan lagi kawalan di laluan-laluan tikus yang seringkali digunakan oleh penyeludup. Selain itu, operasi bersama agensi lain turut dilakukan dengan membuat operasi serbuan secara besar-besaran di premis dan kedai yang didapati terlibat dalam kegiatan jenayah ini.

Selain daripada menjalankan operasi, AKSEM turut melakukan SJR secara statik dan *snap roadblock*. Pos tetap SJR didirikan tetap di Kampung Neting Pengkalan Kubor beroperasi 24 jam setiap hari bagi memeriksa kenderaan yang melalui jalan tersebut. SJR oleh AKSEM Pengkalan Kubor sering diperkemarkan di laluan pintu masuk sempadan agar ianya tidak mudah dibolosi oleh penyeludup (R6, R7).

Cara pertama pihak AKSEM melakukan penguatkuasaan adalah secara terang dan jelas iaitu melalui SJR. Keduanya pihak kami akan membuat sekatan secara rambang jika difikirkan perlu dan mengikut maklumat yang diperoleh daripada anggota atau daripada orang awam.

Responden 2

AKSEM Pengkalan Kubor membuat pemeriksaan rapi ke atas setiap kenderaan yang keluar masuk melalui pintu masuk sempadan.

Responden 6

Kita ada dua jenis SJR. Pertamanya, SJR di pos statik. Pos statik AKSEM Pengkalan Kubor ada di Kampung Neting yang mana ia

beroperasi 24/7 dan satu lagi adalah kita buat *snap roadblock*. *Snap roadblock* biasanya secara bersama dengan agensi-agensi lain atau jika ada kes.

Responden 7

Responden 1 menerangkan bahawa terdapat dua kaedah melakukan SJR iaitu melalui pos statik dan '*snap and check*'. '*Snap and check*' dilakukan dengan melakukan rondaan terlebih dahulu Kawasan Tanggungjawab (KTJ), kemudian satu sekatan jalanraya kecil akan dibuat pada satu-satu masa dan kemudiannya akan beralih ke lokasi lain. Prosedur melakukan '*snap and check*' oleh AKSEM adalah dengan cara menahan dan memeriksa kenderaan yang disyaki melakukan kesalahan (R2). Responden 2 mengatakan bahawa anggota yang terlibat perlu terlebih dahulu memperkenalkan diri sebagai anggota penguat kuasa dan memberitahu kepada orang awam yang ditahan untuk diperiksa barang-barang dan kenderaan yang dibawa.

Selepas pihak AKSEM melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sehingga berlakunya tangkapan, mereka akan menyerah kes tersebut kepada agensi yang berkaitan untuk tujuan pendakwaan dan selanjutnya (R1-R7).

Proses undang-undang selepas serbuan/tangkapan/rampasan adalah dengan mengenal pasti dan mengklasifikasi kes tersebut dan diserahkan kepada agensi-agensi terlibat. Contohnya tangkapan mengenai rokok seludup akan diserahkan kepada pihak JKDM, manakala tangkapan tembakau akan diserahkan kepada LKTN. Bagi rampasan beras pula akan diserahkan kepada Kawal Selia Padi dan Beras. Setelah laporan polis dibuat, kawasan tempat kejadian perlu diambil gambar barang kes untuk dijadikan bahan bukti. Setelah itu, semua barang kes dan dokumen-dokumen perlu diserahkan kepada agensi yang terlibat.

Responden 1

4.3.1.2 Mengenal pasti Setiap Bentuk Pencerobohan

Tanggungjawab AKSEM selain daripada penguatkuasaan adalah mengenal pasti setiap bentuk pencerobohan. Dalam melunaskan tanggungjawab ini, AKSEM melakukannya melalui risikan dan menjalankan rondaan secara kerap di kawasan seliaannya (R1-R7).

Cara kerja yang pihak kami gunakan adalah dengan membuat intipan dan risikan maklumat. Pihak kami juga selalu berjumpa dengan masyarakat bagi mendapatkan maklumat aktiviti penyeludupan rokok. Selain itu, kami juga sentiasa membuat rondaan di kawasan tebing sungai selain daripada di kawasan-kawasan berpotensi yang lain.

Responden 3

Tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor dalam memastikan penyeludupan rokok tidak berlaku adalah dengan menjalankan rondaan dan risikan. Pihak kami mendapatkan maklumat daripada sumber-sumber yang boleh di percayai. Dengan adanya maklumat dan risikan ini akan dapat menjalankan satu-satu operasi serbuan. Jadual penugasan diatur dengan baik untuk tugas rondaan dan risikan.

Responden 5

Selain itu, pihak AKSEM juga melatih dan merekrut sumber atau LP (*Lesson Person*) bagi mendapatkan maklumat, di samping mengadakan operasi bersepadu dalam tempoh yang ditetapkan bagi menangani isu penyeludupan rokok secara bersama dengan agensi-agensi yang mengawal sempadan.

Responden 1

Responden 5 mendedahkan bahawa dalam melakukan risikan dan intipan, peranan pemberi maklumat adalah sangat penting. Beliau mengatakan bahawa kebanyakan operasi dan serbuan yang dilakukan mengalami kegagalan ekoran tindakan

penyeludup mengupah penduduk tempatan untuk memerhatikan gerak kerja pihak berkuasa. Justeru itu, pihak AKSEM Pengkalan Kubor mengambil inisiatif dengan turut menggunakan penduduk tempatan sebagai pemberi maklumat sekali gus menawarkan ganjaran kepada pemberi maklumat (R5).

4.3.2 Langkah Pencegahan Penyeludupan AKSEM Pengkalan Kubor

Responden 1, Responden 2 Responden 3, Responden 4, Responden 6, dan Responden 7 mengatakan bahawa terdapat langkah pencegahan khusus yang diguna pakai oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam menghalang kegiatan penyeludupan rokok. Responden 1 menerangkan bahawa pihaknya sentiasa mempunyai perancangan dan mengatur langkah-langkah pencegahan bagi mengekang penyeludupan masuk dan keluar rokok di sempadan negara. Responden 1 dan Responden 2 mengatakan bahawa mereka menggunakan sepenuhnya undang-undang yang diberikan kepada mereka. Sebagai contoh, pihak AKSEM bertindak memeriksa kemasukan barang-barang bebas cukai serta menahan dan menghalang kemasukan barangan bercukai yang tidak dibayar cukai kepada pihak JKDM (R1, R2).

Walaupun pihak kami berhadapan dengan pelbagai cabaran namun ia tidak dijadikan sebagai masalah utama. Ini kerana kami sentiasa mencari kaedah-kaedah dan inisiatif baru dalam merancang penugasan operasi mengikut trend penyeludupan terkini.

Responden 1

Responden 2, Responden 6, dan Responden 7 mengatakan bahawa mereka menggunakan langkah bekerjasama dengan agensi-agensi lain melancarkan serbuan di pengkalan-pengkalan haram yang dikenal pasti dan diyakini berlakunya kegiatan penyeludupan. Seterusnya Responden 6 dan Responden 7 mendedahkan bahawa

mereka menjalankan operasi secara kerap di laluan pintu masuk serta di lorong-lorong tikus yang digunakan oleh sindiket. Responden 4 mengatakan bahawa selain daripada melakukan sekatan jalan raya 24 jam setiap hari di Kampung Neting, pihak AKSEM Pengkalan Kubor turut melakukan operasi dan rondaan secara mengejut. Perkara ini dilakukan bagi mengelakkan kebocoran maklumat operasi (R4).

Langkah pencegahan khusus yang digunakan pihak kami dalam perancangan agensi untuk dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini adalah dengan mengadakan operasi besar-besaran dengan melibatkan agensi penguat kuasa yang lain bagi mengawal atau menyekat rokok-rokok yang di seludup keluar dari Kelantan.

Responden 3

AKSEM Pengkalan Kubor turut berdampingan dengan penduduk tempatan atas tujuan untuk memberitahu dan menasihati mereka akan kesalahan terlibat dengan penyeludupan (R4, R6, R7). Pihak AKSEM Pengkalan Kubor turut memberitahu penduduk akan risiko dan hukuman yang dikenakan sekiranya mereka ditangkap pihak berkuasa dan didapati bersalah (R4, R7).

Kita memberitahu atau menasihati orang ramai tentang bahaya serta risiko yang akan ditanggung oleh mereka yang terlibat sekiranya ditangkap dan ditahan oleh pihak berkuasa.

Responden 4

AKSEM Pengkalan Kubor turut mengorak langkah aktif dengan memasang mata dan telinga yang terdiri daripada kalangan rakyat tempatan sebagai salah satu langkah pencegahan kegiatan penyeludupan rokok (R2, R3, R7). Responden 7 menambah yang sekiranya maklumat yang disalurkan kepada mereka betul dan berhasil, pihak AKSEM Pengkalan Kubor akan memberi ganjaran kepada pelapor dalam bentuk wang

ringgit atau barangan lain. AKSEM Pengkalan Kubor mengambil inisiatif mempertingkatkan lagi risikan maklumat disempadan bagi memperolehi maklumat dari orang awam yang berada di sekitar kawasan yang disyaki lubang penyeludupan rokok (R3, R4). Oleh demikian, anggota AKSEM di Pengkalan Kubor mempunyai hubungan yang baik dengan penduduk tempatan bagi mendapatkan maklumat (R4). Responden 4 mengatakan bahawa mereka melakukan rondaan di air di sepanjang Sungai Takbai sehingga ke Sungai Golok serta turut melakukan pemeriksaan dan tangkapan di kawasan perairan.

Walau bagaimanapun, Responden 5 mengatakan bahawa tiada langkah pencegahan khusus yang digunakan oleh pihak AKSEM Pengkalan Kubor. Menurutnya, pihak AKSEM hanya melakukan rondaan di sekitar kawasan yang panas dan senaraikan sebagai 'kawasan hitam'. Selain itu, pihak AKSEM hanya menjalankan operasi seperti biasa seperti mendapatkan dan mencari maklumat daripada orang awam yang tinggal di kawasan seliaan mereka. Namun begitu, Responden 5 mengatakan bahawa anggota AKSEM Pengkalan Kubor sering menggunakan kenderaan persendirian bagi mengelakkan daripada kehadiran mereka diketahui oleh penyeludup.


4.3.3 Cabaran Dalam AKSEM Pengkalan Kubor

Sebagai agensi penguatkuasaan di sempadan, AKSEM Pengkalan Kubor tidak terlepas daripada dicemari oleh cabaran-cabaran dalaman yang mengganggu mereka melunaskan tanggungjawab menjaga keselamatan sempadan daripada dicerobohi. AKSEM sebagai koordinator bagi agensi-agensinya di sempadan darat negara menghadapi kekangan sumber manusia yang serius (R1-R7).

Masalah dalaman yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam membanteras aktiviti penyeludupan yang kian meruncing ini adalah masalah kekurangan anggota.

Responden 3

Selain dari itu, masalah integriti anggota tidak terlepas daripada membelenggu AKSEM Pengkalan Kubor (R1, R3-R7). Responden 4 hingga Responden 7 turut mengatakan bahawa mereka berhadapan dengan situasi di mana mereka tidak dibekalkan dengan keperluan logistik yang sepatutnya. Selain itu, hasil analisis mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor turut menghadapi masalah di mana anggotanya tidak dilengkapi dengan sebarang kursus mahupun kemahiran teknik untuk menjalankan tugas (R4, R5, R6, R7).



Rajah 4. 5: Cabaran Dalaman AKSEM Pengkalan Kubor
Sumber: Dapatan Kajian, 2018

Melalui Rajah 4.5 dapat dikatakan bahawa keseluruhan responden yang ditemu bual mempunyai pendapat yang sama berhubung dengan cabaran dalaman yang mereka hadapi.

4.3.3.1 Kekurangan Sumber Manusia

Responden 1 memaklumkan bahawa unit risikan di AKSEM Pengkalan Kubor hanya dianggotai oleh 3 orang anggota sahaja. Perkara ini mendatangkan masalah utama dalam mengumpul dan menganalisis maklumat yang diperolehi. Selain dari unit risikan, anggota rondaan juga tidak mencukupi di mana ianya menyukarkan pihak AKSEM melakukan tugas rondaan dan mengawal di kawasan-kawasan panas yang menjadi laluan utama penyeludup (R1).

Masalah kekurangan anggota merupakan masalah utama dalam pembahagian tugas di mana anggota risikan hanya ada 3 orang. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk membuat risikan. Manakala untuk pegawai serbuan kami hanya ada 2 orang.

Responden 4

Anggota yang melakukan SJR juga tidak mencukupi di mana setiap seksyen hanya mempunyai 3 hingga 4 orang anggota sahaja (R1, R2). Perkara ini secara jelas melanggar SOP SJR AKSEM yang mana menyebut untuk menjalankan SJR, sebanyak lima orang anggota adalah diperlukan (R1, R2).

Kami di AKSEM Pengkalan Kubor menghadapi masalah kekurangan anggota. Anggota yang ada terlibat secara tetap tugas sekatan jalan raya di jalan Kampung Neting-Pengkalan Kubor. Anggota yang melakukan SJR juga tak cukup yang mana di setiap seksyen cuma ada 3 hingga 4 orang anggota sahaja. Ini jelas bertentangan dengan SOP AKSEM sendiri yang menyebut untuk mendirikan SJR memerlukan 5 orang anggota.

Responden 2

Menurut Responden 2 dan Responden 3, AKSEM memerlukan anggota yang mencukupi untuk menjalankan tugas kerana menurut mereka tekanan kerja akibat kekurangan anggota menjadi punca pihak AKSEM tidak dapat mengawal penyeludupan yang berlaku di Pengkalan Kubor. Contohnya di mana AKSEM Pengkalan Kubor hanya mempunyai tiga (3) orang anggota risikan. Hal ini, menyebabkan masalah untuk mencari dan mengumpul maklumat bagi membanteras penyeludupan di Pengkalan Kubor. Responden 2 mengatakan kekangan daripada kekurangan anggota menyebabkan operasi tidak boleh dijalankan dengan baik di mana kawasan pengawasan AKSEM di Pengkalan Kubor adalah luas dan ianya turut meliputi kawasan perairan Sungai Golok.

Jumlah anggota AKSEM Pengkalan Kubor yang sedikit tidak dapat mengawal penyeludupan di kawasan sempadan Pengkalan Kubor yang jaraknya cukup luas iaitu sepanjang Sungai Golok. Analisis turut mendapati bahawa SJR tidak dapat dilaksanakan dengan baik kerana kekurangan anggota akan menyebabkan penyeludup senang memboloskan diri (R2, R3). Masalah kekurangan anggota ini menyebabkan AKSEM Pengkalan Kubor menghadapi kekurangan anggota yang pakar dan mahir. Responden 4 mengatakan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor disediakan dengan dua buah bot laju untuk operasi, namun anggota yang berkemahiran atau pakar dalam bawa bot hanyalah seorang. Ketiadaan anggota yang mahir dan pakar menjadikan AKSEM Pengkalan Kubor sukar menjalankan operasi dengan baik (R4).

Dapatan kajian mendapati bahawa keseluruhan keanggotaan AKSEM hanyalah seramai 693 orang. Dapatan kajian mendapati bahawa keseluruhan jumlah perjawatan yang patut diisi di dalam agensi ini adalah sebanyak 913 orang. Ini jelas menunjukkan

masih terdapat sebanyak 24.1% kekosongan perjawatan untuk AKSEM. Selain itu, AKSEM yang merupakan gabungan lima agensi penguat kuasa iaitu JKDM, JIM, PDRM, LKTN, dan AADK. Namun apa yang ditemui oleh kajian ini adalah belum ada pengisian jawatan oleh LKTN dan AADK.

Jadual 4. 1
Perjawatan AKSEM 2015-2018

Bil	Agensi	2015	2016	2017	2018
1	HQ	-	-	20	20
2	PDRM	604	604	604	605
3	JKDM	141	130	130	130
4	JIM	150	148	148	148
5	Awam	13	10	10	10
	Jumlah	908	892	912	913
	Pengisian	798	727	727	693
	Peratusan Pengisian	87.8%	81.5%	79.7%	75.9%

Sumber: *Dapatan Kajian, 2018*

Hasil daripada dapatan kajian memperlihatkan beberapa faktor yang membawa kepada masalah kekurangan anggota. Perkara utama yang menyebabkan berlakunya kekurangan anggota adalah apabila kekosongan jawatan tidak diisi. AKSEM yang merupakan salah satu agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) merupakan agensi yang pengambilan jawatannya adalah secara kader ataupun latihan melalui agensi-agensi seperti JKDM, JIM, dan PDRM. Perkara ini turut menyumbang kepada ketidakcukupan anggota di peringkat penguatkuasaan.

4.3.3.2 Integriti Anggota

Integriti merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh mana-mana agensi penguatkuasaan. AKSEM Pengkalan Kubor yang menjadi pengawal di sempadan darat Malaysia-Thailand yang terkenal sebagai lubang kegiatan penyeludupan turut

menghadapi cabaran tersebut. Majoriti responden yang ditemu bual bersepakat bahawa masalah integriti anggota menjadi antara kekangan utama dalam membanteras penyeludupan di Pengkalan Kubor.

Pada pandangan saya, isu integriti akan tetap diperkatakan serta menjadi tajuk utama di dalam setiap agensi penguat kuasa di Malaysia.

Responden 2

Masalah integriti akan selesai sekiranya anggota AKSEM ditambah.

Responden 3

Memang tidak dinafikan integriti juga menjadi salah satu faktor dalaman menangani masalah penyeludupan.

Responden 5

Responden 3 dan Responden 4 menjelaskan bahawa integriti di dalam agensi berkenaan menjadi masalah disebabkan oleh kadar gaji anggota AKSEM yang berbeza-beza. Seperti yang diterangkan di Bab 2, keanggotaan AKSEM adalah gabungan daripada beberapa agensi penguatkuasaan. Oleh demikian, dapatan kajian mendapati bahawa gaji AKSEM ada berdasarkan sistem gred yang ditetapkan oleh agensi asal anggota. Perkara ini mewujudkan rasa tidak puas hati antara anggota sekali gus membuatkan mereka mempertaruhkan integriti mereka bagi mendapatkan hasil yang lebih (R3, R4). Tawaran yang diberikan pihak penyeludup kepada anggota AKSEM amatlah tinggi berbanding elaun AKSEM yang hanya pada kadar RM300 sebulan (R4).

Responden 6 dan Responden 7 mengatakan gaji anggota yang rendah menyebabkan berlakunya gejala rasuah di kalangan anggota. Seperti yang diterangkan sebelum ini bahawa anggota AKSEM menerima gaji berdasarkan sistem gred gaji yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Jadual 4.2 menunjukkan jumlah anggota AKSEM bagi negeri Kelantan berdasarkan agensi asal anggota.

Kajian ini mendapati bahawa majoriti daripada anggota AKSEM adalah bergaji rendah. Portal Rasmi SPA (2018) menunjukkan bahawa gaji minima bagi anggota adalah RM1,014.00 (gaji minima bagi jawatan YA1) manakala gaji maksimal bagi anggota adalah RM4,005.00 (gaji maksimal WK19/WK22 & KP41/42/44).

Jadual 4. 2
Perbandingan Perjawatan JKDM, JIM, Dan PDRM Bagi AKSEM Negeri Kelantan Untuk Tahun 2015

Bil	Agensi	Jawatan	Gred	Jumlah
1		Penguasa Kastam	WK41/ WK44	1
2		Pem. Penguasa Kastam	WK26	1
3	JKDM	Pem. Penguasa Kastam	WK22	6
4		Pem. Penguasa Kastam	WK19/WK22	29
5		Penguasa Imigresen	KP41/42/44	1
6	JIM	Pegawai Imigresen	KP26	1
7		Pegawai Imigresen	KP19/KP22	29
8		Inspektor	YA13	2
9		Sarjan/Sarjan Mejar	YA5/6/YA8	3
10		Koperal	YA4	27
11	PDRM	Konstabel/Lans Koperal/ Koperal	YA1/YA2/YA4	66
12		Pembantu Tadbir (P/O)	N19/N22	1
13		Pembantu Operasi	N11/N14	1

Sumber: *Dapatan Kajian, 2018*

Responden 2 mengatakan bahawa integriti di AKSEM Pengkalan Kubor tidak menjadi cabaran kepada mereka dalam membanteras penyeludupan. Walaubagaimanapun,

menurut Responden 2, ada di antara anggota yang bersekongkol dengan penyeludup dengan menjadi dalang yang membocorkan rahsia jabatan. Namun tambahnya, ianya adalah tidak ketara kerana hanya melibatkan sebilangan anggota kecil sahaja dan pihaknya dapat mengatasi isu tersebut dengan melakukan perubahan kepada rancangan operasi. Responden 2 mengatakan bahawa integriti di AKSEM Pengkalan Kubor masih di dalam keadaan yang terkawal.

4.3.3.3 Logistik

Responden 1 hingga Responden 7 mendedahkan bahawa mereka menghadapi kekangan logistik dalam menangani jenayah rentas sempadan. Hasil analisis mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor menghadapi kekurangan kenderaan (R1-R7). Responden 1 mengatakan bahawa wujudnya masalah logistik di kawasan kajian. AKSEM Pengkalan Kubor didapati masih menggunakan kenderaan yang lama seperti kereta Proton (Wira), kereta Pajero, dan motosikal Modenas Kriss (R1).

Kami di AKSEM hanya menggunakan kenderaan lama sedangkan kenderaan penyeludup lebih bagus daripada pihak AKSEM. Sebagai contoh terkini penyeludup kini menggunakan kenderaan mewah seperti kereta jenis Toyota Wish, Toyota Estima, Velfire serta van kelajuan tinggi dari jenis Toyota *Hi Ace* manakala pihak kami masih menggunakan lagi pajero lama, Proton (Wira). Kami cuma ada beberapa biji kereta baru seperti 1 Fortuner, 2 buah Hyundai Santafe, dan 1 buah Hillux. Ini menyebabkan masalah kepada anggota AKSEM untuk membanteras jenayah rentas sempadan secara menyeluruh.

Responden 4

Hal ini mendedahkan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor masih menggunakan kenderaan dari model yang lama untuk membuat rondaan dan operasi. Perkara ini secara jelas menyukarkan pihak AKSEM untuk memintas kegiatan penyeludupan yang rata-ratanya menggunakan kenderaan model baru dan berkuasa tinggi yang semestinya lebih canggih (R2). Responden 4 menyarankan agar diperbanyakkan jumlah kenderaan pelbagai guna dan AKSEM Pengkalan Kubor memerlukan kenderaan yang lebih canggih dan pantas, dan sesuai digunakan di pelbagai situasi.

Kenderaan-kenderaan lama AKSEM tidak mampu untuk mengejar dan menangkap penyeludup yang menggunakan kenderaan berkuasa tinggi.

Responden 4

Selain daripada kenderaan, AKSEM Pengkalan Kubor berhadapan dengan situasi di mana mereka masih menggunakan peralatan perhubungan yang lama. Responden 2 mengatakan set '*walkie talkie*' yang mereka gunakan adalah dari model yang lama yang mana ianya sering mendatangkan masalah kepada mereka. Hasil analisis kajian menunjukkan alatan logistik yang digunakan oleh AKSEM pada hari ini adalah sama dengan apa yang digunakan sebelum UPP dinaiktaraf (R6, R7).

Kami di sini menghadapi masalah dari segi kelengkapan seperti peralatan yang dibekalkan tidak proaktif serta banyak peralatan lama yang sudah uzur dan terlalu banyak yang rosak.

Responden 4

AKSEM Pengkalan Kubor turut tidak dibekalkan dengan peralatan terkini. Menurut Responden 1, Responden 3, dan Responden 4, AKSEM memerlukan kepada penggunaan alatan canggih yang terkini seperti '*trazer gun*'. Mereka mengatakan

bahawa alatan itu adalah penting yang digunakan untuk melumpuhkan kegiatan penyeludupan kerana senjata itu tidak membunuh seperti senjata api lain yang biasa digunakan pihak berkuasa (R1, R3, R4).

Analisis kajian menunjukkan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor tidak menggunakan peralatan dan teknologi baru dalam mengawal sempadan negara (R4-R7). Menurut Responden R4, tidak ada alat pengawasan canggih seperti kamera litar tertutup (CCTV) dipasang di sempadan Pengkalan Kubor-Takbai khususnya di kawasan panas yang sering berlaku penyeludupan rokok.

4.3.3.4 Tidak Diberi Latihan Khusus

Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota AKSEM Pengkalan Kubor tidak menerima latihan yang khusus untuk berhadapan dengan sesuatu situasi (R4-R7).

Anggota AKSEM perlu diberi kursus khas bagi membantu setiap penugasan serta patut ada kursus yang memberi pendedahan kepada anggota-anggota baru agar menjalankan tugas dengan jujur dan ikhlas.

Responden 5

AKSEM yang merupakan gabungan beberapa agensi penguatkuasaan menghadapi cabaran di mana anggotanya tidak mempunyai kemahiran dalam menangani sesuatu isu. Responden 3 mengatakan ada anggota yang tidak mempunyai kemahiran mengendalikan peralatan khas yang digunakan dalam operasi. Sebagai contoh, anggota JIM dan JKDM tidak mempunyai kemahiran khas dalam mengendalikan senjata api (R3).

4.3.4 Cabaran Luaran AKSEM Pengkalan Kubor

Faktor geografi Pengkalan Kubor yang dipisahkan dengan Thailand oleh Sungai Golok merupakan faktor utama yang menjadi cabaran kepada AKSEM Pengkalan Kubor (R1-R7). Selain daripada geografi, harga rokok di Malaysia yang lebih mahal berbanding di Thailand memberi kesan kepada peningkatan penyeludupan rokok di kawasan ini (R1-R7). Selain daripada kedua-dua faktor ini, modus operandi penyeludup juga sering berubah sehingga menyukarkan pihak berkuasa dari menyekat mereka (R1-R5).

Responden 1, Responden 2, Responden 3, Responden 6, dan Responden 7 mengatakan bahawa akta sedia ada masih belum cukup untuk mengekang penyeludupan di sempadan tanah air. Kerjasama dari penduduk awam di Pengkalan Kubor turut menjadi penyumbang kepada kekangan dalam mengawal kegiatan penyeludupan (R1, R2, R4, R5, R56, R7).



Rajah 4. 6: Cabaran Luaran AKSEM Pengkalan Kubor
Sumber: Dapatan Kajian, 2018

4.3.4.1 Keadaan Geografi

Keadaan geografi sempadan yang hanya dipisahkan dengan Sungai Golok menyukarkan AKSEM melakukan operasi mereka (R1-R7). Menurut Responden 4, selain Sungai Golok, Pengkalan Kubor turut disempadani dengan perairan laut yang mana ianya secara jelasnya membuka banyak ruang kepada penyeludup. Penyeludup menggunakan kelebihan geografi ini dengan menyelinap masuk ke negara ini melalui Sungai Golok seterusnya hingga ke pesisiran pantai (R3).

Laluan yang sering digunakan oleh penyeludup ialah laluan Sungai Golok di mana rokok yang di seludup akan dibawa dengan perahu atau bot untuk memasuki ke pesisiran pantai dan mengangkut rokok-rokok tersebut melalui jalan-jalan tikus.

Responden 3

Keadaan geografi turut menyebabkan tembok dan pagar sempadan tidak boleh dibina bagi memisahkan Kelantan dan Thailand kerana ianya melibatkan kos pembinaan yang sangat tinggi (R3). Responden 4, Responden 6, dan Responden 7 mengatakan bahawa ketiadaan tembok mahupun pagar sempadan memudahkan penyeludup membina pengkalan-pengkalan haram di pinggir Sungai Golok. Responden 6 dan Responden 7 mengatakan aktiviti penyeludupan akan sentiasa berlanjutan selagi mana tiada tembok sempadan yang memisahkan dua negara secara fizikal.

4.3.4.2 Harga Rokok

Harga rokok merupakan faktor penggerak kepada kegiatan penyeludupan rokok di sempadan Kelantan-Thailand (R1-R7). Berikutan harga rokok yang lebih tinggi di Malaysia, maka wujud permintaan kepada rokok yang di seludup masuk dari Thailand memandangkan harganya yang lebih murah (R1-R7). Responden 1 mengatakan

bahawa penyeludupan rokok yang kian meningkat adalah disebabkan harga rokok yang tinggi di Malaysia.

Harga rokok seludup lebih murah harganya berbanding rokok bercukai. Perokok akan mengambil pendekatan yang mudah bagi menghilangkan ketagihan rokok dengan membeli rokok seludup

Responden 1

Menurut pandangan saya, penyeludup menyeludup rokok masuk ke Malaysia adalah kerana keuntungan yang lumayan. Ini kerana penduduk di sini lebih cenderung membeli rokok seludup kerana faktor harga yang lebih murah jika dibandingkan dengan rokok bercukai.

Responden 2

Penyeludup bawa masuk rokok ke negara kita sebab ia dapat permintaan yang tinggi dari orang sini. Di samping itu, penyeludup mendapat keuntungan yang lumayan kerana harga rokok seludup lebih murah berbanding rokok bercukai. Penduduk tempatan juga tidak mampu untuk membeli rokok bercukai kerana harga rokok bercukai jauh lebih tinggi.

Responden 2

Selain daripada menguntungkan penyeludup kerana mendapat keuntungan yang tinggi, harga rokok yang murah menyebabkan pembeli memilih untuk membeli rokok seludup. Peniaga di sekitar sempadan Pengkalan Kubor-Thailand juga mengambil kesempatan dengan menjual rokok kerana ianya memberi keuntungan kepada mereka (R1). Responden 4 mengatakan permintaan yang tinggi oleh pengguna menyebabkan rokok seludup mudah dijual di Malaysia.

Harga rokok memainkan peranan yang besar dalam penyeludupan rokok, hal ini kerana rasa rokok lebih kurang sama dengan rokok yang dilulus cukai oleh Kastam. Permintaan yang tinggi dari penduduk tempatan terhadap rokok seludup menyebabkan penyeludup menyeludup rokok masuk ke negara ini. Penduduk tempatan memilih menghisap rokok seludup kerana harganya yang berpatutan dan mampu di beli oleh penduduk kampung yang rata-ratanya bekerja buruh, petani ,dan nelayan.

Responden 4

Permintaan yang tinggi dari pembekal yang menginginkan rokok tersebut untuk dijadikan bekalan kerana murah dan senang untuk diperolehi berbanding rokok yang dikenakan cukai menyebabkan kenaikan harga rokok yang tinggi begitu lama sehingga kini. Selain itu, keuntungan menjual rokok seludup begitu tinggi sebab itulah kita tengok penyeludup hidup dengan mewah dan juga kaya.

Responden 5

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis rokok yang menjadi pilihan utama untuk di seludup. Menurut Responden 3, penyeludup kerap membawa masuk rokok dari jenama Gudang Garam, John, Luffman, U2, Saat, dan Canyon. Ini adalah disebabkan keenam-enam jenama ini mempunyai permintaan pasaran yang tinggi. Walaupun kebanyakan rokok seludup ini dikilangkan di Batam, Indonesia dan diseludup masuk dari Thailand, namun harga rokok yang dijual ini tetap lebih rendah berbanding harga rokok bercukai (R1, R2, R5). Dapatan kajian mendapati rokok seludup dijual dengan harga di antara RM3 ke RM7 manakala rokok bercukai dijual di antara RM11.90 hingga RM18. Jadual 4.3 menunjukkan perbandingan antara harga rokok seludup dan rokok bercukai bagi setiap satu kotak.

Jadual 4. 3

Perbandingan Harga Rokok Seludup Dan Bercukai

Bil	Rokok Seludup 2019		Rokok Bercukai 2019	
	Jenama	Harga (RM)	Jenama	Harga (RM)
1.	John	3.00	Dunhill	17.50
2.	Canyon	4.00	Peter Stuyvesant	18.00
3.	Luffman	7.00	Malboro	17.50
4.	Gudang Garam	5.00	Pall Mall	16.00

Sumber: *Dapatan Kajian, 2018*

4.3.4.3 Taktik Penyeludup

Responden 1 hingga Responden 5 mengatakan bahawa taktik yang digunakan oleh penyeludup menyukarkan pihak berkuasa menghalang kegiatan penyeludupan di sempadan Pengkalan Kubor-Thailand. Responden 1 mendedahkan penyeludup seringkali menukar tempat di mana barangan seludup dibawa masuk ke negara ini. Taktik yang digunakan oleh penyeludup akan sentiasa berubah dan berbeza mengikut keadaan semasa (R4). Responden 4 memberitahu, apabila pihak berkuasa membuat rondaan dan operasi di kawasan pengkalan haram 'Pisau Raub', penyeludup akan hanya berkeliaran di kawasan tersebut bagi mengaburi pihak berkuasa, dan pada masa yang sama mereka akan menjalankan kegiatan penyeludupan di pengkalan 'Mara'.

Penyeludup sentiasa mengubah taktik untuk melepasi barang seludup.

Responden 5

Penyeludup juga bertindak menggunakan laluan yang berlainan setiap kali mereka membawa masuk barangan seludup (R2, R4). Selain dari sering menukar lokasi, penyeludup turut menggunakan taktik sentiasa menukar kenderaan yang digunakan bagi tujuan mengaburi pihak berkuasa (R2, R4). Responden 4 mendedahkan bahawa kenderaan yang digunakan oleh penyeludup juga berubah-ubah. Penyeludup

menggunakan kenderaan yang berbeza seperti menggunakan lori, van, dan kereta mewah sekali gus memberi kesukaran kepada AKSEM untuk mengenal mereka (R4). Selain itu, penyeludup bertindak mengelirukan pihak berkuasa dengan menggunakan taktik menggunakan banyak kenderaan serta kenderaan klon dan kenderaan mewah. Menurut Responden 3, penyeludup banyak menggunakan kenderaan mewah dan menggunakan nombor pendaftaran kenderaan yang sudah di klon.

Kenderaan-kenderaan ini sentiasa berubah-ubah bertujuan untuk mengelirukan pihak berkuasa. Contohnya, jika terdapat 10 biji van, hanya 2 buah van sahaja yang membawa barangan seludup. Manakala, 8 buah van lagi hanyalah van kosong yang bertujuan untuk mengelirukan serta mengaburi mata pihak berkuasa.

Responden 3

Taktik yang digunakan penyeludup berbeza dan sentiasa berubah. Contohnya dari segi penggunaan kenderaan di mana penyeludup sentiasa menukar kenderaan yang digunakan. Nombor pendaftaran kenderaan juga ditukar mengikut kawasan negeri yang dilalui. Jalan yang digunakan juga berubah-ubah, dan tonto akan memilih jalan yang dikiranya tidak dijaga oleh penguat kuasa. Sekiranya menyedari pihak berkuasa, penyeludup akan mengubah laluan lain yang lebih selamat.

Responden 4

Menurut Responden 3, antara taktik yang sering digunakan oleh penyeludup adalah menukar tempat barang dibawa naik dan juga laluan darat di mana terdapat 'konco-konco' yang akan berada di sepanjang laluan bagi mengawasi pergerakan penguat kuasa. Perkara ini amat menyukarkan pihak AKSEM dalam mencari maklumat,

mengumpul maklumat serta membuat serbuan kerana penyeludup tahu tentang pergerakan pihak AKSEM (R3).

4.3.4.4 Akta dan Undang-undang Sedia Ada

Menurut Responden 1 dan Responden 3, undang-undang sedia ada tidak cukup untuk mengawal kegiatan penyeludupan yang semakin beraja di sempadan negara. Responden 1 menjelaskan bahawa Akta 799 yang diguna pakai oleh AKSEM hanya memfokuskan kepada menerangkan tentang fungsi, tugas, dan kuasa kepada anggota yang dilantik serta ditugaskan di dalam AKSEM. Responden 3 pula mengatakan bahawa rang undang-undang yang diguna pakai perlu dikaji dan diteliti setiap masa selaras dengan kemajuan dan jenayah yang berlaku pada hari ini

Responden 4 dan Responden 6 menyatakan perlunya ada peruntukan undang-undang bagi menghalang kegiatan tonto yang berleluasa di kawasan sempadan. Menurut mereka, tonto bukan sahaja menjadi penghalang penguatkuasaan, malahan tonto sanggup berbuat apa sahaja bagi melancarkan aktiviti haram mereka (R4, R6).

Saya fikir kita perlu ada peruntukan khusus untuk menghalang kegiatan tonto. Beberapa tahun lepas, seorang anggota Kastam dilanggar tonto ketika menjalankan tugas di Kelantan. Ini menunjukkan tonto amat merbahaya kepada pihak berkuasa dan perlu ada undang-undang tegas bagi menghalang tonto-tonto ini dari bermaharajalela.

Responden 6

4.3.4.5 Kerjasama Orang Awam

Hasil temu bual mendapati bahawa ada di antara penduduk tempatan menjadi tali barut penyeludup. Responden 1, Responden 6, dan Responden 7 mengatakan bahawa penduduk tempatan bertindak melindungi kegiatan jenayah tersebut kerana diancam oleh sindiket penyeludupan. Hal demikian menyebabkan orang awam takut untuk melaporkannya kepada pihak berkuasa (R1, R6, R7).

Sememangnya penduduk tempatan dan orang awam melindungi penjenayah. Biasanya mereka yang terlibat dengan aktiviti penyeludupan adalah penduduk tempatan yang mungkin arif dengan laluan di kawasan tersebut. Selain itu, mereka ini bersaudara, mempunyai hubungan kekeluargaan, jadi mereka akan mempertahankan dan melindungi penyeludup.

Responden 4

Selain daripada diugut oleh penjenayah, penduduk tempatan bertindak melindungi jenayah kerana mempunyai hubungan kekeluargaan dengan penyeludup (R1, R6, R7).

Selain itu, mereka sendiri turut terlibat dengan aktiviti penyeludupan, oleh kerana itu mereka tidak melaporkannya kepada pihak berkuasa (R4, R5).

4.4 Analisis Orang Awam

Bahagian ini mengandungi perbincangan mengenai dapatan bagi hasil analisis yang melibatkan orang awam. Perbincangan ini melibatkan hasil temu bual bersama tujuh (7) orang awam yang terdiri daripada penyeludup rokok, pembeli rokok seludup, penduduk tempatan, dan ketua komuniti. Perbincangan di bahagian ini meliputi faktor yang membuatkan rokok seludup di seludup dan menjadi pilihan perokok di kawasan Pengkalan Kubor, pandangan orang ramai tentang tahap penguatkuasaan di sempadan,

keyakinan mereka terhadap integriti pihak berkuasa di sempadan, ancaman jenayah penyeludupan rokok terhadap keselamatan penduduk tempatan, dan taktik penyeludupan dan pembelian rokok seludup di Pengkalan Kubor. Identiti sebenar mereka tidak dinyatakan atas faktor keselamatan dan kerahsiaan.


4.4.1 Faktor Rokok di Seludup dan Dibeli oleh Orang Awam

Responden 13 dan Responden 14 yang merupakan penyeludup mengatakan bahawa mereka menyeludup masuk rokok ke negara ini ekoran mendapat permintaan yang tinggi oleh penduduk tempatan. Responden 8, Responden 9 ,dan Responden 10 yang merupakan penduduk di kawasan kajian serta Responden 11 ,dan Responden 12 yang merupakan pembeli rokok seludup turut mengatakan bahawa rokok seludup mendapat permintaan yang tinggi oleh penduduk di kawasan sekitar.

Selain dari itu, Responden 10 mengatakan bahawa harga rokok merupakan faktor utama ianya di seludup masuk ke negara ini. Tinjauan kajian mendapati bahawa rata-rata rokok seludup dijual dengan harga yang begitu murah iaitu di antara RM3 ke RM7 berbanding dengan harga bagi rokok bercukai iaitu di antara RM11.90 hingga RM18. Perbezaan harga rokok yang begitu ketara membuatkan ianya menjadi pilihan perokok di Pengkalan Kubor dan kawasan sekitarnya (R9).

Pada pendapat saya, rokok di seludup masuk bagi memenuhi pasaran kerana permintaan yang tinggi daripada perokok. Harga yang berpatutan dan mampu milik menyebabkan mereka mampu untuk membeli berbanding rokok bercukai. Contohnya rokok *Saat* dijual pada harga yang murah iaitu sekitar RM4.50 atau RM5 sahaja berbanding rokok *Dunhill* harga yang mahal iaitu RM18 sekotak.

Responden 10



Rajah 4. 7: Faktor Rokok Di seludup Masuk ke Negara Ini
Sumber: Dapatan Kajian, 2018

Daripada Rajah 4.7 jelas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kemasukan rokok ke negara ini secara haram. Menurut Responden 11, beliau memilih untuk membeli rokok seludup kerana harganya jauh lebih murah berbanding dengan rokok bercukai dan ianya mempunyai rasa yang lebih kurang sama sahaja dengan rokok bercukai.

Rokok seludup juga senang didapati di mana-mana sahaja di sekitar sempadan Thailand seperti di kedai runcit, warung-warung dan lain lagi serta rokok seludup dijual secara terbuka (R11). Menurut Responden 9, sekiranya pembeli mahu membeli rokok seludup, mereka hanya perlu memberitahu penjual jenama rokok yang dimahukan.

Di sekitar Pengkalan Kubor, rokok seludup bukanlah sesuatu yang asing malah ia dijual secara terbuka. Pembeli dan penjual seolah-olah tidak takut dengan pihak berkuasa.

Responden 9

Disebabkan harganya yang murah, maka rokok seludup mendapat permintaan yang tinggi di kalangan penduduk sempadan yang rata-ratanya berpendapatan rendah (R8, R12).

Pada saya, ekonomi penduduk menjadi faktor rokok diseludup masuk. Ini kerana rokok cukai adalah terlalu mahal. Contohnya rokok bercukai seperti *Dunhill*, *Peter*, *Benson*, dan *Winston* harganya mencecah RM18 sekotak, berbanding rokok seludup rata-rata harganya di antara RM4.50 ke RM5 sahaja. Oleh kerana faktor ekonomi penduduk kampung yang kebanyakan yang berpendapatan rendah, maka mereka lebih memilih untuk membeli rokok seludup.

Responden 12

Penguatkuasaan di sempadan yang longgar menjadi antara faktor yang dikatakan penyebab rokok seludup membolosi sempadan negara (R8-R14). Para responden yang terdiri daripada orang awam bersepakat menyimpulkan bahawa sekiranya kawalan pihak berkuasa ketat dan berkesan, tidak akan berlaku kes-kes penyeludupan secara terang-terangan di sekitar kawasan Pengkalan Kubor. Responden 12 berpendapat bahawa hukuman ringan yang dikenakan kepada penjenayah yang tertangkap adalah ringan. Menurut Responden 12 lagi, hal itu menjadikan penyeludup tidak serik untuk melakukan pekerjaan itu berulang kali kerana denda yang dikenakan adalah amat sedikit. Responden 13 mengatakan bahawa hukuman yang dikenakan hanyalah denda sebanyak RM3,000 selepas rayuan dibuat manakala Responden 12 mendedahkan bahawa beliau pernah ditahan, didakwa, dan dikenakan denda sebanyak RM2,000 kerana kesalahan memiliki barangan seludup.

Ya pernah saya ditangkap. Saya ditangkap semasa membawa rokok seludup dalam kereta di SJR AKSEM. Saya ditahan oleh Anggota AKSEM dan dibawa ke lokap dan dibicarakan di Mahkamah dituduh sebagai seludup rokok. Semasa saya membawa rokok hanya sedikit sahaja dan telah dikenakan denda sebanyak RM3,000 selepas rayuan dibuat dengan Hakim.

Responden 13

Ya, saya mengetahui bahawa membeli barangan seludup adalah satu kesalahan dari segi undang-undang. Saya sendiri pernah ditangkap oleh pihak Kastam dan dikenakan denda sebanyak RM2,000 dan kesemua barangan seludup dirampas. Saya juga pernah ditangkap oleh pihak UPP di Kok Lanas dan barangan berjumlah RM1,500 turut dirampas. Tetapi saya tidak serik dan sering mengulangi kesalahan yang sama. Ini kerana membeli barangan seludup dan menjualnya kembali akan mendatangkan keuntungan yang lumayan.

Responden 12

Daripada apa yang dikatakan oleh Responden 12, jelaslah bahawa keuntungan yang lumayan menjadi pendorong kepada penyeludup dan penjual untuk menyeludup masuk rokok dan barangan lain seterusnya menjualnya di dalam pasaran negara. Menurut Responden 13 dan Responden 14, kadar upah yang diterima oleh mereka setiap kali membawa masuk rokok ke dalam negara ini adalah berdasarkan kepada jumlah peti rokok yang berjaya dibawa masuk.

Berdasarkan upah yang ditawarkan mengikut keadaan dan situasi semasa. Contohnya, jika kawalan sempadan ketat penyeludup akan meminta upah atau bayaran dengan harga tinggi kerana berhadapan dengan risiko tinggi berkemungkinan di tangkap. Selain itu, upah dibayar mengikut kuantiti barang juga seperti satu peti rokok akan dibayar dengan harga RM20. Kalau 50 peti x RM20 = RM1,000 setiap kali beroperasi.

Responden 14

Responden 13 mendedahkan bahawa penjual rokok seludup mendapat keuntungan bersih sekitar RM1 hingga RM2.50 ke atas setiap kotak rokok seludup yang dijual berbanding hanya RM0.50 keuntungan terhadap jualan rokok bercukai. Perkara ini menjadikan rokok seludup menjadi pilihan pekedai-pekedai di sekitar Pengkalan Kubor berikutan keuntungan yang tinggi dan permintaan pengguna di kawasan sekitar. Untuk rokok yang di seludup masuk melalui Pengkalan Kubor, kebiasaannya ianya adalah untuk dipasarkan di beberapa daerah di dalam negeri Kelantan (R13, R14).

4.4.2 Tahap Penguatkuasaan di Sempadan

Responden 8 hingga Responden 12 bahawa penguatkuasaan di sempadan adalah kurang ketat. Hal tersebut menyebabkan rokok dari Thailand mudah memasuki negara ini sekali gus menguasai pasaran di sempadan negara.

Saya merasakan kaedah semasa yang digunakan oleh pihak berkuasa di dalam menangani masalah ini adalah kurang berkesan. Buktinya mereka masih belum mampu membanteras aktiviti haram ini. Pihak berkuasa perlu mengkaji taktik dan cara yang digunakan oleh penyeludup yang sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa.

Responden 10

Kaedah semasa yang digunakan oleh pihak berkuasa tidak mampu menangani masalah penyeludupan. Ini kerana masih terdapat banyak rokok seludup dijual di pasaran terutama di kedai-kedai runcit. Selain itu, operasi dari semasa ke semasa perlu dilaksanakan bukan sahaja tangkapan dan rampasan terhadap penyeludup, malahan pemeriksaan dan serbuan juga perlu dilaksanakan di kedai runcit dan warung-warung. Buat masa sekarang saya tidak pernah nampak operasi dilakukan oleh pihak berkuasa di sekitar Pengkalan Kubor.

Responden 11

Responden 12 mengatakan kaedah semasa yang digunakan oleh pihak berkuasa tidak mampu lagi untuk menangani aktiviti penyeludupan. Menurut Responden 12, penyeludup kini bijak kerana ada '*rikey*' yang boleh tahu di mana adanya pihak berkuasa mengadakan operasi dan penyeludup secara tidak langsung akan mengetahui setiap pergerakan pihak berkuasa. Responden 8 mengatakan 20% aktiviti penyeludupan yang dapat dikawal oleh pihak berkuasa di sempadan. Pihak berkuasa menggunakan kaedah dan teknik yang sama dalam kawalan di sepanjang sempadan Kelantan-Thailand dan ianya mudah ditebak dan diketahui oleh penyeludup (R8). Menurut Responden 8, teknik yang sama tidak dapat mengawal masalah penyeludupan kerana penyeludup lebih berdaya saing dan menggunakan peralatan yang canggih, contohnya kenderaan yang digunakan penyeludup lebih canggih daripada kenderaan pihak berkuasa.

Walau bagaimanapun, Responden 13 dan Responden 14 mengatakan bahawa pihak AKSEM mempunyai komitmen tinggi untuk menangani kegiatan penyeludupan. Menurut Responden 13, kerjasama antara AKSEM dan agensi lain menurutnya mampu mengekang penyeludupan. Responden 14 mendedahkan bahawa AKSEM

melakukan rondaan pada setiap hari di kawasan-kawasan yang terkenal sebagai kawasan penyeludupan. Perkara ini menyukarkan para penyeludup melakukan aktiviti mereka di mana AKSEM sentiasa melakukan pemantauan di sempadan dan kawalan yang ketat ini menyukarkan sedikit pergerakan para penyeludup (R14). Sekiranya ditahan oleh AKSEM di jalan darat, kenderaan yang dinaiki akan digeledah bagi mencari barang di seludup terutama rokok, manakala melalui jalan laut penyeludup terpaksa mencari tempat mendarat yang tiada anggota AKSEM (R13).

Anggota AKSEM memang menyakitkan hati kerana mereka akan merampas juga rokok walaupun jumlahnya hanya sedikit. Saya mengambil upah menyeludup bukannya boleh duit hari-hari, perkara ini menyebabkan saya takut untuk mengambil upah seludup rokok. Saya mendapat upah jika ada orang upah untuk seludup rokok.

Responden 13

4.4.3 Keyakinan Terhadap Integriti Pihak Berkuasa di Sempadan

Hasil analisis menunjukkan keseluruhan responden yang terdiri daripada orang awam tidak mempunyai keyakinan terhadap integriti pihak berkuasa di sempadan Pengkalan Kubor-Thailand. Responden 12 mengatakan yang penyeludupan di sempadan Thailand tidak ditangani sehingga hari ini adalah kerana ada segelintir pihak berkuasa yang terlibat dengan kegiatan rasuah. Rasuah menyebabkan pihak berkuasa bertindak melindungi jenayah sekali gus membenarkan aktiviti itu berlangsung (R12). Responden 11 pula mendedahkan bahawa pihak berkuasa yang mengawal di tepi Sungai Golok terlibat dengan rasuah. Kegiatan rasuah di agensi penguat kuasa sempadan adalah seperti 'open secret' di mana setiap dari masyarakat tempatan mengetahuinya namun ianya tidak dibualkan secara terang-terangan (R8, R11).

Saya tidak yakin kerana sudah lebih 20 tahun saya menetap di Pengkalan Kubor, kebanyakan masyarakat sempadan tidak berhenti menceritakan masalah rasuah di kalangan anggota. Mereka bekerja tetapi kebanyakan banyak membuang masa dengan melepak di kedai-kedai kopi juga menggunakan aset kerajaan untuk tujuan kepentingan diri bukan kerana tugas. Tahap disiplin yang rendah dan masalah integriti rasuah.

Responden 9

Responden 8 mengatakan bahawa SJR yang dilakukan oleh AKSEM tidak dilaksanakan dengan baik. Menurut Responden 8, anggota menjalankan SJR secara tidak berdisiplin di mana mereka sering dilihat tidak melakukan pemeriksaan yang ketat terhadap kenderaan yang melalui pos SJR. Responden 10 menerangkan bahawa ada dikalangan anggota penguat kuasa tidak turun padang untuk bekerjasama dengan penduduk tempatan. Ketidakyakinan orang awam terhadap anggota penguat kuasa tidak meningkatkan selagi mana mereka merasakan anggota tersebut tidak berdisiplin dan terlibat dengan gejala rasuah (R8, R9, R10).

4.4.4 Ancaman Penyeludupan Rokok Terhadap Keselamatan Penduduk Tempatan

Analisis mendapati bahawa kesemua responden orang awam yang terlibat dalam sesi temu bual bersetuju yang kegiatan penyeludupan memberi ancaman kepada keselamatan mereka. Responden 8, Responden 9, dan Responden 10 mengatakan bahawa aktiviti penyeludupan memberi ancaman kepada penduduk tempatan kerana penyeludup memandu kenderaan dengan laju dan secara merbahaya, terutamanya di kawasan jalan kampung. Selain itu, kebanyakan kenderaan yang digunakan oleh penyeludup adalah kenderaan curi, klon, atau yang enjinnya telah diubahsuai.

Responden 8 mengatakan bahawa di kawasan penempatan mereka sering berlaku adegan kejar-mengejar antara pihak berkuasa dan penyeludup. Malahan kejadian tembak-menembak antara kedua pihak tersebut turut berlaku (R8). Perkara ini berikutan penyeludup bukan sahaja menyeludup barangan komoditi malahan penyeludupan dadah dan senjata api turut berlaku di sempadan Pengkalan Kubor. Perkara ini secara jelas memberi ancaman kepada keselamatan penduduk tempatan.

4.4.5 Taktik Penyeludupan Rokok Seludup di Pengkalan Kubor

Responden 13 dan Responden 14 mengatakan bahawa mereka sering mengubah corak dan taktik membawa masuk rokok dari Thailand ke negara ini. Teknik dan cara yang berlainan digunakan untuk mengelak ditangkap oleh pihak berkuasa (R13, R14). Responden 13 mengatakan bahawa penyeludup tidak boleh menggunakan kaedah yang sama kerana takut dihidu oleh pihak berkuasa malah menurutnya terdapat banyak mata-mata pihak berkuasa di sepanjang laluan darat.

Penyeludup menggunakan pelbagai kaedah untuk membawa masuk rokok ke Malaysia. Antaranya adalah dengan menggunakan laluan sempadan keluar masuk yang tiada halangan seperti menyeberangi Sungai Golok dengan menggunakan bot dan perahu (R13, R14). Selain menyeberangi Sungai Golok, penyeludup turut membawa rokok masuk secara haram ke negara ini melalui jalan darat dengan melalui Kompleks ICQS (R13). Menurut Responden 13, kaedah itu dilakukan dengan menyembunyikan rokok dan barangan seludup lain di dalam lori ataupun kontena yang membawa banyak barang ke Malaysia.

Van pelancong yang membawa pelancong merentasi sempadan kedua-dua negara turut menjadi mode untuk membawa masuk rokok seludup ke Malaysia (R14). Musim tengkujuh merupakan musim di mana kegiatan penyeludupan berlaku secara berleluasa di mana pada ketika itu tidak ada halangan dari agensi penguat kuasa yang mana tidak banyak bot yang meronda di sepanjang Sungai Golok (R13, R14). Oleh itu, musim tengkujuh menjadi kegemaran para penyeludup kerana barang yang di seludup mudah dibawa masuk dan keluar (R14).

Responden 10 berkata bahawa penyeludup sering menggunakan kaedah dan teknik yang pelbagai bagi mengelakkan daripada ditahan pihak berkuasa. Responden 8 dan Responden 9 menegaskan bahawa pihak AKSEM perlu menggunakan kenderaan yang terkini dan canggih kerana penyeludup pada masa kini cenderung menggunakan kenderaan mewah dan terkini. Selain daripada menggunakan kenderaan mewah, sindiket-sindiket penyeludupan turut menggunakan teknologi terkini bagi memintas perancangan pihak berkuasa (R8, R9, R11).

4.5 Ulasan dan Perbincangan

AKSEM merupakan satu agensi yang ditugaskan untuk mengawal sempadan darat Malaysia sahaja. Dapatan kajian ini mendapati bahawa AKSEM menjalankan peranan dan tanggungjawabnya berdasarkan punca kuasa yang diberikan kepadanya melalui Akta 799 yang digazetkan pada penghujung 2018. Dapatan kajian ini didapati sejajar dengan apa yang telah dibincangkan di bab ulasan karya tesis ini. Seterusnya, hasil analisis menunjukkan bahawa AKSEM adalah gabungan daripada lima agensi kawalan sempadan iaitu JKDM, JIM, LKTN, AADK, dan PDRM. Walaupun AKSEM merupakan gabungan daripada agensi-agensi ini, setiap agensi yang bertugas di

sempadan negara tetap menjalankan peranan dan fungsi masing-masing berdasarkan bidang kuasa dan peranan mengikut peruntukkan yang ditetapkan. Dapatan kajian mendapati bahawa AKSEM menjadi agensi tunggal yang mengkoordinator keseluruhan agensi kawalan sempadan dalam setiap operasi yang diadakan.

Dapatan kajian turut menemui yang AKSEM Pengkalan Kubor tidak menghadkan agensinya dalam menjalinkan kerjasama antara agensi di mana ianya tetap menjalin operasi dengan agensi-agensi lain selain daripada lima agensi gabungannya. Hasil analisis mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor turut menjalankan operasi bersama dengan agensi seperti KPDNKK dan PGA dalam memastikan sempadan negara tidak dicerobohi. Justeru penaiktarafkan UPP kepada AKSEM dilihat menjadi satu langkah positif dalam memperkasakan kawalan sempadan darat melalui kaedah mengintegrasikan agensi penguatkuasaan sempadan. Dapatan ini menunjukkan bahawa AKSEM mempunyai hubungan erat dan baik dengan kesemua agensi penguatkuasaan di sempadan Pengkalan Kubor-Thailand. Walaupun AKSEM dilihat menjalin kerjasama erat dengan agensi penguat kuasa sempadan yang lain, namun dapatan kajian mendapati bahawa AKSEM tidak menjalin kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini dapat dilihat dengan hasil analisis yang menunjukkan tidak ada seorang pun dari responden mengatakan bahawa AKSEM menjalin kerjasama dengan PBT dalam menghalang penyeludupan di Pengkalan Kubor.

Sebagai agensi penguat kuasa yang mengkoordinasi kawalan sempadan, dapatan kajian menunjukkan AKSEM turut memainkan peranan penting dalam menjalankan penguatkuasaan dan risikan. Sebagai agensi yang bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan dan mengawal sempadan darat negara AKSEM Pengkalan Kubor

melakukannya dengan beberapa cara kerja. Hasil analisis daripada temu bual bersama responden, dapatan kajian mendapati bahawa tiga kaedah digunakan oleh pihak AKSEM Pengkalan Kubor iaitu operasi secara bersendirian, operasi bersepadu bersama agensi lain, dan melakukan SJR.

Hasil analisis mendapati yang AKSEM Pengkalan Kubor menghadapi beberapa cabaran dalaman dalam usahanya mengawal sempadan negara dari penyeludupan rokok. Cabaran dalaman yang mendominasi AKSEM Pengkalan Kubor adalah mereka menghadapi kekurangan dari sumber manusia. Kekurangan sumber manusia ditambah lagi dengan cabaran yang mana AKSEM Pengkalan Kubor tidak dibekalkan dengan peralatan terkini dan canggih. Hasil kajian mendapati yang AKSEM masih menggunakan peralatan lama yang diwarisi dari UPP. Kesan daripada kekurangan ini menyebabkan pihak sindiket-sindiket penyeludupan mendahului AKSEM. Hasil kajian mendapati yang penyeludup cenderung menggunakan kenderaan mewah manakala AKSEM hanya menggunakan kenderaan dari model lama. Ini secara jelas menunjukkan yang ketiadaan aset baharu dan terkini memberi cabaran kepada pencegahan penyeludupan rokok. Kajian ini turut mendapati bahawa tiada sebarang CCTV dipasang di kawasan-kawasan panas bagi membantu kawalan keselamatan di sempadan. Perkara ini boleh disimpulkan bahawa AKSEM bukan sahaja mewarisi peranan dan tanggungjawab UPP bahkan ia turut mengheret sekali aset dan logistik UPP ke dalam agensi yang baru dibentuk ini.

Hal ini menjadi kekangan bagi AKSEM melancarkan tugas dan tanggungjawab mereka. Selain daripada itu, kajian mendapati yang anggota AKSEM turut tidak diberikan latihan yang bersesuaian dengan tugas mereka. AKSEM yang merupakan

gabungan daripada beberapa agensi penguat kuasa yang sudah pastinya menjalankan corak tugas yang berbeza. Memandangkan tugas AKSEM meliputi kawalan sempadan darat secara total, maka ketiadaan latihan yang khusus kepada anggota sudah pastilah memberikan kesan dan cabaran dalam mengekang penyeludupan rokok di sempadan Pengkalan Kubor.

Integriti anggota adalah antara cabaran dalam yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor. Hasil analisis mendapati bahawa rata-rata responden sama ada anggota AKSEM sendiri mahupun orang awam mengatakan bahawa anggota penguat kuasa di sempadan terlibat secara langsung dengan gejala rasuah. Malahan analisis kajian menunjukkan bahawa orang awam tidak mempunyai keyakinan terhadap integriti pihak berkuasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa integriti anggota dipengaruhi oleh gaji rendah yang diperolehi oleh anggota. Hal ini menyebabkan penyeludup mengambil kesempatan ke atas keperluan anggota dengan menawarkan ganjaran yang lebih tinggi kepada anggota penguat kuasa sekiranya memberi kerjasama kepada mereka. Selain dari gaji yang rendah, kekurangan anggota turut menjadi penyumbang kepada gejala rasuah di kalangan anggota AKSEM.

Dapatan kajian mendapati bahawa keadaan geografi Pengkalan Kubor yang disempadani dengan Sungai Golok dan pesisiran Pantai Seri Tujuh dan Pantai Genting memberi cabaran luaran kepada AKSEM Pengkalan Kubor. Perkara ini menyebabkan kawalan menyeluruh tidak dapat dilakukan oleh pihak berkuasa ekoran kekangan yang dibincangkan sebelum ini. Para penyeludup turut mengambil kesempatan menggunakan kelebihan geografi di sempadan bagi melakukan aktiviti mereka. Taktik yang digunakan oleh penyeludup ketika menyeludup turut menjadi cabaran kepada

AKSEM Pengkalan Kubor. Dapatan kajian mendapati bahawa penyeludup cenderung menggunakan kenderaan mewah dan klon serta mereka turut mengelirukan pihak berkuasa dengan menggunakan banyak kenderaan ketika menjalankan kegiatan membawa masuk barangan seludup ke dalam negara ini.

Hasil analisis menemui yang rokok yang di seludup masuk melalui Pengkalan Kubor adalah untuk diedarkan di pasaran di dalam negeri Kelantan. Analisis turut mendapati yang kebanyakan rokok yang di seludup adalah dari jenis yang dikilangkan di Indonesia. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa rokok seludup yang dijual di sekitar Pengkalan Kubor dijual di kedai-kedai runcit malahan di warung-warung kopi dan adalah tidak sukar untuk membeli rokok haram tersebut.

Selain itu, dalam mengawal kemasukan rokok seludup, AKSEM berdepan dengan faktor harga rokok. Harga rokok di negara ini yang tinggi memberi pengaruh kepada permintaan pasaran tempatan yang tinggi sekali gus menjadi motivasi kepada penyeludup ekoran mendapat keuntungan yang tinggi. Hasil analisis terhadap keseluruhan responden yang ditemu bual mendapati bahawa keseluruhan responden berpandangan yang harga rokok merupakan faktor utama rokok di seludup masuk ke negara ini. Dapatan turut mendapati yang penduduk tempatan lebih memilih untuk menggunakan rokok seludup berbanding rokok bercukai ekoran harga rokok bercukai yang terlalu tinggi. Dapatan kajian jelas menunjukkan yang sekiranya pengguna membeli rokok bercukai pada harga yang minima, pengguna tersebut perlu membayar sebanyak hampir 80% lebih tinggi berbanding seandainya pengguna tersebut membeli rokok seludup. Oleh demikian, menerusi kajian ini dapat dikatakan bahawa peningkatan di dalam pasaran rokok seludup mempunyai perkaitan rapat dengan

faktor harga rokok memandangkan pembeli rokok haram adalah terdiri daripada mereka yang berada di dalam kelas ekonomi sederhana dan rendah.

Seterusnya, hasil dapatan kajian menunjukkan yang akta dan undang-undang sedia ada dikatakan tidak menyeluruh sekali gus mengekang tugas AKSEM. Kajian ini mendapati perlunya dilakukan penambahbaikan terhadap akta dan undang-undang sedia ada selain daripada menguatkuasakan akta sedia ada secara menyeluruh dan maksimal. Hasil analisis orang awam menunjukkan yang undang-undang sedia ada adalah ringan di mana mereka yang didakwa dan dihukum hanya dikenakan denda yang minima. Analisis yang telah dilakukan menyebut yang perlunya dilakukan penambahbaikan di dalam akta-akta sedia ada sejajar dengan matlamat membasmi penyeludupan hingga ke akar umbi. Analisis mendapati yang orang awam adalah antara penggerak kegiatan penyeludupan di sempadan Pengkalan Kubor-Takbai. Orang awam bertindak melindungi jenayah malahan mereka sendiri terlibat dengan kegiatan penyeludupan. Walaupun begitu, orang awam merasakan yang kegiatan jenayah yang berlaku di Pengkalan Kubor meresahkan mereka di mana keselamatan mereka terasa terancam ekoran penjenayah yang bertindak melakukan apa sahaja untuk meloloskan diri dari pihak berkuasa.

4.6 Kesimpulan Bab

Bab ini telah membincangkan mengenai peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh AKSEM Pengkalan Kubor. Bab ini turut mengandungi dapatan cabaran dalaman dan luaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor. Dapatan daripada kajian ini mendapati yang AKSEM dipertanggungjawabkan bagi menjaga dan mengawal sempadan darat negara dari dicerobohi oleh sebarang anasir jahat. Seterusnya di bab

akhir disertasi ini iaitu Bab Lima akan memberi kesimpulan terhadap keseluruhan kajian. Di samping itu, Bab Lima turut mengandungi cadangan yang terhasil daripada dapatan yang diperolehi di dalam Bab Empat ini.



BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab akhir ini diisi dengan diskusi tentang kesimpulan bagi kajian ini. Bab Lima ini turut mengusulkan cadangan-cadangan yang dihasilkan melalui dapatan kajian yang dilakukan di dalam bab sebelum ini. Keseluruhannya bab ini mendapati bahawa ketiga-tiga objektif kajian ini tercapai.

5.2 Rumusan

Melalui dapatan kajian, kajian ini didapati telah memberi jawapan kepada persoalan kajian yang dibangunkan di Bab Satu. Persoalan kajian yang dibentuk adalah (i) Sejauh manakah AKSEM telah melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor? (ii) Apakah cabaran dalaman dan luaran AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor? (iii) Apakah kaedah yang digunakan oleh AKSEM bagi menangani cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab membanteras penyeludupan rokok.

Objektif kajian dianggap tercapai ekoran daripada terjawabnya persoalan kajian ini.

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengukur keupayaan AKSEM melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya dalam menangani masalah penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor.
- ii. Menganalisis cabaran dalaman dan luaran AKSEM dalam menangani penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor.
- iii. Mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh AKSEM bagi menangani cabaran yang dihadapi dalam menjalankan tanggungjawab membanteras penyeludupan rokok.

Bab Dua tesis ini mengandungi perbincangan literatur berkaitan topik kajian manakala kaedah menjalankan kajian ini telah diterangkan dengan jelas di dalam Bab Tiga. Bab Tiga menyatakan bahawa kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif di mana ianya menggunakan teknik temu bual bagi pengumpulan data. Bab Tiga turut menunjukkan responden yang dipilih untuk kajian ini. Melalui Bab Tiga, dapat dilihat bahawa responden yang dipilih bagi kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai perkaitan yang jelas dengan topik kajian dan mereka yang mengetahui latar belakang kawasan kajian. Oleh demikian, data yang diperoleh daripada responden dianggap relevan dan perbincangan data adalah menepati objektif kajian.

Bab Dua menyatakan yang AKSEM adalah agensi yang dinaiktaraf daripada UPP pada tahun 2015 dan ianya diberi punca kuasa melalui Akta 799 yang digazetkan pada Disember 2017 dan sebelum ini UPP tidak diberi kuasa melalui aktanya sendiri. Walaupun AKSEM merupakan agensi penguatkuasaan yang baru dibentuk, AKSEM dipertanggungjawabkan untuk menjadi koordinator bagi keseluruhan agensi penguat kuasa di sempadan darat Malaysia. Oleh demikian, ini menunjukkan bahawa AKSEM

merupakan barisan hadapan dan tulang belakang bagi kawalan di sempadan darat tanah air. Keanggotaan AKSEM meliputi lima agensi utama yang mengawal sempadan iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Walaupun Akta 799 memberi peruntukan bahawa AKSEM dianggotai oleh lima agensi namun dapatan kajian ini mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor hanya dimonopoli oleh JKDM, JIM, dan PDRM. Perkara ini sekali gus memberi kesan kepada jumlah anggota AKSEM. Ini terbukti apabila kajian ini mendapati yang AKSEM mengalami kekurangan anggota yang kritikal.

Sebagai agensi yang penting yang menjaga sempadan negara, kekurangan anggota di dalam agensi ini memberi kesan kepada ke efektifan AKSEM dalam mengawal sempadan. Seperti yang dibincangkan di Bab Dua di mana menurut Othman, Idris, dan Druis (2017) bahawa sempadan negara tidak dikawal secara efektif dan berkesan menyebabkan sindiket penyeludupan kian bermaharajalela. Kajian ini mendapati bahawa kawalan sempadan mempunyai perkaitan jelas dengan jumlah anggota AKSEM sedia ada yang dikerahkan mengawal sempadan negara. Selain itu, kajian ini turut mendapati bahawa anggota AKSEM masih dibelenggu dengan masalah gaji yang rendah. Hasil daripada analisis di Bab Empat, kajian mendapati yang anggota AKSEM menggunakan sistem gaji mengikut gred agensi asal mereka. Perkara ini secara jelasnya menyebabkan setiap anggota mendapat gaji yang berbeza. Selain itu, elaun rendah yang diterima oleh anggota-anggota agensi yang rendah turut didedahkan di dalam kajian ini.

Selain daripada kekurangan anggota dan gaji yang rendah, kajian ini turut mendapati yang AKSEM Pengkalan Kubor tidak dibekalkan dengan peralatan terkini dan moden. Dapatan kajian ini mendedahkan bahawa AKSEM Pengkalan Kubor masih menggunakan kenderaan-kenderaan lama ketika menjalankan operasi mereka. Selain itu, dapatan kajian ini turut mengiakan laporan Berita Harian (26 Ogos 2016) yang melaporkan bahawa kekurangan logistik di sempadan menjadi antara punca berleluasanya jenayah penyeludupan. Sempadan Pengkalan Kubor juga tidak dipagari malahan ianya tidak dikawal dengan sebarang kamera pengawasan seperti kamera litar tertutup (CCTV).

Selaras dengan apa yang diperolehi di Bab Dua iaitu ulasan karya, di mana AKSEM bertanggungjawab mengawal dan membanteras sebarang bentuk pencerobohan di sempadan darat negara. Di awal bahagian tesis ini turut menceritakan yang idea pembentukan AKSEM tercetus lantaran penemuan kem tahanan haram yang dikaitkan dengan kegiatan pemerdagangan manusia berhampiran sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Penemuan kem tahanan tersebut memberi tamparan kepada pihak berkuasa di sempadan secara khususnya dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kerajaan Malaysia secara amnya. Perkara ini seperti membuka pekung tentang pelbagai masalah dalaman yang dihadapi oleh agensi-agensi kawalan sempadan. Ekoran itu, media-media utama dalam negara melaporkan yang agensi-agensi kawalan di sempadan tidak mengawal sempadan dengan baik dan mereka merupakan agensi yang sinonim dengan kegiatan rasuah.

Dalam hal penyeludupan rokok, agensi penguatkuasaan sempadan ditempelak oleh Presiden Persatuan *Transparency International Malaysia* (Ti-M), Datuk Akhbar Satar

di mana dalam laporan Astro Awani (5 September 2018), beliau mendedahkan bahawa penyeludupan rokok menjadi tidak terkawal kesan daripada ada pegawai daripada agensi penguat kuasa yang tidak amanah. Hasil kajian ini turut menemui yang isu integriti merupakan antara isu utama yang membelenggu AKSEM Pengkalan Kubor malahan orang awam di sekitar Pengkalan Kubor turut tidak menaruh kepercayaan kepada integriti pihak berkuasa di sempadan Malaysia-Thailand. Apa yang dapat disimpulkan di dalam kajian ini adalah kekurangan anggota membawa kepada isu integriti anggota. Hal ini secara tidak langsung membuka ruang kepada perlakuan rasuah dikalangan anggota.

Kajian ini memberi fokus terhadap penyeludupan rokok yang kian meruncing di sempadan Malaysia-Thailand di mana perhatian kajian adalah di Pengkalan Kubor. Ulasan karya di Bab Dua memberi pendedahan bahawa harga rokok menjadi faktor utama yang mengakibatkan rokok dari negara-negara jiran di seludup masuk ke dalam negara. Harga rokok yang ketara menjadi punca pengguna memilih untuk menggunakan rokok seludup. Apa yang diperolehi di ulasan karya dilihat bertepatan dengan hasil kajian di mana kajian ini menemui yang harga rokok merupakan faktor utama pengguna di Pengkalan Kubor memilih rokok seludup. Selain itu, kajian ini turut mendapati yang rata-rata penduduk di kawasan sempadan Pengkalan Kubor-Tak Bai adalah pengguna rokok seludup berikutan taraf ekonomi penduduk di kawasan berkenaan adalah di dalam kategori rendah dan sederhana. Hal ini sekali lagi menjelaskan dakwaan Amirullah, Fazira, dan Salman (2017) yang mengatakan lebih kecil pendapatan maka semakin tinggi permintaan itu adalah untuk barangan inferior seperti rokok, alkohol, dan beras.

Kajian ini mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor menghadapi cabaran ekoran keadaan geografi Pengkalan Kubor yang dipisahkan oleh Thailand oleh kawasan perairan iaitu Sungai Golok dan pesisiran pantai. Berikutan itu, sempadan tersebut tidak dipisahkan oleh sebarang tembok mahupun pagar yang mana ianya seperti membuka ruang kepada penyeludup. Seperti yang dikatakan oleh Abdullah, Norehan, Selamah, dan Fauzi (2015) faktor geografi telah menyebabkan berlaku eksploitasi secara profesional terhadap perairan Sungai Golok sehinggakan ianya memberi keuntungan berlipat ganda kepada penyeludup dan perkara ini memberi cabaran lebih kepada pihak AKSEM dalam menangani kegiatan penyeludupan di kawasan seliaan mereka.

Seterusnya, kajian ini melihat perlunya penambahbaikan terhadap akta sedia ada. Hasil kajian menunjukkan yang Akta 799 lebih tertumpu kepada peranan dan fungsi AKSEM tanpa memberi fokus kepada penyelesaian kegiatan penyeludupan. Kajian ini mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor tidak mempunyai sebarang masalah dengan agensi kawalan sempadan yang lain.

Walaupun begitu, kajian ini mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor tidak menjalin hubungan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani kegiatan penyeludupan ataupun sebarang bentuk kerjasama lain. Ini juga menunjukkan yang PBT tidak menjalin kerjasama dengan agensi kawalan sempadan dalam membanteras penyeludupan di mana kajian mendapati terdapat banyak pengkalan-pengkalan dan rumah-rumah haram dibina di pinggir Sungai Golok yang secara jelasnya dibina secara tidak sah. Dapat dikatakan yang kajian ini selari dengan Abdullah et. al. (2015) yang mengatakan bahawa PBT seakan-akan membenarkan dan

tidak mengendahkan pembinaan penempatan dan rumah yang berhampiran sempadan dan di pesisiran Sungai Golok

Kajian ini menemukan yang penduduk tempatan di kawasan Pengkalan Kubor tidak memberi kerjasama dengan pihak berkuasa. Kajian turut memperoleh yang rata-rata penduduk di Pengkalan Kubor terlibat secara langsung dengan kegiatan penyeludupan. Kajian ini turut mendapati yang penyeludup di Pengkalan Kubor sering menukar corak penyeludupan mereka. Hal ini memberi kesukaran kepada pihak AKSEM untuk memintas kegiatan mereka. Selain itu, aktiviti jenayah penyeludupan di Pengkalan Kubor memberi kesan kepada tahap keselamatan penduduk di mana penduduk tempatan merasa terancam dengan kegiatan haram di kawasan mereka.

5.3 Cadangan

Penyeludupan merosakkan ekonomi sesebuah negara dengan pelbagai cara. Ia mengurangkan jumlah hasil yang dikutip dari duti dan levi oleh kerajaan akibat kegiatan 'pengelakan' cukai oleh penyeludup, selain daripada melemahkan industri tempatan serta menekan inovasi dan pelaburan ekoran pengimport membawa masuk barang secara sah, namun mereka terpaksa bersaing dengan kegiatan-kegiatan bawah tanah ini. Selain itu, penyeludupan rokok menjejaskan kesihatan rakyat kerana kandungan bahan kimia dalam rokok seludup melebihi had yang ditetapkan menurut undang-undang Malaysia. Kesan yang buruk penyeludupan dilihat merentasi pelbagai industri. Tahap penyeludupan dan cabaran yang dihadapi oleh agensi-agensi penguat kuasa untuk mengawal ia memberi isyarat bahawa negara menuju ke arah kritikal dalam menghadapi masalah ini.

Kajian literatur mendapati bahawa penyeludupan rokok adalah kesalahan ekonomi didorong oleh motif berikut:

- i. Untuk mengelakkan cukai eksais
- ii. Mengelakkan peraturan yang melarang penjualan barang tersebut
- iii. Penghindaran cukai eksais ke atas barangan dengan mengelakkan kawalan sempadan
- iv. Permintaan pasaran dalam negara
- v. Cukai yang tinggi dikenakan oleh kerajaan
- vi. Kekurangan penguatkuasaan yang ketat oleh pihak berkuasa

Faktor-faktor tersebut telah menjadikan peningkatan yang besar dalam penyeludupan dan ini disumbangkan lagi dengan kecanggihan teknologi yang digunakan oleh penyeludup, penawaran lebih banyak mobiliti, serta cara komunikasi yang cepat telah membuat penyeludupan lebih mudah, luas, dan sukar dibendung. Oleh itu, kaedah dan cara diperlukan untuk mengawal perkembangan aktiviti penyeludupan ini. Bahagian ini membincangkan cara yang mungkin untuk negara menangani masalah penyeludupan dan cadangan untuk dipertimbangkan. Kajian ini mencadangkan cadangan seperti berikut:



Rajah 5. 1: Cadangan Penambahbaikan

5.3.1 Mengembangkan Kapasiti Sumber Manusia di AKSEM

Hasil kajian telah mendapati bahawa AKSEM mengalami isu ketidakcukupan sumber manusia. Ini mengakibatkan berlakunya pertindihan jadual tugas di dalam agensi seterusnya menyebabkan kejatuhan drastik konsentrasi dalam kerja. Oleh demikian, kajian ini mencadangkan agar dilakukan penambahan anggota dan pegawai di dalam agensi kawalan sempadan ini. Selain daripada menambah bilangan anggota, kajian ini turut melihat kepada cadangan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota dan pegawai tentang penggunaan teknologi terkini selain daripada meningkatkan kemahiran lain yang sesuai dengan bidang tugas mereka.

Selain itu, bagi memastikan penguatkuasaan menjadi berkesan serta tumpuan lebih tajam terhadap kualiti penguatkuasaan adalah penting memastikan kemahiran penyiasatan anggota dan pegawai diasah. Kajian ini melihat kepada terdapat juga keperluan latihan khusus bagi operasi anti-penyeludupan yang bersesuaian dengan keperluan khusus termasuk menyesuaikan keadaan persekitaran kursus dengan lokasi kawasan operasi yang pelbagai. Memandangkan lokasi kawasan sempadan yang mencabar, maka pihak AKSEM perlu memastikan bahawa anggotanya sentiasa bersedia untuk menjalani tugas di kawasan sensitif sempadan negara. Salah satu tugas utama yang dipikul oleh pihak AKSEM adalah untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan anggota dan pegawai mereka kerana penyeludupan dan perdagangan haram sentiasa berkembang dengan cara yang bersifat lebih canggih.

Sebagai satu langkah proaktif bagi mengekang rasuah, satu cadangan agar tempoh seseorang anggota dan pegawai di sesebuah kawasan dihadkan. Kajian ini mencadangkan agar tempoh dihadkan kepada tiga bulan. Selain itu, bagi menyokong

langkah ini, sistem pergiliran dalam menjalankan jadual tugas turut dicadangkan. Ini adalah bagi mengelakkan potensi berlaku komunikasi yang kerap dan rapat antara penguat kuasa dan penyeludup.

5.3.2 Rasionalisasi Tarif Rokok

Harga rokok merupakan faktor utama yang mendorong pembeli memilih menggunakan rokok seludup. Justeru pihak kerajaan perlu melakukan pertimbangan khusus dalam menaikkan tarif cukai rokok. Seperti yang kerap kali dilaporkan di media yang kerajaan kehilangan berbilion ringgit akibat daripada penjualan rokok seludup maka pihak kerajaan perlu memikirkan satu solusi terbaik bagi mengekang kehilangan sumber negara ini. Oleh demikian, kajian ini mencadangkan agar pihak kerajaan mengurangkan cukai ke atas rokok berdasarkan kepada jenis rokok.

Kajian ini turut mencadangkan agar pihak berwajib terlebih dahulu menjalankan kajian terhadap pengguna rokok tentang kemampuan mereka dalam membeli rokok. Dengan adanya kajian seperti itu, harga rokok akan dapat dirasionalkan berdasarkan kemampuan pengguna sekali gus perkara ini dapat mengurangkan rokok seludup masuk ke negara ini.

5.3.3 Mengadakan Program Bersama Orang Awam

Kajian ini mencadangkan agar pihak AKSEM melakukan program bersama orang awam secara berkala. Melalui program yang dijalankan, AKSEM hendaklah memberi pendedahan kepada orang awam mengenai penyeludupan dan bahaya rokok seludup. Oleh demikian, kajian ini mencadangkan supaya AKSEM mendapatkan kerjasama dan bersama-sama agensi lain mengadakan program secara berkala ini dan kajian ini

mengusulkan agar program ini dijalankan secara bersama dengan JKDM, LKTN, dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kajian ini mencadangkan program ini dilakukan pada setiap hujung bulan di setiap bulan. Di dalam program ini, AKSEM dan agensi-agensi yang terlibat perlulah membuka ruang kepada orang awam untuk berkongsi maklumat atau apa sahaja pengalaman mereka.

Selain daripada program, kajian ini mencadangkan agar sekali lagi AKSEM bekerjasama dengan JKDM, LKTN, dan KKM mengeluarkan poster dan pamflet untuk diedarkan kepada orang awam. Edaran awam ini hendaklah dilakukan secara berkala seperti tiga bulan sekali dan ianya perlulah dibuat dengan menggunakan rekabentuk menarik serta menggunakan perkataan yang mudah difahami.

Menjalankan Kerjasama Dengan Pelbagai Agensi Penguatkuasaan

Walaupun kajian mendapati bahawa AKSEM Pengkalan Kubor mempunyai kerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan lain, namun kajian ini tetap memberi penekanan yang perlu adanya kerjasama antara AKSEM dengan pelbagai agensi penguatkuasaan. AKSEM perlulah tidak menghadkan jalinan kerjasama hanya dengan agensi penguatkuasaan sempadan sahaja.

Kajian ini mencadangkan agar AKSEM bekerjasama dengan PBT dalam mengekang kewujudan stor-stor dan rumah-rumah haram yang didirikan di pinggir Sungai Golok. Dengan jalinan kerjasama ini, AKSEM akan dapat melakukan pemantauan dengan lebih berkesan sekiranya rumah-rumah haram berjaya dihapuskan.

5.3.4 Menambahbaik Akta Sedia Ada

Walaupun Akta 799 merupakan akta yang baru dan ianya boleh dikatakan selaras dengan keadaan semasa, namun ianya masih memerlukan penambahbaikan. Kajian ini mencadangkan agar dilakukan penambahan kepada kaedah-kaedah dan tatacara khusus dalam menjalankan pencegahan penyeludupan di sempadan darat negara. Selain itu, kajian ini berpendapat perlunya diwujudkan satu akta khusus untuk mengawal kegiatan tonto. Perkara ini berikutan pihak berkuasa di sempadan seringkali berhadapan dengan tonto namun penguatkuasaan terhadap golongan ini sukar diambil kerana tiada akta yang khusus yang membolehkan mereka didakwa.

5.3.5 Menggunakan Aset dan Peralatan Logistik Terkini

Kajian ini mencadangkan agar pihak AKSEM menggunakan aset terkini dan canggih terutamanya kenderaan. Kajian ini menyarankan pihak AKSEM menyediakan kenderaan yang canggih dan tahan lasak. Selain itu, kajian ini turut merasakan yang AKSEM perlu dibekalkan dengan set '*walkie talkie*' terkini dan '*trazer gun*' dalam melaksanakan tugas mereka.

CCTV di sempadan dicadangkan oleh kajian ini untuk digunakan oleh AKSEM Pengkalan Kubor. Berikutan kawasan sempadan yang tidak dipagari oleh apa-apa tembok mahupun pagar, maka penggunaan CCTV dilihat mampu membantu AKSEM mengawal sempadan negara. Kajian ini mencadangkan agar CCTV diletakkan di kawasan yang disyaki menjadi sasaran penyeludup. Bagi mengelakkan berlaku sebarang vandalisme ke atas CCTV maka kajian ini mencadangkan agar CCTV yang diletakkan adalah daripada jenis yang tahan lasak serta disertakan dengan sistem keselamatan yang canggih.

5.4 Kajian Akan Datang

Bagi kajian yang telah dilakukan ini, fokus kajian adalah tertumpu kepada peranan serta tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor dan cabaran mereka dalam mengekang penyeludupan rokok. Disebabkan fokus kajian ini dilihat hanya terhad di sempadan Pengkalan Kubor, maka perlunya dilakukan kajian di daerah-daerah sempadan lain seperti di Kedah, Perlis, dan Perak. Selain itu, berikutan AKSEM mempunyai kuasa di sempadan darat seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, justeru perlu adanya kajian khusus berkaitan penguatkuasaan AKSEM di sempadan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Brunei. Kajian tersebut pastinya mengandungi kandungan yang berbeza berbanding di sempadan Malaysia-Thailand berikutan penguatkuasaan negara jiran yang berbeza.

Kajian ini mengakui bahawa kegiatan penyeludupan rokok yang seperti sukar dibendung di sempadan Kelantan-Thailand adalah dimonopoli oleh penduduk di sekitar kawasan sempadan. Bagi melihat apakah penduduk sempadan adalah penggerak kepada kegiatan penyeludupan maka perlu adanya kajian di beberapa bandar sempadan lain untuk melihat perbandingan terhadap kegiatan-kegiatan tersebut. Selain itu, perlu juga dikaji bagaimana penguat kuasa di Thailand bekerja dan kenapa penyeludup senang lepas serta apa masalah lain yang berlaku di sebelah Thailand.

5.5 Penutup

Kajian ini telah memberi pendedahan terhadap tanggungjawab dan peranan AKSEM Pengkalan Kubor dalam mengekang penyeludupan rokok. Hasil kajian ini memberi pengertian terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor sama ada dalam bentuk dalaman mahupun luaran. Kajian ini membuktikan bahawa AKSEM sebagai agensi penguat kuasa utama di sempadan negara berdepan dengan masalah sumber manusia yang kritikal.

Sebagai agensi kawalan sempadan, AKSEM Pengkalan Kubor tidak terlepas daripada isu integriti. Makanya kajian ini mengiakan laporan-laporan berkaitan masalah integriti di sempadan negara di mana kajian ini menunjukkan yang integriti adalah antara masalah utama yang menghalang usaha membanteras penyeludupan rokok. Kajian ini merungkai yang AKSEM Pengkalan Kubor bukan sahaja mewarisi struktur UPP malahan ianya turut diwarisi dengan aset dan logistik UPP. AKSEM Pengkalan Kubor didapati masih menggunakan kenderaan-kenderaan dan aset-aset lama yang sudah tidak sesuai digunakan bagi penguatkuasaan. Ekoran itu, AKSEM Pengkalan Kubor dilihat sedikit terkebelakang berbanding penyeludup yang menggunakan kenderaan canggih dan terkini.

Antara hasil kajian yang dianggap penting adalah faktor kemasukan rokok seludup ke negara ini. Kajian ini mendapati bahawa rokok seludup dibawa masuk ke negara ini kesan daripada kenaikan harga rokok di negara ini. Sehubungan itu, harga rokok seludup yang lebih murah menjadi pilihan pengguna sekali gus menjadikan adanya permintaan yang tinggi terhadap rokok seludup.

Dapatan-dapatan dari kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan bagi memantapkan mahupun melakukan penambahbaikan di dalam agensi penguatkuasaan secara amnya dan AKSEM secara khususnya. Dengan terhasilnya kajian ini, diharapkan ia mampu memberi kesan positif terhadap aspek kawalan sempadan Malaysia dan pencegahan penyeludupan di kawasan sempadan dan merealisasikan impian kerajaan untuk menjadikan negara bebas rokok seludup.

Kajian ini juga mendapati bahawa aktiviti penyeludupan rokok di Pengkalan Kubor menepati RCT yang menegaskan bahawa penglibatan penyeludup dalam aktiviti penyeludupan adalah diasaskan kepada pilihan rasional individu tersebut. Penyeludup melakukan aktiviti penyeludupan kerana keuntungan melebihi kos yang diperlukan untuk melakukannya. Dengan segala kelemahan yang ada pada AKSEM peluang penyeludup ditangkap adalah rendah. Kemungkinan untuk penyeludup dikenakan hukuman berat jika ditangkap juga rendah.

Oleh itu, mengikut teori ini, usaha membanteras penyeludupan rokok akan lebih berjaya jika segala kelemahan yang ada pada AKSEM diatasi menyebabkan peluang penyeludup ditangkap menjadi tinggi, begitu juga dengan penganan hukuman yang lebih berat yang akan mampu membendung aktiviti penyeludupan rokok.

RUJUKAN

DOKUMEN LAPORAN RASMI

- Academy (n.d.). *Implications of Choice Theory on Social Policy & Crime*. Didapatkan 2 Mei 2019, daripada <https://study.com/academy/lesson/implications-of-choice-theory-on-social-policy-crime.html>
- Abdullah, H., Norehan, A., Selamah, M., & Fauzi, H. (2015). *Aktiviti penyeludupan di Sungai Golok dan Bandar Rantau Panjang*. Sintok: UUM Press.
- Akta 799. (2017). *Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia. Didapatkan 3 Julai 2018, daripada http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputaktap/aktaBI_20171130_799BI.pdf
- Amirullah, A., Fazira, A., & Salman, A. (2017). *Illicit Trade in Malaysia: Causes & Consequences*. Kuala Lumpur: IDEAS Policy Research Berhad.
- Arsovska, Jana, & Kostakos, Panos A. (2008). *Illicit Arms Trafficking And The Limits Of Rational Choice Theory: The Case Of The Balkans*. Dalam *Trends in Organized Crime*. December 2008, Volume 11, Issue 4, hlm. 352–378.
- Ayob, A. M. (1995). *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badan Kesihatan Dunia. (2003). *WHO Framework Convention on Tobacco Control*. Geneva: World Health Organization. Didapatkan 4 Mei 2018, daripada http://www.who.int/tobacco/framework/WHO_FCTC_english.pdf
- Bennett, A., & Colin, E. (2006). Qualitative research: Recent developments in case study methods. *Annual Review of Political Science*, 9(1), 455-476.
- Bruns, B., Judith, M., & Kristine, M. (2011). Smuggling and small-scale trade as part of informal economic practices: Empirical findings from the Eastern external EU border. *International Journal of Sociology and Social Policy*, 31(11/12), 664-680.
- Charun, A. B. (2011). *Penyeludupan Dadah oleh Warga Asing: Kajian Terhadap Modus Operandi, Jenis-Jenis Dadah dan Impak ke atas Keselamatan Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Deflem, M., & Henry-Turner, K. (2001). *Smuggling, The Encyclopaedia of Criminology and Deviant Behaviour*. Philadelphia: Brunner-Routledge.
- Farzanegan, M. R. (2009). Illegal trade in the Iranian economy: Evidence from a structural model. *European Journal of Political Economy*, 25(4), 489-507.
- Guzman, Haslag, J. H., Orrenius, P. M., & Mark G. (2008). On the determinants of optimal border enforcement. *Economic theory*, 34(2), 261-296.

- Haji Jaidin, Zulhilmi (2010). Teori-Teori Rasional (Rational Theories) Dalam Kriminologi: Dilihat Dari Sudut Sosiologi. *Janang/Bilangan 10*, <http://apb.ubd.edu.bn/janang/bil-10-table-of-contents/>
- Husin, M. F. (2001). *Jenayah Rasuah Di Agensi Penguatkuasaan Undang-undang Di Malaysia : Satu Analisis Persepsi Pegawai Awam Di Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Hussin, F., Norehan, A., Hussin, A., & Selamah, M. (2013). Aktiviti Ekonomi Sempadan di Perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu dan Cabaran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII* (hlm. 235-245). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- JKDM. (2014). *Pelan Strategik Jabatan Kastam Diraja Malaysia 2015-2019*. Putrajaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Didapatkan Julai 3, 2018, daripada <http://www.customs.gov.my/ms/Muat%20Turun/Pelan%20Strategik%20JKDM%202015-2019-Medium%20Quality.pdf>
- JKDM. (2018). *Bahagian Penguatkuasaan*. Didapatkan Julai 3, 2018, daripada Portal Rasmi Jabatan Kastam DiRaja Malaysia: http://www.customs.gov.my/ms/ci/pages/ci_ed.aspx
- Joossens, L., & Martin, R. (1995). Smuggling and cross border shopping of tobacco in Europe. *British Medical Journal*, 310(6991), 1393-1397.
- Joossens, L., & Martin, R. (1998). Cigarette smuggling in Europe: who really benefits. *Tobacco control*, 7(1), 66-71.
- Joossens, L., & Martin, R. (2000). How can cigarette smuggling be reduced? *British Medical Journal*, 321(7266), 947-950.
- Kassim, A. (2017). Recent trends in transnational population inflows into Malaysia: policy, issues and challenges. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 51(1), 9-28.
- KDN. (2015). *Pelan Strategik KDN 2015-2020*. Putrajaya: Kementerian Dalam Negeri. Didapatkan Julai 3, 2018, daripada http://www.moha.gov.my/images/penerbitan/pelan_strategik_kdn/pelan_strategik_kdn_2015-2020.pdf
- Khan, M. A. (1999). A zero-penalty stochastic control model and a new control policy for smuggling. *Journal of Interdisciplinary Mathematics*, 2.2(3), 185-191.
- Majid, E., & Mohammad, R. (2016). Identifying and Ranking the Factors Affecting Commodity Smuggling in Coastal Areas of Bushehr Province. *International Journal of Economics and Research*, 195-209.
- Merriman, D. (2003). *Understanding, measure, and combat tobacco smuggling. Toolkit No. 7*. Washington DC: World Bank. Didapatkan Julai 6, 2018

- Merriman, D., Yurekli, A., & Chaloupka, F. J. (2000). *How big is the worldwide cigarette smuggling problem?* Dalam *Tobacco control in developing countries*, (hlm. 365-392). Oxford: Oxford University Press.
- MOA. (2018). *Fungsi dan Penguatkuasaan*. Didapatkan Julai 4, 2018, daripada Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Industri Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,; http://www.elesen.moa.gov.my/?page_id=56
- Nordin, A. F. (2001). *Institutional Issues in the Implementation of a Coordinated Cadastral System for Peninsular Malaysia: A Study on the Legal and Organisational Aspects*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman, Z., Idris, N. A., & Druis, M. D. (2017). Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 60-72.
- Parlimen Malaysia. (2015). *Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara*. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia. Didapatkan Mei 6, 2018, daripada <http://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-06072015.pdf>
- Pascale, Selina (n.d.). *Political Behaviour And The Rational Choice Theory*. Didapatkan 2 Mei 2019, daripada <https://www.kingsnews.org/articles/political-behaviour-and-the-rational-choice-theory>
- Patton MQ. *Qualitative research and evaluation methods*. 3rd Sage Publications; Thousand Oaks, CA: 2002.
- Pavlovich-Kochi, V., & Morehouse, B. J. (2017). *Challenged borderlands: transcending political and cultural boundaries*. London: Routledge.
- Roger D. and Nesshoever W. (1987) The construction and preliminary validation of a scale for measuring emotional control. *Person. indicid.* 01x. 8, 527-534.
- Strik, T. (2012). *Lives lost in the Mediterranean Sea: who is responsible?* Netherlands: Committee on Migration, Refugees and Displaced Persons. Didapatkan Julai 4, 2018, daripada <http://repository.ubn.ru.nl/bitstream/handle/2066/156287/156287.pdf>
- Tajul, A. M., Afizar, A., & Haslindar, I. (2011). Underground economy in Malaysia: evidence from smuggling activities in Penang. *International Journal of Current Research*, 3(5), 107-110.
- The Financial Action Task Force. (2012). *Illicit Trade in Tobacco*. Paris: The Financial Action Task Force. Didapatkan Jun 28, 2018, daripada <http://www.fatf-gafi.org/media/fatf/documents/reports/Illicit%20Tobacco%20Trade.pdf>

Thursby, M. C., & Jerry, G. T. (1994). Interstate Cigarette Bootlegging: Extent, Revenue Losses, and Effects of Government Intervention. *International Trade and Investment*. National Tax Journal.

Treasury, (2 November 2018). *Teks Ucapan Bajet 2019*, diperolehi pada 20 April 2019 dari Treasury: <http://www.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub19.pdf>

Von Lampe, K. (2010). The Illegal Cigarette Trade. Dalam M. Natarajan, *International crime and justice* (hlm. 148-154). New York: Cambridge University Press.

Yusuf, H. (2016, Ogos). *Masalah Jenayah Rentas Sempadan Dan Kesannya Ke Atas Keselamatan Negara: Sekuritisasi Ancaman Pendatang Asing Tanpa Izin, Penyalahgunaan Dadah, Dan Penyeludupan Senjata Api*. Didapatkan Ogos 29, 2018, daripada scribd: <https://www.scribd.com/doc/265174018/Masalah-Jenayah-Rentas-Sempadan-Dan-Kesannya-Ke-Atas-Keselamatan-Negara-Sekuritisasi-Ancaman-Pendatang-Asing-Tanpa-Izin-Penyalahgunaan-Dadah-Dan-Pe>

AKHBAR, BULETIN DAN MAJALAH

Astro Awani. (2017, 23 Oktober). *Semakin naik harga rokok, semakin banyak masalah - Pakar cukai*. Didapatkan 9 Julai 2018, daripada Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/semakin-naik-harga-rokok-semakin-banyak-masalah-pakar-cukai-158736>

Astro Awani. (2017, 26 Disember). *Akta Aksem berkuat kuasa Jumaat ini*. Didapatkan 3 Julai 2018, daripada Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/akta-aksem-berkuat-kuasa-jumaat-ini-163965>

Astro Awani. (2019, 14 Januari). *Kastam rampas rokok seludup bernilai RM7.25 juta*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Astro Awani: [HYPERLINK "http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kastam-rampas-rokok-seludup-bernilai-rm7-25-juta-195998"](http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kastam-rampas-rokok-seludup-bernilai-rm7-25-juta-195998)<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kastam-rampas-rokok-seludup-bernilai-rm7-25-juta-195998>

Benarnews. (2016, 5 Ogos). *Polis Dengan Integriti Tinggi Diperlukan Di Sempadan - Bekas Ketua Polis Negara*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Benarnews: [HYPERLINK "https://www.benarnews.org/malay/berita/my-musa-hassan-160805-08052016135604.html"](https://www.benarnews.org/malay/berita/my-musa-hassan-160805-08052016135604.html)<https://www.benarnews.org/malay/berita/my-musa-hassan-160805-08052016135604.html>

Berita Harian. (2015, 2 November). *UPP kini jadi Agensi Keselamatan Sempadan*. Didapatkan 3 Julai 2018, daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/node/93740>

Berita Harian. (2017, 12 Oktober). *Rokok seludup RM1.1juta dirampas*. Didapatkan 23 Jun 2018, daripada Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10/336303/rokok-seludup-rm11juta-dirampas>

- Berita Harian. (2018, 7 Januari). *Kastam kelantan lancar operasi khas banteras penyeludupan esok*. Didapatkan 23 Jun 2018, daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/01/372118/kastam-kelantan-lancar-operasi-khas-banteras-penyeludupan-eso>
- Berita Harian. (2018, 29 Mac). *PARLIMEN: Rampasan rokok seludup lebih RM294j*. Didapatkan 13 Julai 2018, daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/405010/parlimen-rampasan-rokok-seludup-lebih-rm294j>
- Berita Harian. (2018, 22 Julai). *Perhalusi Nilai Integriti Negara Jayakan TN50*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Integriti: <http://integriti.my/2017/07/22/perhalusi-nilai-integriti-negara-jayakantn50/>
- Berita Harian. (2018, 27 Julai). *Sangat mudah menyeludup melalui pangkalan haram*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/node/297361>
- Berita Harian. (2019, 25 Februari). *Rokok seludup RM8.67 juta dirampas*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/02/534797/rokok-seludup-rm867-juta-dirampas>
- Berita Harian. (2019, 27 Mac). *Agensi berkaitan maritim perlu selesaikan isu bertindih*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/545836/agensi-berkaitan-maritim-perlu-selesaikan-isu-bertindih>
- Bernamea. (2019, 9 Februari). *APMM berjaya tumpas 40 kes penyeludupan bernilai RM22 juta sepanjang 2018*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Bernama: <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1692705>
- Free Malaysia Today. (2017, 23 Ogos). *Rokok haram tetap laris walaupun tindakan keras kastam*. Didapatkan 6 Julai 2018, daripada Free Malaysia Today Online: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/08/23/rokok-haram-tetap-laris-walaupun-tindakan-keras-kastam/>
- Free Malaysia Today. (2017, 10 Januari). *Serbuan demi serbuan, rokok seludup tetap hidup*. Didapatkan 23 Jun 2018, daripada Free Malaysia Today: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/01/10/serbuan-demi-serbuan-rokok-seludup-tetap-hidup/>
- Harian Metro. (2018, 5 April). *PPM, APMM: Rokok seludup makin parah*. Didapatkan 20 April 2019, daripada Harian Metro Online: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/04/327646/ppm-apmm-rokok-seludup-makin-parah>
- Harian Metro. (2018, 8 April). *Rokok seludup mudah*. Didapatkan 6 Julai 2018, daripada Harian Metro Online: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/04/328853/rokok-seludup-mudah>

- Harian Metro. (2018, 26 Julai). *Kartel taiko ala mafia*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Harian Metro Online*: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/07/361845/kartel-taiko-ala-mafia-metrotv>
- Harian Metro. (2018, 16 November). *Cetak sendiri setem rokok*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Harian Metro Online*: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/11/395735/cetak-sendiri-setem-rokok>
- Harian Metro. (2018, 30 November). *Rokok seludup denda RM100,000, sebat*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Harian Metro Online*: <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/11/399473/rokok-seludup-denda-rm100000-sebat>
- Harian Metro. (2019, 3 April). *Penguatkuasaan bersepadu dan berterusan bendung rokok seludup*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Harian Metro Online*: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/04/440586/penguatkuasaan-bersepadu-dan-berterusan-bendung-rokok-seludup>
- Insight Crime. (2011, 2 Disember). *Mexican Drug Cartels and the Limits of Rational Choice*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Insight Crime*: <https://www.insightcrime.org/news/analysis/mexican-drug-cartels-and-the-limits-of-rational-choice/>
- Kosmo. (2015, 10 November). *Sempadan negara lubuk penyeludup*. Didapatkan 16 Julai 2018, daripada *Kosmo Online*: http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=1110&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm
- Malaysia Kini. (2019, 11 Januari). *Sellers of contraband cigarettes to face harsher penalties*. Didapatkan 15 Januari 2019, daripada *Malaysia Kini*: <https://www.malaysiakini.com/advertorial/459783>
- Malaysia Kini. (2019, 22 Mac). *Membongkar modus operandi penyeludupan alkohol, rokok*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Malaysia Kini*: <https://www.malaysiakini.com/news/469054>
- Malaysia Kini. (2019, 26 Mac). *Seludup rokok, alkohol: SPRM 'ketuk pintu' kastam*. Didapatkan 20 April 2019, daripada *Malaysia Kini*: <https://www.malaysiakini.com/news/469620>
- Mstar. (2015, 26 Mei). *Pembinaan Pagar Keselamatan Sempadan Malaysia-Thailand Masih Peringkat Kajian*. Didapatkan 30 Mei 2018, daripada *Mstar Online*: <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2016/05/26/pembinaan-pagar-keselamatan-sempadan/#HXTdbhyuJBqHtAZB.99>
- Reuters. (2013, 18 April). *Europe's illegal cigarette trade grows again - report*. Didapatkan 10 Julai 2018, daripada *Reuters*: <https://uk.reuters.com/article/uk-eu-tobacco/europes-illegal-cigarette-trade-grows-again-report-idUKBRE93G0Q020130417>

- Sinar Harian. (2017, 26 Disember). *Aksem berkuat kuasa Jumaat ini*. Didapatkan 3 Julai 2018, daripada Sinar Harian Online: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/aksem-berkuat-kuasa-jumaat-ini-1.775059>
- Sinar Harian. (2017, 22 Jun). *Aksem kena tambah anggota*. Didapatkan 6 Jun 2018, daripada Sinar Harian Online: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/perak/aksem-kena-tambah-anggota-1.693532>
- Sinar Harian. (2017, 1 Julai). *Rokok seludup: Denda RM100,000*. Didapatkan 10 Julai 2018, daripada Sinar Harian Online: <http://www.sinarharian.com.my/nasional/rokok-seludup-denda-rm100-000-1.695595>
- Sinar Harian. (2019, 7 Januari). *Hukuman berat menanti penjual rokok, arak tak lulus Kastam*. Didapatkan 15 Januari 2019, daripada Sinar Harian: <https://www.sinarharian.com.my/article/6072>
- Utusan. (2017, 6 Julai). *Tinggalkan jenayah rentas sempadan*. Didapatkan 16 Julai 2018, daripada Utusan Online: <http://m.utusan.com.my/berita/wilayah/kelantan/tinggalkan-jenayah-rentas-sempadan-1.499779>
- Utusan Malaysia. (2018, 11 Disember). *Hukuman lebih berat kepada sindiket seludup rokok, arak tahun depan*. Didapatkan 15 Januari 2019, daripada Utusan Malaysia: <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/hukuman-lebih-berat-kepada-sindiket-seludup-rokok-arak-tahun-depan-1.802937>



LAMPIRAN

LAMPIRAN 1

Soalan Temubual: AKSEM Pengkalan Kubor

Seksyen A: Peranan dan Tanggungjawab AKSEM Pengkalan Kubor

1. Apakah tanggungjawab dan peranan pihak AKSEM Pengkalan Kubor dalam menangani isu penyeludupan rokok di kawasan seliaan?

Jawapan:

2. Apakah modus operandi digunakan pihak Tuan untuk membanteras aktiviti penyeludupan yang kian meruncing ini?

Jawapan:

3. Bagaimanakah cara kerja yang pihak Tuan gunakan untuk membanteras aktiviti penyeludupan yang kian meruncing ini?

Jawapan:

4. Adakah terdapat langkah pencegahan khusus yang digunakan oleh pihak Tuan atau dalam perancangan agensi untuk dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan ini?

Jawapan:

5. Selain daripada AKSEM sendiri, adakah pihak Tuan bekerjasama dengan agensi lain dalam menjalankan operasi?

Jawapan:

6. Bagaimanakah proses undang-undang selepas serbuan / tangkapan / rampasan dilakukan?

Jawapan:

Seksyen B: Masalah Dalaman AKSEM Pengkalan Kubor

7. Pada pendapat Tuan, apakah masalah dalaman yang dihadapi oleh AKSEM Pengkalan Kubor dalam membanteras aktiviti penyeludupan yang kian meruncing ini?

Jawapan:

8. Adakah integriti anggota dan pegawai Tuan menjadi cabaran dan masalah kepada AKSEM dalam menangani masalah penyeludupan?

Jawapan:

9. Apakah AKSEM Pengkalan Kubor mengalami kekangan dari segi sumber manusia? (Adakah berlaku kekurangan anggota?)

Jawapan:

10. Adakah AKSEM Pengkalan Kubor menggunakan peralatan/teknologi terkini dalam mengawal aktiviti di sempadan?

Jawapan:

11. Apakah berlaku isu logistik dalam menangani masalah jenayah rentas sempadan?

Jawapan:

Seksyen C: Masalah Luaran AKSEM Pengkalan Kubor

12. Menurut pendapat dan pengalaman Tuan, adakah AKSEM menghadapi masalah dari segi mendapat kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain?

Jawapan:

13. Adakah AKSEM menghadapi masalah dari segi kerjasama dengan orang awam dan penduduk tempatan dalam membanteras jenayah ini?

Jawapan:

14. Apakah ada terdapat kes di mana orang awam/penduduk tempatan bertindak melindungi penjenayah?

Jawapan:

15. Dari segi penguatkuasaan undang-undang, apakah Tuan merasakan punca kuasa dan Akta 799 yang digubal baru-baru ini cukup untuk pasukan AKSEM mengawal serta membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan?

Jawapan:

16. Apakah perlu penambahbaikan atau disediakan akta yang baru atau perlu diberi lebih kuasa dalam bentuk penguatkuasaan kepada AKSEM?

Jawapan:

17. Laluan di kawasan manakah yang sering digunakan oleh penyeludup di kawasan seliaan Tuan? Menurut pandangan Tuan, mengapa mereka memilih laluan tersebut?

Jawapan:

18. Apakah modus operandi yang kerap kali diulang guna oleh penyeludup di kawasan seliaan Tuan?

Jawapan:

19. Apakah taktik yang digunakan penyeludup berbeza dan sentiasa berubah-ubah atau mereka cenderung menggunakan taktik yang sama?

Jawapan:

20. Menurut pandangan Tuan, kenapa penyeludup menyeludup rokok masuk ke negara ini?

Jawapan:

21. Menurut pandangan Tuan, antara faktor harga rokok, kedudukan geografi, ekonomi, politik, dan sosial negara, faktor manakah yang menjadi faktor terpenting rokok diseludup masuk?

Jawapan:

Seksyen D: Soalan Umum

22. Dari tahun 2015 hingga 2017, berapa ramaikah penyeludup warga asing dan warga tempatan yang telah ditahan di kawasan seliaan Tuan?


Jawapan:

23. Adakah Tuan merasakan kaedah dan undang-undang semasa mampu membanteras jenayah penyeludupan rokok?

Jawapan:

24. Apakah cadangan Tuan bagi memantapkan lagi usaha mencegah penyeludupan rokok ke negara ini?

Jawapan:



UUM
Universiti Utara Malaysia

Seksyen E: Latar Belakang

Sila tandakan di ruang berkaitan

1. Jantina

Lelaki

Perempuan

2. Bangsa

Melayu

Cina

India

Lain-lain

3. Pendidikan

PhD

Sarjana

Sarjana Muda

Diploma

STPM

SPM

Lain-lain

4. Jawatan:



Soalan Temubual: Orang Awam

Seksyen A1 merupakan soalan temubual yang melibatkan penyeludup dan pengedar manakala Seksyen A2 untuk pembeli

Seksyen B merupakan soalan temubual yang melibatkan ketua komuniti dan penduduk tempatan

Seksyen C&D merupakan soalan temubual yang perlu dijawab oleh kesemua responden

Seksyen A1 – Penyeludup dan Pengedar

1. Sudah berapa lamakah anda bergiat dengan aktiviti penyeludupan/menjual barangan seludup?

Jawapan:

2. Apakah cara yang sering digunakan bagi menyeludup masuk rokok/menjual barangan seludup ke negara ini?

Jawapan:

3. Sudah berapa lamakah anda bergiat dengan aktiviti penyeludupan?

Jawapan:

4. Apakah cara yang sering digunakan bagi menyeludup masuk rokok ke negara ini?

Jawapan:

5. Adakah anda menggunakan cara dan kaedah yang sama atau sentiasa berubah-ubah?

Jawapan:

6. Berapakah upah / bayaran yang diperoleh?

Jawapan:

7. Sejauh manakah anda merasakan AKSEM dan pihak berkuasa menjalankan penguatkuasaan dalam menghalang penyeludupan?

Jawapan:

8. Adakah anda merasakan AKSEM dan pihak berkuasa menjalankan penguatkuasaan secara agresif dan menyeluruh?

Jawapan:

9. Pernahkah anda ditangkap dan diambil tindakan undang-undang? (Jika ya, apakah tindakan yang dikenakan).

Jawapan:

10. Adakah anda merasakan yang hukuman yang dikenakan terhadap pesalah kes penyeludupan ringan/berat?

Jawapan:

Seksyen A2 - Pembeli

11. Mengapakah anda membeli rokok seludup?

Jawapan:

12. Adakah anda mengetahui bahawa adalah menjadi kesalahan membeli barangan seludup?

Jawapan:

Seksyen B

13. Adakah anda merasakan aktiviti penyeludupan yang berlaku di kawasan anda memberi ancaman kepada penduduk setempat?

Jawapan:

14. Sejauh manakah anda merasakan AKSEM dan pihak berkuasa di sempadan memberi kesan dalam mengekang gejala penyeludupan?

Jawapan:

15. Adakah anda merasakan AKSEM dan pihak berkuasa di sempadan menjalankan penguatkuasaan secara agresif dan menyeluruh?

Jawapan:

16. Adakah anda merasakan yang hukuman/undang-undang/tindakan yang dikenakan terhadap pesalah kes penyeludupan rokok/barangan komoditi ringan/berat?

Jawapan:

17. Apakah yang dilakukan oleh anda sebagai penduduk / ketua komuniti dalam membantu pihak berkuasa membanteras penyeludupan?

Jawapan:

18. Adakah anda yakin dengan integriti anggota dan pegawai yang bertanggungjawab menangani masalah penyeludupan?

Jawapan:

Seksyen C: Soalan Umum

19. Pada pendapat anda, kenapa rokok diseludup masuk ke negara ini?

Jawapan:

20. Menurut pandangan anda, antara harga rokok, kedudukan geografi, ekonomi, politik dan sosial negara, faktor manakah yang menjadi faktor terpenting rokok diseludup masuk?

Jawapan:

21. Adakah anda merasakan kaedah semasa yang digunakan oleh pihak berkuasa mampu menangani masalah penyeludupan?

Jawapan:

22. Apakah cadangan anda bagi memantapkan lagi usaha menangani masalah penyeludupan?

Jawapan:

Seksyen D: Latar Belakang

Sila tandakan di ruang berkaitan

1. Jantina

Lelaki

Perempuan

2. Bangsa

Melayu

Cina

India

Lain-lain

3. Pendidikan

PhD

Sarjana

Sarjana Muda

Diploma

STPM

SPM

Lain-lain

4. Jawatan:

